


**Jilid II  
Bil. 54**



**Hari Isnin  
1hb Disember, 1980**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 6601]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1981**  
**Jawatankuasa (Hari Keempat Belas)—**

**Jadual:**

**Maksud B. 47, B. 48 dan B. 49 [Ruangan 6631]**

**Maksud B. 60, B. 61 dan B. 62 [Ruangan 6671]**

**USUL-USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1981**  
**Jawatankuasa (Hari Keempat Belas)—**

**Maksud P. 47, P. 48 dan P. 49 [Ruangan 6631]**

**Maksud P. 60, P. 61 dan P. 62 [Ruangan 6671]**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan**  
**Mesyuarat [Ruangan 6675]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

**Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

” **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO’ SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

” **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

” **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

” **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., (Kuala Langat).**

” **Menteri Wilayah Persekutuan, DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).**

” **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

” **Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

” **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**

” **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

” **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

” **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

” **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**

” **Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**

” **Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**

” **Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**

” **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).**

” **Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).**

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- " Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- " Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- " Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- " Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- " Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- " Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- " Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- " Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- " Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- " Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- " Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- " Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- " Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,  
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK  
EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah,  
DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N.  
(Batu Pahat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN  
ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian,  
TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN  
AHMAD (Machang).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG  
*alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,  
TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- " TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (BANDAU).
- " TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- " TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- " TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- " TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J.,  
S.S.I.J. (Tenggaroh).
- " TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- " DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,  
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- " DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- " TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- " DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- " TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- " TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- " DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- " TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- " TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- " TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- " TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- " DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- " DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- " TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- " TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- " TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- " TUAN V. DAVID (Damansara).
- " TUAN EDWARD ESNEN UNANG (Mukah).
- " DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).

- Yang Berhormat DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau),
- " TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- " DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- " DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- " TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- " TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- " DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- " TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- " DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- " TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- " TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- " TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- " TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- " TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- " TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- " TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- " TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- " TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- " DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- " TUAN LEE KAW (Kluang).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- " DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- " TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- " TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- " TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- " TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUAN MOHD. ALI BIN SHARIFF (Kuantan).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- " TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- " TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- " TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa)
- " DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

Yang Berhormat DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).

- " TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- " TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- " TUAN P. PATTO (Menglembu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- " DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- " DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- " DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- " TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- " TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- " TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- " PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- " TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- " TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- " TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- " TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- " TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- " DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- " WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- " WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- " TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- " DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- " TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- " PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar)
- " DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- " DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- " TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Magaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 1hb Disember, 1980

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

ORANG ASLI DALAM KAMPUNG  
TERSUSUN

**1. Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah Orang-orang Asli yang telah ditempatkan di kampung-kampung tersusun dan juga bilangan kampung-kampung itu di seluruh Malaysia.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sejumlah 8,500 Orang Asli telahpun ditempatkan ke dalam 170 buah kampung.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Orang-orang Asli yang akan ditempatkan di dalam kampung-kampung baru di sepanjang Lebuh raya Timur-Barat daripada Gerik ke Jeli akan diberi keperluan-keperluan asas sepertimana juga kampung-kampung baru yang ada di seluruh Malaysia pada hari ini.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Jumlah yang saya sebutkan tadi adalah jumlah mereka yang telah ditempatkan di kampung-kampung baru *in situ* dan di masa akan datang lebih banyak lagi kampung-kampung baru secara *in situ* akan diadakan dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat tanyakan tadi sememangnya menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan selain daripada menempatkan Orang-orang Asli ini di kampung-kampung tersusun, adakah pihak Kerajaan ataupun pihak Kementerian yang berkenaan mengadakan rancangan-rancangan untuk meninggikan mutu kehidupan Orang-orang Asli dan jika ada, apakah rancangan itu.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Ini memanglah sebahagian daripada hasrat Kerajaan. Sebagai contoh di projek-projek yang telah dilaksanakan kita mengadakan program menanam getah, mengadakan dusun untuk mereka, kelapa sawit dan kelapa dan lain-lain lagi. Selain daripada itu dalam kampung-kampung ini juga didirikan rumah kediaman yang lebih baik, diadakan sekolah, asrama, kemudahan pos, klinik, balai raya, dewan serba-guna dan lain-lain lagi keperluan.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa banyak lagikah pada anggaran Yang Berhormat Timbalan Menteri bilangan Orang-orang Asli yang belum ditempatkan di kampung-kampung tersusun.

Soalan yang kedua, apakah pihak Kementerian beliau menemui sebarang kesulitan apabila hendak menempatkan kembali Orang-orang Asli di dalam kawasan kampung-kampung tersusun.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Lebih kurang 51,000 lagi Orang Asli yang belum ditempatkan di kampung-kampung tersusun, Tetapi ini bukanlah bermakna bahawa keadaan mereka tidak mendapat perhatian langsung. Memang banyak kesulitan apabila kita mahu memindahkan Orang-orang Asli ke kampung-kampung tersusun tetapi oleh kerana projek yang diadakan ini projek *in situ*, ini bererti kita tidak memindahkan terlalu banyak tetapi kita bawakan pembangunan ke tempat yang mereka sudah sedia ada.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah Orang-orang Asli di kampung tersusun itu telah dikembangkan ajaran Islam kepada mereka dan adakah mereka itu diadakan seorang Imam atau Guru Ugama bagi menyebarkan Islam kepada mereka ini dan adakah surau-surau didirikan.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Memang ada diantara Orang-orang Asli yang menganut Ugama Islam tetapi masih ada di kalangan mereka yang masih tidak mempunyai agama ataupun menganut agama lain. Bagi orang-orang yang beragama Islam, kita memang mengadakan kemudahan-kemudahan untuk mereka mempelajari agama dengan lebih teratur lagi.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada apabila Orang-orang Asli ini memeluk Ugama Islam adakah keperluan-keperluan mereka itu dibiayai oleh Kementerian ataupun oleh Kerajaan Negeri.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Buat sementara waktu semua urusan yang berkaitan dengan Orang Asli dikendalikan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tetapi kita memang sentiasa mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri.

#### MINYAK MENTAH DARI SABAH—EKSPORT

**2. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa tong minyak mentah telah diekspor dari Sabah setiap tahun sejak permulaan operasi tersebut dan wang yang dibayar dalam bentuk saguhati kepada Kerajaan Negeri Sabah.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, minyak mentah mula diekspor dari

Sabah mulai tahun 1974 dan jumlah eksport tahunannya adalah:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah Eksport (juta tong)</i>			
1974	...	...	...	0.1
1975	...	...	...	3.0
1976	...	...	...	17.7
1977	...	...	...	26.4
1978	...	...	...	29.7
1979	...	...	...	28.6
1980 (hingga bulan ... September)	...	...	...	19.0

Kerajaan Negeri Sabah menerima bayaran tunai atau royalty daripada minyak mentah yang dikeluarkan. Dalam tahun-tahun tersebut bayaran sebenarnya diterima adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bayaran</i>		
1974	...	...	—
1975	...	...	\$850,000
1976	...	...	\$15.72 juta
1977	...	...	\$38.53 „
1978	...	...	\$50.74 „
1979	...	...	\$50.98 „

#### KADAR PEMBERIAN KEPADA SEKOLAH-SEKOLAH

**3. Tuan Abdul Rahman bin Daud** minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian beliau bercadang menyemak semula kadar pemberian ke sekolah-sekolah dan mengenakan pemberian yang berbeza antara sekolah-sekolah di bandar dan di luar bandar.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Mohamad Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama telah juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj dan jawapannya telahpun diberi pada 4hb November, 1980 yang baru lalu. Saya tidak bercadang untuk menambah jawapan yang telah diberikan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun.

**Tuan A.K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini atas nama Yang Berhormat dari Kimanis.

### HARGA MINYAK KELAPA SAWIT

**4. Tuan A.K. Aliuddin bin Pengiran Haji Mohd. Tahir** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan kepada cita-cita tinggi oleh negara kita bagi meluaskan pengeluaran minyak kelapa sawit; adakah rancangan yang lengkap sedang dijalankan untuk mengawasi hakisan harga-harga barangan ini berturut-turut di dalam pasaran dunia supaya ianya tiada mengancam nafkah pekebun-pekebun kecil.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong):** Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa harga minyak kelapa sawit mentah telah mula naik semenjak pertengahan bulan Oktober tahun ini, dari harga yang paling rendah pada 3hb Oktober iaitu \$662 harga di dalam pasaran tempatan telah dinaikkan kepada \$839 pada 3hb November dan \$1,014 pada 20hb November tahun ini. Penjualan minyak kelapa sawit juga telah bertambah baik dan pasaran baginya juga menampakkan keadaan yang menaik. Walaupun perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa pasaran minyak kelapasawit telah-pun pulih semula, Kerajaan akan terus berusaha untuk menjaga kepentingan industri minyak kelapa sawit supaya pendapatan yang lebih lumayan diperolehi oleh pengeluar-pengeluar termasuk pekebun-pekebun kecil. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan sedang dan akan mengendalikan beberapa rancangan untuk memperkuatkan lagi permintaan dunia terhadap minyak kelapasawit dengan menambahkan pasaran yang sedia

ada mencari pasaran baru, meninggikan lagi produktiviti, memperbaiki mutu, menambahkan penyelidikan mengenai gunaan akhir (end uses) dan mengatur sistem pemasarannya.

Kerajaan sedang mencari jalan dan cara untuk memperluaskan pasaran yang sedia ada dan mencari pasaran baru bagi minyak kelapasawit. Untuk tujuan tersebut rombongan-rombongan perdagangan dan teknikal ke-negara-negara seperti India, Pakistan, Bangladesh, Korea Selatan, Jepun dan Republik Rakyat China telah dihantar dan rombongan ke negara-negara Asia Barat dan pasaran-pasaran baru yang lain sedang dirancangkan.

Di samping itu, Instituit Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), mempunyai rancangan penyelidikan mengenai gunaan akhir minyak kelapasawit dengan tujuan memperluas, memperbaiki dan mencari kegunaan-kegunaan baru dari bahan itu bukan sahaja untuk tujuan makanan tetapi juga untuk tujuan yang bukan makanan seperti sabun, bahan pencuci dan asid lemak. Dalam pada itu, suatu Bahagian Perkhidmatan Nasihat Teknikal telah ditubuhkan di PORIM yang akan membantu para pengguna dalam masalah dan penggunaan minyak kelapasawit.

Dengan tujuan meninggikan produktiviti pengusaha kelapa sawit, Kerajaan melalui PORIM akan meningkatkan daya penyelidikan untuk menambah pengeluaran dan memperbaiki mutu dan dengan ini mengurangkan kos pengeluaran. Dengan langkah-langkah ini minyak kelapa sawit boleh memperbaiki lagi kedudukannya dalam bertanding dengan bahan-bahan minyak dan lemak yang lain di pasaran dunia.

Usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk mendapatkan pasaran yang lebih bagi minyak kelapa sawit dan untuk mengurangkan atau menghapuskan sama sekali sekatan-sekatan tariff dan bukan tariff yang dikenakan oleh negara-negara pengimport. Usaha-usaha juga akan ditumpukan kepada keperluan memperbaiki peraturan-peraturan perkapalan untuk menentukan bahawa minyak kelapa sawit kita dapat diangkut secara berterusan dengan cekap kepada destinasi-destinasi di seluruh dunia.

Sebagai pengeluar minyak kelapa sawit yang cekap dan mempunyai kos yang paling rendah, dan juga purata penggunaan per kapita bagi minyak sayuran dan lemak di dalam negara-negara membangun yang ramai penduduk adalah masih paling rendah. Malaysia mempunyai kedudukan yang kukuh untuk memenuhi keperluan-keperluan masa hadapan bagi minyak sayuran.

Penubuhan BURSA Komoditi (KLCE) baru-baru ini adalah satu usaha Kerajaan yang penting untuk memperkuatkan sistem perdagangan dan pemasaran bahan-bahan utama termasuk minyak kelapasawit. KLCE dapat memenuhi fungsi utama membawakan proses penentuan harga ke negara ini dan tidak bergantung semata-mata kepada pasaran asing seperti London, Amsterdam dan Chicago. Melalui peluang-peluang perdagangan hadapan dan operasi hedging, pengeluaran-pengeluar dan penjual-penjual seperti juga pengguna-pengguna dan pembeli-pembeli akan memperoleh pilihan-pilihan yang lebih untuk membeli dan menjual bagi tempoh yang lebih lama dan dengan harga yang berpatutan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti yang kita maklum penanam-penanam kelapa sawit ini terdiri daripada pekebun-pekebun kecil dari ladang FELDA dan juga estet kepunyaan swasta, jadi masing-masing pekebun ini dan estet ini mempunyai pemerosesan yang tersendiri dan tidak ada satu mutu yang standard seperti getah SMR. Jadi apakah langkah-langkah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu mutu yang standard, kalau pada getah kita namakan SMR, pada ini kita namakan Standard Malaysian Palm Oil (SMPO) untuk men'aga mutu pengeluaran kelapa sawit kita, dengan ini kita dapat menjamin pasaran yang tetap dan meluaskan lagi pasaran ke seluruh dunia.

**Dato' Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat ini dan saya suka memberitahu bahawa Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia telah mengkaji perkara ini. Pada masa akan datang saya harap satu Standard Malaysian Palm Oil boleh diwujudkan di negara kita.

**Dato' Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan minyak kelapa sawit kita mendapat persaingan hebat dengan negeri-negeri lain, jadi dapatkah Yang Berhormat Menteri menerangkan negeri manakah yang berasing dengan kita dan apakah jenis minyak yang mereka keluarkan.

**Dato' Paul Leong Khee Seong:** Tuan Yang di-Pertua, kelapa sawit dari Malaysia akan bersaing dengan lebih kurang 15 minyak sayur-sayuran dan lemak. Oleh itu seperti saya sebutkan tadi tindakan-tindakan telah diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kos pengeluaran minyak kelapa sawit kita dan saya yakin bahawa bahan yang mustahak ini boleh bersaing dengan minyak sayur-sayuran dan lemak di pasaran dunia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kamaluddin bin Maamor.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No 5.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Gerik.

## PENCEMARAN DAN PENIRUAN BAHAN

**5. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali** (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pencemaran dan peniruan bahan bagi kimia pertanian dan baja adalah menjadi-jadi di negara ini dan boleh mendatangkan akibat yang buruk kepada pendapatan petani-petani dan pekebun-pekebun kecil, jika sedar apakah tindakan Kementerian ini supaya baja-baja yang dijual adalah mengikut mutu yang tertentu.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang sedar adanya berlaku kes peniruan dan pencemaran bahan-bahan kimia pertanian dan baja, tetapi kes-kes tersebut tidaklah begitu berleluasa sebagaimana yang dianggapkan, walau bagaimanapun Kementerian sentiasa mengawasi kes-kes tersebut.

Di bawah Akta Racun Makhluk Perosak Tahun 1974, peruntukan telah disediakan untuk pengilang mendaftarkan bahan-bahan kimia yang hendak dipasarkan. Peruntukan ini menentukan supaya bahan-bahan tersebut terjamin mutunya, pegawai-pegawai Kementerian sentiasa mengesan dan meneliti bahan-bahan kilang pertanian yang dipasarkan. Sampel diambil untuk dianalisa dan sekiranya terdapat kes peniruan dan pencemaran, maka pihak pengilang atau pengimport diberi amaran dan agensi pengguna bahan-bahan tersebut dinasihatkan supaya tidak membelinya.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan Kementerian sedar tentang perkara ini ada berlaku. Jadi saya ingin bertanya setakat ini adakah apa-apa tindakan atau laporan yang diterima oleh pihak Kementerian dan adakah perkara ini telahpun dibawa ke mahkamah kerana penyelewengan ini merupakan penyelewengan yang dilakukan oleh kompeni-kompeni besar yang membekalkan baja kepada Kementerian Pertanian.

**Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian tidak ada membawa apa-apa kes ke mahkamah tetapi di dalam pembekalan baja itu selalunya dilakukan melalui suatu agreement, tandatangan perjanjian dan sekiranya didapati bahawa bekalan itu tidak memenuhi hasrat dan specification agreement itu maka Kementerian Pertanian memulangkan kembali bahan-bahan yang dijadikan sebagai bahan perjanjian yang ditandatangani.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi nampaknya Kementerian betul-betul sedar adanya penyelewengan ini. Kalau sedar, adakah Kerajaan bercadang hendak blacklistkan syarikat-syarikat pembekal baja ataupun bahan-bahan kimia yang bertanggungjawab dengan pencemaran dan peniruan bahan-bahan kimia tersebut di masa-masa yang akan datang?

**Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Kementerian setakat ini belum ada lagi tindakan untuk hendak blacklist mana-mana syarikat yang berkenaan. Walau bagaimanapun Kementerian sedang

mengkaji perkara ini dengan teliti dan jika perlu Kementerian sedang menimbang satu Akta bagi menentukan supaya mutu baja adalah seperti-mana yang tercatat pada bungkusan-bungkusan baja ataupun pada perjanjian yang diberikan untuk menyampaikan baja-baja itu.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah dari jumlah bahan-bahan baja yang digunakan oleh petani dalam negara ini dikeluarkan oleh syarikat-syarikat di mana Kerajaan ataupun badan-badan separuh Kerajaan menjadi rakan kongsiannya?

**Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka peratusan itu dan saya perlukan notis untuk memberikan peratusan tersebut.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan setakat ini Kementeriannya belum ada bertindak sedangkan perkara itu wujud. Jadi dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri pada awal tahun ini berita yang disiarkan secara besar-besaran terdapatnya kilang memproses "Round-up" dan racun-racun serangga secara tipu di Ulu Tiram, Johor, tidakkah ada dalam maklumat Kementerian ini dan apakah tindakan akan diambil?

**Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar di atas peristiwa yang berlaku di Ulu Tiram, Johor itu tetapi kalau Yang Berhormat dapat memberikan butiran-butirannya, insya Allah Kementerian saya akan membuat siasatan.

## BEKALAN IKAN BERKURANGAN

6. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bekalan ikan di sekitar laut dekat dengan pantai di negara ini kian berkurangan. Kalau ya, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian beliau untuk menjamin masa depan kaum nelayan di negara ini.

**Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya bekalan ikan di sekitar laut dekat dengan pantai tidak berkurangan tetapi di sebelah pantai barat ada beberapa tanda-tanda menunjukkan berkurangan. Semenjak tahun 1970 hingga akhir tahun 1979 penangkapan telah meningkat daripada 299,005 tan metrik kepada 570,905 tan metrik. Ini merupakan peningkatan sebanyak 47.63%.

Walau bagaimanapun tindakan-tindakan atau langkah-langkah sedang diambil untuk mengekalkan sumber-sumber perikanan dekat pantai meliputi kegiatan-kegiatan penguatkuasaan mencegah penangkapan oleh bot-bot yang tiada berlesen yang cuba menceroboh terutama sekali bot-bot pukut tunda. Langkah-langkah juga diambil untuk memastikan sumber-sumber perikanan tidak dieksploitasi secara berlebihan.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kementerian beliau bercadang untuk menggalakkan nelayan-nelayan yang tinggal di pantai barat Semenanjung Malaysia ini untuk membela ikan ataupun memelihara ikan dalam sangkar di tepi-tepi pantai?

**Tuan Haji Mohamed Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas soalan Yang Berhormat dari Gerik itu. Kementerian memang sedar dan tindakan pun diambil untuk melaksanakan skim penangkapan ikan secara mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu.

## BIRO BANTUAN GUAMAN

**7. Tuan Awang bin Jabar** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan orang-orang miskin yang diberi pertolongan oleh Biro Bantuan Guaman berdasarkan kaum di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bilangan orang-orang miskin yang diberi bantuan guaman oleh Biro Bantuan Guaman di seluruh negara

ini mulai daripada bulan September 1970 hingga bulan Oktober 1980 adalah seperti berikut:

Melayu	...	...	22,989	orang
Cina	...	...	3,788	"
India	...	...	2,309	"
Lain-lain	...	...	466	"
Jumlah	...	...	29,552	"

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, memandangkan bahawa Biro Bantuan Guaman memainkan peranan untuk memberi bantuan guaman kepada orang yang miskin, suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak Biro Bantuan Guaman memperluaskan jenis bantuan kepada orang-orang yang memerlukan bantuan itu.

Yang kedua, apakah tindakan yang telah diambil untuk memperluaskan rancangan Biro itu dari segi menambah pusat-pusat dan juga kakitangan-kakitangan?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kita ada cadangan hendak memperluaskan jenis-jenis pertolongan yang boleh diberi oleh Biro Bantuan Guaman ini.

Jawapan yang kedua ialah masa sekarang kita juga sedang memohon untuk mendapatkan penambahan pegawai-pegawai baru yang berkelulusan undang-undang dan apakala dapat peruntukan itu serta ada mereka yang boleh menjadi pegawai-pegawai yang baru ini, kita akan buka lebih banyak lagi pusat-pusat ataupun cawangan-cawangan Biro Bantuan Guaman di seluruh Malaysia.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dari 29,552 kes di mana kebanyakannya rakyat kita minta bantuan guaman, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan, jika ada, apakah jenis kes yang paling banyak di mana rakyat berkehendakkan bantuan guaman, sama ada kes cerai-berai, tuntutan nafkah, kemalangan ataupun urusan harta pusaka?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes yang paling banyak ialah mengenai dengan tuntutan nafkah, keduanya tuntutan pampasan kemalangan jalanraya, ketiga pampasan untuk pekerja-pekerja dan yang keempat ialah mengenai dengan pelbagai nasihat.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada 29,552 kes itu kesemuanya telah dapat diselesaikan. Kalau tidak, berapakah kes-kes yang telah dapat diselesaikan daripada 29,552 yang telah dibawa kepada Biro Bantuan Guaman?

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ini kes-kes yang telah diselesaikan.

**Dato Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah ukuran kemiskinan dijadikan oleh Biro Guaman ini dan bagaimana Biro hendak tahu kalau orang kaya mengaku miskin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan ini boleh dapat daripada dokumen, kertas dan buku-buku lain. Jadi tidak perlu dijawab, boleh cari sendiri. Itu di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (n).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan P. Patto.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 8.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ

**8. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa pemuda-pemudi kita akan menjadi pemimpin-pemimpin negara kelak, sama ada Kerajaan akan memansuhkan Akta Universiti dan Kolej Universiti supaya pelajar-pelajar dan para kakitangan akademik di Universiti-universiti dan Kolej-kolej Universiti boleh mengambil bahagian cergas dalam pembinaan negara dengan menyertai badan-badan politik ataupun mengeluarkan fikiran-fikiran mereka dengan bebas, jika tidak, adakah Kerajaan masih lagi mahukan bakal pemimpin-pemimpin negara dilayan seperti budak-budak sekolah rendah di institut-institut pelajaran tinggi kita.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Akta Universiti dan Kolej yang sedang dikuatkuasakan. Ini adalah kerana Akta ini adalah digubal khusus untuk mewujudkan suasana yang aman dan tenteram di kampus-kampus tempatan, dan juga untuk mengawal aktiviti-aktiviti yang tidak menandatangani faedah kepada pelajar-pelajar kita di kampus-kampus berkenaan, sedangkan pelajar-pelajar kita sepatutnya menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran mereka.

Pelajar-pelajar dilarang berpolitik hanya untuk selama tiga atau empat tahun sahaja, iaitu semasa mereka menjadi pelajar. Ini adalah difikirkan satu jangka masa yang singkat dalam riwayat seseorang pelajar itu, manakala selepas itu, mereka bolehlah bergiat di dalam politik sepenuhnya mengikut kemampuan mereka.

Bagi kakitangan akademik universiti juga, larangan seperti ini adalah dikenakan kerana para pensyarah universiti adalah merupakan orang yang bertanggungjawab untuk memberi ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar. Tanggungjawab mengajar ini termasuklah mengajar penuntut-penuntut berfikir sendiri dan menggunakan rasional-rasional tersendiri dengan objektif dan tidak menyebelahi kepada mana-mana parti politik. Tugas ini akan hanya dapat ditunaikan jika seseorang itu bebas dari campur tangan dalam politik.

Perlu ditegaskan bahawa Kerajaan sentiasa memandang berat kepada bakal-bakal pemimpin negara ini. Oleh itu, Kerajaan tidak ingin pemikiran mereka diracuni dengan dakyah-dakyah politik yang karut yang biasanya dilempar oleh parti pembangkang.

**Tuan Chan Teck Chan:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Akta Universiti dan Kolej ini sebenarnya merupakan satu dasar mengeluarkan pelajar-pelajar kita sebagai intellectual eunuch dan robot kerana mereka sudah disekat untuk mendampingi rakyat dan masyarakat serta disekat-sekat untuk memainkan satu peranan yang aktif dalam pembangunan dan perkembangan negara kita.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya menolak sekeras-kerasnya dakwaan Ahli Yang Berhormat itu. Kalau kita selidiki aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pelajar-pelajar kita adalah sangat menguntungkan masyarakat kita. Malah semenjak Akta ini dilaksanakan lebih banyak aktiviti-aktiviti yang berunsurkan kemasyarakatan telah dapat dijalankan oleh pelajar-pelajar kita.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran adakah beliau sedar bahawa melahirkan pemimpin dari golongan yang tidak puashati juga pemimpin yang tidak bertanggungjawab, pemimpin yang pantang ditegur dan dicabar terus meletakkan jawatan adalah lebih mudah dan lebih senang. Jika sekiranya sedar, apakah dengan Akta Universiti dan Kolej ini kita akan dapat melahirkan pemimpin yang sederhana, pemimpin yang bertanggungjawab terhadap reality negara ini dan juga yang tidak Chauvinistic dan tidak melahirkan pemimpin pemberontak dan juga tidak melahirkan pemimpin yang tidak dipengaruhi oleh parti-parti Pembangkang.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Saya bersetuju.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah kakitangan-kakitangan akademik di universiti-universiti dan kolej-kolej universiti kita diberi kebenaran oleh pihak Kerajaan untuk mengambil bahagian dalam politik dan kalau ada berapa orang dan apa-apa parti politik?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahagian pertama boleh jawab. Bahagian kedua, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri berkehendakkan notis tentang bilangan-bilangan itu.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa tuduhan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi adalah tidak benar, oleh kerana hari ini pihak universiti ada mengadakan Rancangan Kampung Angkat ataupun rancangan menghantar pelajar-pelajar ke

desa-desa di seluruh negara termasuk juga di kawasan saya dan saya dapati mereka ini apabila pergi ke luar bandar bukan sahaja dapat berdamping dengan rakyat tetapi juga dapat memberi tauladan dan juga nasihat kepada rakyat dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada rancangan ini akan diteruskan oleh universiti-universiti.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar semenjak Akta ini dilaksanakan lebih ramai pelajar-pelajar kita dapat menjalankan kegiatan yang bermanfaat sepertimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gerik. Rancangan seperti ini akan diteruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abbah bin Mengimbal.

*(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Abbah bin Mengimbal tidak hadir)*

## BANGUNAN IBU PEJABAT IMIGERESEN DI KUALA LUMPUR

**10. Tuan Alias bin Mohd. Ali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bangunan Ibu Pejabat Imigeresen di Kuala Lumpur sangat buruk keadaannya dan tidak lagi sesuai digunakan sebagai sebuah pejabat. Adakah pihak Kementerian bercadang hendak memindahkan jabatan tersebut ke sebuah bangunan lain yang lebih selesa. Jika ya, bila, jika tidak, mengapa.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedar mengenai perkara ini dan satu bangunan baru Ibu Pejabat Imigeresen yang bernilai \$20 juta sedang di dalam pembinaan. Upacara meletakkan batu asas untuk bangunan baru yang terletak di Jalan Shaw itu telahpun dilakukan pada hari Selasa, 23-9-80.

## MATAPELAJARAN ILMU HISAB— KELEMAHAN CALON BUMIPUTRA

**11. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Pelajaran menjelaskan adakah Kementerian Pelajaran menyedari keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia pada

tiap-tiap tahun anak-anak Bumiputra sebahagian besar gagal dalam matapelajaran Ilmu Hisab, jika sedar apakah ikhtiar untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, secara am kelemahan calon-calon bumiputra dalam matapelajaran Ilmu Hisab di peringkat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia bukanlah satu perkara luar biasa oleh kerana kelemahan seperti ini adalah juga terlihat dalam matapelajaran-matapelajaran lain seperti Sains dan Bahasa Inggeris. Sebab yang besar ialah kerana asas atau foundation mereka ini lemah di peringkat awalan serta kekurangan-kekurangan kelengkapan, bahan serta tenaga guru yang terlatih yang telah lama dialami. Bagaimanapun, langkah-langkah positif telah, sedang dan akan terus diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengatasi kelemahan-kelemahan itu, iaitu dengan memperbaiki lagi keadaan pengajaran dan pembelajaran keseluruhannya di kalangan murid-murid bumiputra seperti penempatan mereka di sekolah sekolah berasrama penuh yang dilengkapi dengan serba kemudahan itu dan pembekalan guru-guru yang terlatih dan berpengalaman serta lain-lain kemudahan di sekolah-sekolah luar bandar di mana terdapat tumpuan murid-murid bumiputra. Sukacita saya menokokkan di sini bahawa langkah-langkah yang sedia diambil itu telah mula menunjukkan kemajuan. Untuk makluman Yang Berhormat pencapaian 19 buah sekolah berasrama penuh dalam matapelajaran Ilmu Hisab pada tahun 1979 adalah seperti berikut:

- (a) Sijil Pelajaran Malaysia kelulusan peratusnya ialah 88.89%.
- (b) Malaysia Certificate of Education kelulusan peratusnya ialah 97.12%.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap pernah saya dengar pihak Kementerian Pelajaran sedang merancang untuk memberi kemudahan yang lebih daripada segi kutub-khanah, dari segi alatan mengajar untuk sekolah-sekolah di luar bandar iaitu dengan merancang untuk menubuhkan sekolah-sekolah pusat di luar bandar yakni di mana murid-murid darjah rendah dari Darjah IV dan V dipusatkan di satu tempat yang khas. Adakah

langkah ini sudah dijalankan atau sedang dalam perancangan. Sejauh manakah kemajuannya.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah mengikut keadaan tempatan itu. Sekiranya didapati bahawa terdapat sekolah-sekolah yang tidak ramai penuntut-penuntut maka Kementerian Pelajaran boleh menempatkan pelajar-pelajar ini di dalam sebuah sekolah pusat serta diberi kemudahan asrama. Tetapi pada keseluruhannya kita tidak menjadikan ini sebagai satu rancangan utama kita dan kita memberi tumpuan kepada mendirikan lebih banyak sekolah berasrama penuh peringkat sekolah menengah, sekolah menengah sains dan juga Maktab Rendah Sains yang dikelolakan oleh Kementerian Perumahan Awam.

#### PERKHIDMATAN TELEFON KEPADA PEMOHON-PEMOHON

**12. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2))** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar akan Jabatan Telekom Pulau Pinang tidak dapat membekalkan perkhidmatan telefon yang baru kepada pemohon-pemohon baru yang telah menghantar permohonan-permohonan mereka enam hingga sembilan bulan yang lalu dan dalam kejadian kegagalan sebab-sebabnya kelewatan untuk membekal "line" yang baru dan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan perkhidmatan yang lebih baik.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa Jabatan Telekom tidak dapat membekalkan kesemua permohonan-permohonan telefon yang baru di kawasan Pulau Pinang pada masa yang singkat. Pembangunan yang pesat di Pulau Pinang telah menyebabkan permintaan terhadap perkhidmatan telefon telah meningkat dengan sebegitu pesatnya. Dalam jangka masa lima tahun Rancangan Malaysia Ketiga permohonan telefon di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 35 peratus purata setiap tahun. Kadar pertambahan telah meningkat dengan pesatnya sejak dua tahun yang lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak sembilan bulan pertama tahun ini Jabatan Telekom Pulau Pinang telah dapat memasang sebanyak 5,195 talian terus. Walaupun banyak jumlah pemasangan yang dilakukan tetapi ianya tidak dapat menampung jumlah permohonan yang semakin bertambah.

Masalah kelambatan memberi perkhidmatan telefon kepada permohonan-permohonan baru di Pulau Pinang disebabkan sekim rangkaian kebel telefonnya yang sudah lama. Jabatan Telekom sedang berusaha menukar kebel-kebel yang lama ini kepada satu sekim rangkaian kebel telefon yang baru dan kemaskini. Sehingga pada masa ini, 30 peratus daripada kerja-kerja penukaran kebel tersebut telahpun dilaksanakan. Apabila kerja-kerja ini selesai sepenuhnya adalah diharapkan, pemohon-pemohon yang terdapat dalam senarai penunggu-penunggu akan dapat diberi perkhidmatan telefon. Di samping itu juga mutu perkhidmatan telefon akan dapat ditingkatkan lagi.

### HOSPITAL DAERAH BARU TELOK ANSON

**13. Tuan Au How Cheong** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kedudukan terakhir mengenai rancangan pembinaan Hospital Baru di Telok Anson bagi Daerah Hilir Perak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Puan Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, Hospital Daerah Baru Telok Anson masih lagi di peringkat perancangan. Tapak asal Hospital itu tidak dapat digunakan kerana terdapat masalah untuk memindahkan pekerja-pekerja ladang yang sekarang ini menduduki rumah-rumah pekerja "labour line" di tanah itu, dan jua masalah pemindahan kilang-kilang atas tapak yang dikehendaki itu ke kawasan yang lain. Satu tapak baru telah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Perak pada pertengahan tahun ini dan diperseetujui oleh Kementerian. Oleh kerana soal tapak belum dapat diselesaikan maka pembinaan Hospital tersebut telah tergendala.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian memberitahu berapa banyakkah masa hendak digunakan untuk menyelesaikan pertukaran tapak baru hospital itu.

**Puan Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah jawab kerana ada banyak pekerja-pekerja ladang yang sekarang ini menduduki rumah-rumah pekerja "labour line".

### PENCEMARAN AIR SUNGAI DI LEMBAH SUNGAI MERBOK

**14. Tuan Haji Hashim bin Endut** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah beliau sedar bahawa wujudnya banyak kilang-kilang perusahaan yang mencemarkan air sungai di Kedah mungkin memusnahkan dan merosakkan ternakan air tawar terutamanya projek rakaksa ternakan air tawar di Lembah Sungai Merbok, Kedah yang menelan belanja berjuta-juta ringgit. Jika ya, nyatakan cara hendak menyelamatkan, jika tidak, mengapakah perkara ini dibiarkan berlarutan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar ada beberapa perusahaan dengan potensi yang mencemarkan Lembah Sungai Merbok, Negeri Kedah, memandangkan adanya 12 buah kilang getah dan lain-lain kilang di kawasan perindustrian Tikam Batu dan Batu Arang.

Sejauh kilang getah yang berkenaan, kesemuanya melainkan dua buah kilang mempunyai sistem pengolahan effluen yang mematuhi kehendak-kehendak peraturan kawalan dan Kementerian saya melalui Bahagian Alam Sekitar mengawasi dengan teliti langkah-langkah yang diwajibkan bagi kedua-dua kilang itu mematuhi kehendak-kehendak peraturan dengan sepenuhnya.

Bagi kilang-kilang perusahaan yang lain, mereka adalah dikehendaki mengadakan sistem pengolahan effluen mengikut peraturan-peraturan kawalan tidak lewat daripada 1hb Januari, 1981. Namun demikian, Bahagian Alam Sekitar sentiasa berhubung dengan kilang-kilang tersebut untuk mempercepatkan pelaksanaan sistem pengolahan.

Dalam pada itu saya ingin menegaskan bahawa tindakan cergas oleh Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya telah mengurangkan masalah itu bagi satu kadar yang boleh dikatakan terkawal.

## GULA—KEKURANGAN

**15. Puan Hajjah Wan Zainab binti M.A. Bakar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar bahawa sehingga sekarang masih lagi timbul masalah kekurangan gula di sebahagian besar tempat dalam negara ini; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memanglah sedar bahawa sehingga hari ini masih terdapat masalah kekurangan gula tetapi ini bukanlah berlaku di sebahagian besar tempat dalam negara seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sebaliknya masalah ini hanya berlaku di negeri-negeri di utara Semenanjung seperti Pulau Pinang, Perak Perlis, Kedah dan Kelantan. Kementerian saya tahu di antara faktor utama menyebabkan kekurangan ini ialah penyeludupan ke seberang sempadan yang mana telah disebabkan oleh faktor harga. Oleh itu, tindakan sesuai sedang diambil oleh Kementerian saya iaitu seperti berikut:

- (1) Bermula dari hari ini tidak seorang pun dibenarkan untuk membawa gula dari negeri Selangor ke negeri Perak, dari Perak ke Kedah, dari Pulau Pinang dan Perak ke Kedah, dari Kedah ke Perlis, dan dari Trengganu ke Kelantan tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Pengawal Pembekalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui Pegawai-pegawai Penguatkuasa di peringkat negeri. Tiap-tiap "bona fide travellers" tidak dibenarkan membawa lebih daripada 5 kati gula. Di mana consignment biasa bagi pembekalan gula daripada pengilang-pengilang tidak akan terjejas dengan peraturan ini.
- (2) Pengilang-pengilang gula akan dikehendaki supaya menyerahkan butir-butir mengenai penjualan harian masing-masing dan juga pengedaran dan pengagihan dibuat oleh mereka kepada Pengawal Pembekalan Kementerian **ini**.

- (3) Pemborong-pemborong juga adalah dikehendaki supaya menyimpan buku-buku stok yang menunjukkan pembelian dan penjualan masing-masing bagi pemeriksaan oleh pihak Penguatkuasaan Kementerian.
- (4) Untuk menguatkan tindakan-tindakan Penguatkuasaan ini, seramai lebih daripada 450 orang pegawai-pegawai baru Penguatkuasa sedang diambil oleh pihak Kementerian bagi membolehkan pengawasan yang rapi dibuat terhadap amalan-amalan yang menyeleweng seperti penyeludupan atau sorokan dan lain-lain kegiatan yang serupa.
- (5) Orang-orang yang dapat mendedahkan amalan-amalan seleweng seperti sorok dan lain-lain lagi akan diberi ganjaran sebanyak setengah daripada nilai barang-barang yang dirampas.

Kementerian ini percaya bahawa dengan langkah-langkah yang telah dinyatakan ini dengan kerjasama pihak polis, kastam dan lain-lain akan dapat mengurangkan kegiatan penyeludupan, sorokan dan lain-lain amalan yang serupa.

Kerjasama orang ramai dari segi mengurangkan pembelian dan penggunaan gula sudah pasti akan membantu membaiki keadaan yang sedia ada.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, kita semua berasa syukur di atas tindakan Kementerian di atas tindakan yang diambil kerana hendak mencukupkan gula untuk rakyat. Bukankah Kerajaan juga bercadang kalau boleh mencatatkan gula seperti mana yang dibuat dalam masa Jepun. Ini saya agak lebih berkesan lagi daripada apa yang diceritakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan sebenarnya Kementerian saya sedang mengkaji pandangan yang diberikan itu.

**Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tidak menyebut negeri Pahang sebagai sebuah negeri yang juga kekurangan gula, ini mungkin Kementerian tidak membuat siasatan

yang rapi. Saya beri contoh, di Temerloh banyak gula, boleh dibeli 40 kati seorang Kuantan banyak tetapi di Maran tidak ada. Jadi, saya ingin mengetahui daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah sebab agaknya maka di antara dua daerah ini dalam negeri Pahang tidak ada gula selain daripada sebab-sebab Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berikan tadi.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tolong ulang balik.

**Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi tidak menyebut bahawa negeri Pahang juga salah sebuah negeri yang kekurangan gula. Jadi sukalah saya hendak memberitahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bahawa di dalam negeri Pahang, Maran tidak ada gula sungguhpun daerah kanannya iaitu sebelah Timur Kuantan dan sebelah baratnya Temerloh ada gula. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah sebabnya maka Maran itu kekurangan gula sehingga ke hari ini selain daripada sebab-sebab yang Setiausaha Parlimen telah berikan kepada Dewan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Maran bukan?

**Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Ya, dari Maran.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Saya pun hairan mengapa Maran terselit antara daerah-daerah yang ada gula. Setahu saya daripada rekod Kementerian dan Jabatan Penguatkuasa tidak ada pula aduan mengatakan kekurangan gula di Maran. Jadi, sekarang saya telah mengetahuinya, saya rasa saya akan ambil perhatian berat mengenai aduan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah menyatakan dalam Dewan ini bahawa salah satu sebabnya yang menyebabkan kekurangan bekalan gula ialah wujudnya sindiket menyeludup bahan ini ke negara-negara jiran kita. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu sejauh manakah pihak Kerajaan telah dapat menghapuskan sindiket-sindiket itu.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sindiket yang besar-besaran itu belumlah lagi dapat dikesan dengan cara dapat diambil tindakan misalnya ke mahkamah tetapi kami telah dapat maklumat yang sedang disiasat mengenai kegiatan sindiket-sindiket ini. Walau bagaimanapun, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa Kementerian saya telahpun mengambil tindakan menggantungkan kerana perbuatan-perbuatan menyeleweng seperti menyeludup dan juga menyorok iaitu di Padang Besar sebanyak 6 kes kita telah menggantungkan lesen-lesen yang berkenaan, di Rantau Panjang, Kelantan sebanyak 7, di negeri Kedah satu dan di Perak tiga dalam masa dua minggu ke belakngan ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mungkin sedar bila terdapat keadaan kekurangan gula ini maka rakyat yang menderita adalah rakyat yang miskin di luar bandar. Jadi soalan saya, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa salah satu sebab yang utama yang berlaku soal penyorokan gula dan penjenayah gula ini adalah disebabkan hukuman yang dikenakan terhadap orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini adalah tidak berat dan oleh itu adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengetatkan lagi hukuman itu supaya agak berat dan supaya tidak lagi berlaku tindakan-tindakan yang tidak bertanggungjawab itu.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian ini akan mengkaji pandangan daripada Yang Berhormat dari Kulim Bandar Baru.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyebut mulai daripada hari ini kawalan gula bagi peringkat negeri-negeri telah dibuat dan tidak dibenarkan dibawa daripada sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain kerana hendak mengelakkan daripada kekurangan gula. Tetapi ada sebahagian daripada negeri-negeri lain pula tidak disebut yakni mungkin membolehkan mereka bawa ke negeri-negeri yang lain yang bertujuan untuk penyeludupan gula daripada Malaysia ke Thailand. Saya

ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Kerajaan hendak menentukan juga supaya negeri-negeri lain itu dapat disekat yang bermaksud tidak dibawa gula daripada negeri-negeri yang berkenaan yang tidak boleh diseludup melalui laut pula ke negeri Thailand.

**Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan mulakan dan mencuba peraturan baru ini dan kita rasa peraturan ini akan memberi kesan kepada matlamat-matlamat untuk mengelakkan penyorokan dan juga penyeludupan terutamanya melalui darat. Kita belum ada lagi maklumat yang mengatakan gula ini sedang diseludup keluar negeri kita melalui jalan laut.

### RUMAH UNTUK GURU-GURU DI LUAR BANDAR

**16. Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Menteriannya akan berusaha untuk membina rumah-rumah untuk guru-guru yang mengajar di kawasan-kawasan luar bandar termasuk juga untuk guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah yang terletak di ladang-ladang dan kampung-kampung baru; jika ya, beri butir-butir lanjut.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang memandang berat dan memberi keutamaan bagi pembinaan rumah-rumah guru untuk kemudahan guru-guru di kawasan luar bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian Pelajaran telah menguntukkan sebanyak \$20.8 juta bagi pembinaan 1,177 buah rumah guru manakala dalam Rancangan Malaysia Keempat pula Kementerian Pelajaran akan menguntukkan sebanyak \$25.6 juta bagi pembinaan 1,128 buah rumah guru. Walau bagaimanapun pembinaan rumah-rumah guru adalah ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang sangat mendesak dari segi keperluan seperti dalam kawasan-kawasan pendalaman dan kawasan-kawasan rancangan pembukaan tanah baru seperti FELDA. Dibanding dengan kawasan-kawasan tersebut keperluan bagi rumah guru dari kawasan-kawasan yang

sudah maju seperti di ladang-ladang dan kampung-kampung baru adalah kurang mendesak. Kementerian saya juga perlu mengagihkan peruntukan pembangunan bagi menambah bilik darjah dan lain-lain kemudahan asas pelajaran seperti makmal sains yang kian mendesak sejajar dengan pertambahan bilangan murid dari masa ke semasa. Oleh itu pertimbangan perlu dibuat supaya dalam usaha untuk membina lebih banyak rumah guru, ia tidak akan menjejaskan usaha Kementerian untuk menguatkan lagi kedudukan asas pelajaran seperti bilik darjah dan lain-lain.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, di samping Kerajaan berusaha mendirikan rumah-rumah guru, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa pada hari ini terdapat rumah-rumah guru yang tidak didiami oleh guru-guru bahkan kadangkala didiami oleh kakitangan yang lain ataupun dibuat seperti bilik bacaan, bilik-bilik darjah ataupun surau-surau. Apakah untuk masa-masa hadapan pihak Kementerian akan mensyaratkan semua rumah-rumah guru bagi sekolah-sekolah yang berkenaan hendaklah didiami oleh guru-guru dan jangan dijadikan untuk tempat-tempat yang lain.

**Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak bercadang untuk mensyaratkan guru-guru supaya mendiami rumah-rumah guru, ini adalah kerana keadaan tempatan barangkali membolehkan guru-guru itu mencari tempat duduk di tempat-tempat yang lain. Saya rasa walaupun rumah-rumah guru itu tidak didiami tetapi rumah-rumah tersebut tidak dibiar begitu sahaja tetapi boleh digunakan untuk kemudahan-kemudahan persekolahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Speaker, soalan No. 17.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

## POLIS MENANGKAP PENJUJI HARAM

**17. Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak polis mempunyai kuasa menahan orang di kelab lumba kuda meskipun tiada bukti menunjukkan orang-orang yang ditahan itu telah melakukan satu kesalahan dan sama ada polis masih menangkap penjudi punter dengan sesuka hati.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah seksyen 13 dan 13 (a), Ordinan Pertaruhan No. 47/53, pihak Polis mempunyai kuasa untuk menangkap dan memeriksa sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dalam perjudian haram dan sekiranya terdapat bukti yang jelas di atas kesalahannya, mereka akan didakwa di mahkamah. Setakat ini belum ada laporan dan tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pihak Polis telah menggunakan kuasa itu dengan sesuka hati.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, soalan No. 18.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

## DUTI IMPORT DAN CUKAI TOKOK KE ATAS HAMPAS KACANG SOYA

**18. Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar penternak-penternak babi dan ayam di seluruh negeri tidak puas hati dengan pengenaan Cukai Import (15%) dan Surtex (5%) atas hampas soya (soya bean meal) serta larangan untuk mengimport kulit gandum (wheat bran) dan "wheat pollard" dari negara asing; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk membantu penternak-penternak babi dan ayam mengelakkan keadaan rumit yang mereka hadapi.

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang adanya rasa tidak puas hati di kalangan penternak-penternak babi dan ayam terhadap pengenaan duti import dan cukai tokok ke atas hampas kacang soya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telahpun mengadakan dialog dengan pihak-pihak yang berkenaan baru-baru ini untuk meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka yang terlibat dalam penggunaan barang tersebut. Oleh kerana perkara ini masih dalam kajian, saya tidak bercadang untuk membuat sebarang kenyataan sekarang.

Berhubung dengan larangan import ke atas hampas-hampas gandum (wheat bran dan wheat pollard), tindakan ini dilaksanakan untuk melindungi pengeluaran-pengeluaran tempatan. Bagaimanapun Kerajaan sedang mengkaji semula keperluan meneruskan larangan import ini memandangkan perusahaan tersebut telah lama wujud.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa pihak beliau telah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang berkenaan tentang perkara ini dan beliau ada menyatakan bahawa perkara atau permintaan itu adalah dalam kajian pihak Kementerian. Di sini saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bilakah pihak beliau/Kementerian yang berkenaan dapat memberi satu keputusan tentang perkara itu.

**Dato' Mak Hon Kam:** Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi.

## RUMAH MURAH DI PERLIS— PEMBERIAN

**19. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementeriannya sedar bahawa penyelewengan telahpun berlaku berhubung dengan pemberian Rumah Murah di Negeri Perlis. Jika sedar adakah Kerajaan bercadang akan mengadakan Pegawai Penguatkuasa bagi mengkaji berhubung dengan penyelewengan yang tersebut.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya berkeyakinan

bahawa penyelewengan tidak pernah berlaku berhubung dengan pemberian rumah murah kos rendah di Negeri Perlis. Di Negeri Perlis hanya satu projek sahaja siap dibina kebelakangan ini iaitu projek Kangar I.

Pemohon-pemohon untuk mendapatkan rumah, telah diminta mengisi borang-borang permohonan dan selepas itu ditemuduga dan mereka akan diberi keutamaan mengikut sistem markah. Nama dan alamat mereka yang berjaya akan dipamirkan untuk menerima apa-apa bantahan. Di samping itu, Penghulu di Mukim-mukim berkenaan akan diminta memberi laporan sulit. Hanya selepas semua butir-butir yang dikumpulkan melalui langkah-langkah yang tersebut di atas diteliti, Kerajaan Negeri akan menawarkan rumah kepada calon yang berjaya.

Sistem pemberian rumah di bawah Rancangan Perumahan Awam Kos Rendah ini memberi peluang kepada orang awam untuk meneliti sama ada penyelewengan telah berlaku atau sebaliknya. Pihak-pihak yang terlibat boleh membangkitkan bantahan sekiranya tidak puas hati dengan sesuatu pemilihan. Semua bantahan dan maklumat yang diterima akan ditimbang dan disiasat sebelum keputusan diambil.

Ketika ini, Kementerian saya tiada cadangan untuk mengadakan pegawai penguatkuasa di negeri tersebut oleh sebab ada pegawai-pegawai yang berkeupayaan menjalankan kerja-kerja itu dalam pentadbiran peringkat negeri. Juga, sistem yang diamalkan sekarang adalah sesuai dan memuaskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 adalah diberi di bawah ini).*

## PEGAWAI PENILAIAN DI SABAH

**9. Tuan Abbah bin Mengimbal** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sodar bahawa sekarang ini terdapat hanya seorang penilai yang berkelayakan di Pejabat Penilaian Wilayah di Sabah yang mengendalikan semua tugas-tugas penilaian bagi tujuan cukai setem ke atas penukaran hakmilik tanah dan pejabat ini menjalankan satu sistem yang tidak sesuai dengan sistem yang dijalankan oleh Pejabat Tanah dan Ukur

di mana semua data yang perlu telah tersedia ada tetapi Pejabat Penilaian Wilayah masih lagi dalam proses menyusun data mereka.

**Dato Shahrir bin Abdul Samad:** Untuk makluman Yang Berhormat sejak bulan Jun 1980 seorang lagi pegawai penilaian yang bertauliah telah ditempatkan ke pejabat tersebut. Dengan itu Pejabat Cawangan di Sabah mempunyai dua pegawai penilaian yang bertauliah dan lima orang penolong pegawai penilaian.

Kerajaan juga akan membuka satu lagi pejabat cawangan di Tawau, Sabah pada tahun 1981. Pejabat itu akan dikendalikan oleh seorang pegawai penilaian yang bertauliah dan 2 penolong pegawai penilaian.

Tentang sistem yang digunakan, Pejabat Penilaian Kawasan Sabah mempunyai ketenterangan dan lain-lain yang diperlukan untuk maksud kerja penilaian. Sistem yang digunakan adalah didapati memuaskan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

#### DAN

#### USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan, 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Keempat belas).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, hanya 3 hari sahaja lagi ada untuk membahaskan Anggaran Perbelanjaan Perbekalan dan juga Anggaran Pembangunan, maka ada 7 lagi Kementerian yang akan ditimbangkan anggarannya. Oleh sebab itu saya tetapkan, iaitu had seseorang Ahli Yang Berhormat bercakap ialah tak lebih daripada 10 minit. Majlis akan menimbang

Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Penerangan, setelah itu ada perubahan sedikit, iaitu oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sebagaimana saya umumkan pada hari Jumaat, minggu yang lepas, dan setelah itu balik kembali kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Sekarang Maksud Perbekalan B. 47 hingga B. 49 dan Maksud Pembangunan P. 47 hingga P. 49 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk perbincangan. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

*Maksud B. 47, B. 48 dan B. 49 (Jadual)—*

*Maksud P. 47, P. 48 dan P. 49 (Anggaran Pembangunan 1981)—*

3.35 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan Kementerian Penerangan, saya bercakap B. 48 Jabatan Penyiaran. Dalam ini saya ambil muka surat 444 ialah berkenaan dengan Rancangan Penyiaran.

Tuan Pengerusi, satu-satu berita yang akan diketahui oleh semua orang ialah melalui sebaran am, melalui alat penerangan khasnya dalam Jabatan Penerangan dan Penyiaran yang dilancarkan oleh TV dan juga Radio Malaysia. Izinkanlah saya mengatakan dengan terus-terang, banyak laporan-laporan dan sebaran-sebaran yang telah dilakukan oleh Jabatan Penerangan dan Penyiaran ini dan banyak orang terkenal, baik di segenap segi melalui penyiaran yang saya katakan tadi. Saya contohkan, kerana penyiaran atau penerangan dalam TV banyak bintang-bintang filem, biarpun yang popular ataupun yang tak popular kerap kali terkenal kerana gambar mereka selalu ditayangkan dalam TV, khasnya dalam masa peraduan nyanyian dan sebagainya, begitu juga dalam pertandingan sukan. Bila saya kaji di sini saya berasa amat hairan Jabatan Penyiaran telah menyiarkan segala-gala berita.

Kalau dikaji Parlimen yang telah membuat berbagai-bagai keputusan undang-undang dan apa yang diputuskan dalam Parlimen inilah yang dijalankan dalam negara kita tetapi Jabatan Penyiaran dan Penerangan saya perhati terlampau memberi peratus yang amat sedikit, kecuali di masa Ucapan Belanjawan oleh Menteri Kewangan, juga di kala Ucapan Dasar oleh Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong, selain daripada itu Jabatan Penyiaran telah memberi peruntukan kepada Parlimen yang membuatkan dasar dan undang-undang tak lebih daripada 1%.

Buktinya saya katakan, satu hari kita mesyuarat biasanya ialah dari pukul 2.30 petang hingga 6.30 petang, bererti 4 jam. 4 jam kali 60 minit ialah 240 minit, itu kalau tak ada masa tambahan, kalaulah masa ditambah sehingga pukul 7.30 malam, bererti 5 jam—300 minit sedangkan yang dilaporkan dalam TV tak lebih daripada 19 minit, kadang-kadang 15 minit. Kalau 240 minit diberi laporan 19 minit, bererti tak sampai 1% penggubal undang-undang yang dibuat TV tak menyiarkan sedangkan laporan sukan, saya juga penggemar sukan, telah diberi laporan 100%, apatah lagi kalau laporan Olimpik, Pertandingan Akhir Bola Sepak dan sebagainya dibuat siaran terus-menerus. Kalau yang tidak lapor terus-menerus sekalipun, dirakamkan hingga habis daripada awal pertandingan hinggalah habis, walaupun tendang masuk, tidak masuk, foul, tidak foul semua disiarkan di dalam sukan.

Saya peminat sukan, Tuan Pengerusi, apa yang saya kata ini saya tahu, diberi laporan ulasan selari sehingga tengah malam walaupun kita kena belanja wang, tetapi Kerajaan kita telah memberi peruntukan. Saya ucapkan terima kasih kerana saya pun peminat sukan.

Begitu juga dalam hiburan, tiap-tiap kali hari Selasa malam Rabu, kalau tidak silap saya ada pertandingan Bintang RTM. Mahu tidak mahu kenalah juga kita dengar, diberi laporan terus menerus sehingga diinter-view seseorang peserta, dari mana datang dan sebagainya. Syukur kepada Tuhan mudahnya terkenal biduan dan biduanita kerana disiarkan oleh TV dan Radio Malaysia. Tetapi penggubal undang-undang yang kita buat—kami bukanlah berkehendakkan nama, tetapi kita tidak nafi, tiap-tiap manusia berkehendakkan nama dan saya biasa dapat tahu ada setengah Menteri bila hendak membuka satu-satu majlis, sehingga dia sanggup melewatkan sejam lagi kalau TV tidak datang. Kalaulah ada Menteri begitu perasaannya. Bagaimanakah pula perasaan backbencher, baikpun penyokong Kerajaan ataupun Pembangkang. Kita juga ingin hendak tahu. Saya mencadangkan berilah, kalau tidak 100%—100% saya tidak hendak, ada orang mencadangkan buat laporan,

kadang-kadang dia ambil TV, saya kata itu kerja susah, berilah masa kalau tidak 100% pun agak dalam 30 minit, 2% diambil masa, biarlah kami Ahli Parlimen ini lekeh sedikit daripada biduan dan biduanita kita pun tidak mengapalah, kerana apa yang kita putuskan hari ini hendak diketahui oleh orang ramai sama ada baik atau tidak baik, patutlah disiarkan. Kalau dalam pertandingan bola kita boleh siar apa yang bagus dan tidak bagus, dalam nyanyian kita boleh siarkan suara yang sedap dan tidak sedap, inikan pula undang-undang yang kita putuskan.

Tuan Pengerusi, suka saya menegaskan, tidak ada rancangan dalam siaran TV yang disukai oleh ramai dan tidak ada rancangan dalam siaran TV yang dibenci oleh ramai. Apa ada rancangan mesti diminati, apa ada rancangan mesti dibenci, melainkan apa yang difikir oleh Kerajaan patut disiarkan, hendaklah disiarkan; hendak tunggu orang suka, tidak ada benda yang orang suka; hendak tunggu orang benci, tidak ada benda yang orang benci. Lenggang-lenggok, ada setengah orang alim benci tetapi bagi anak muda cukup syok. Sinar Islam, hari Khamis malam Jumaat orang alim, yang mengetahui bab agama cukup syok, tetapi setengah anak muda tidak mahu tengok. Siaran Inggeris anak muda suka tengok, orang tua-tua tidak suka tengok. Tepok dada tanya selera, apa yang memberi keuntungan kepada negara, itu patut kita buat. Seolah-olah TV kita ini, Tuan Pengerusi, menggemarkan orang 40% dalam hiburan, hiburan cerita, hiburan itu hiburan ini, ini saya merayu, Tuan Pengerusi, patutlah dikaji.

Saya bimbang dengan apa yang saya kata ini TV hentam balik saya, hentam pun hentamlah tetapi apa yang saya fikir patut disiarkan adalah untuk kebaikan kerana TV adalah siaran umum. Di sini akan mengambil banyak penerangan, baik buruk seseorang banyak diambil dari sebaran am. Saya berharap apa yang saya rayu ini sekurang-kurangnya 30% dilaksanakan.

Saya tidak nafi ada orang tidak setuju kepada Laporan Parlimen, tetapi saya juga tidak nafi ramai juga orang bersetuju. Macam saya kata tadi tidak ada siaran yang disetujui 100% dan tak ada siaran yang dibenci 100% melainkan kita fikir apa yang elok.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, saya biasa bercakap dalam siaran—minta maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dalam bab Penutup Siaran TV malam, saya, kata untuk menjadi sedutan ataupun pengkajian seseorang yang ingin mengetahuinya buat kali yang kedua, misalnya tafsiran membaca Al-Quran dalam TV yang disiarkan tiap-tiap malam, tuliskan ayat berapa, surah apa, senang bagi seseorang kalau hendak membuat rujukan bolehlah dia tengok, kalau ayat yang difikir cukup menasabah. Ini Timbalan Menteri kata kami sudah siar. Saya mengaku tiap-tiap malam ada disiarkan kerana saya pun tengok dan kalau boleh banyakkannya sedikit surah-surahnya itu kerana kadang-kadang saya tengok berulang-kali surah-surah itu.

Saya tidak nafi masa haji tempoh hari kerap kali sangat diambil bab surah bagi haji, berkorban dan sebagainya, saya sendiripun mengikuti kerana dalam bab itu banyak kita boleh buat pengajaran dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya berharap TV juga sebagai alat sebaran am patutlah mencari bakat-bakat baru. Saya tidak nafi bakat baru TV yang tiap-tiap tahun diadakan ialah Bintang RTM dan ini diadakan tiap-tiap hari Selasa malam Rabu dan kalau tidak silap saya sekarang sudah masuk ke peringkat separuh akhir. Saya pun mengikutinya kadang-kadang. Heboh sungguh penyiaran TV mengambil peranan, jadi saya harap ambillah juga, carilah johan, misalnya johan dalam drama, kerana dalam drama kita boleh membawa seseorang kepada satu matlamat. Di samping kita hendak bersyarah, kadang-kadang orang tidak suka dengar, tetapi kalau bersyarah sambil perbuatan orang sangat tertarik.

Misalnya, baru-baru ini drama Anjang Aki, drama ini terkenal sebagaimana seorang yang anekuh, yang besar diri. Ini menjadi contoh kepada kita, carilah cara mana seseorang yang boleh mengarang drama, satu matlamat drama—maksud saya cerita-cerita yang bila ditunjukkan menarik seseorang itu melihatnya, janganlah dalam TV ini banyak sangat yang menarik cerita-cerita yang syok, cerita syok ini tidak payah ditarik, Tuan Pengerusi, bab hiburan ini tidak payah tarik, yang susah kita hendak tarik orang ialah kepada jalan kebaikan. Tetapi TV ini 24 jam cara seronok, ada juga hiburan, saya tidak nafi.

Hari Khamis malam Jumaat, jam 9.15 kalau tidak silap saya ada Sinar Islam. Sinar Islam ini kadang-kadang saya tengok, sebab itulah saya berharap banyakanlah sedikit bab yang menarik, kalau boleh diadakan pertandingan-pertandingan yang bersemangatkan perjuangan, perpaduan, siapa tidak mahu kalau hendak buat cinta mencintai, ini tabiat manusia, Tuhan mahukan kita kahwin, benda itu kita tidak ke situ sangat, carilah kalau boleh dalam pertandingan Bintang RTM senikata-senikata yang membangkitkan semangat, senikata yang membangkitkan perpaduan, membangkitkan cara kerohanian, itu saya harap sangat-sangat.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Masa cukup, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Ya. Yang Berhormat dari Padang Rengas.

3.47 ptg.

**Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan untuk peruntukan Kementerian Penerangan ini. Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh muka surat 454, B. 49 Butiran 1100, Aktiviti (2) Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya rasa bukan sahaja saya seorang tetapi semua Ahli-ahli Dewan ini dan juga seluruh masyarakat berterima kasih kepada Kementerian Penerangan kerana telah memperuntukkan Belanjawan yang banyak di dalam Butiran ini, iaitu Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat. Ini membuktikan bahawa pentingnya perkhidmatan sivik dan masyarakat ini kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, tidak siapa dapat menafikan bahawa sehingga ini Kementerian ini telah berjaya mengadakan kursus-kursus sivik sama ada yang berbentuk penerangan keselamatan, pembangunan masyarakat untuk menerangkan bagaimana penyalahgunaan dadah dan sebagainya di luar-luar bandar termasuklah di kawasan saya sendiri. Jadi pada pandangan saya bahawa usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini di dalam hal ini sesungguhnya suatu usaha yang sangat baik, kerana dengan kursus-kursus sivik yang

diadakan oleh Jabatan Penerangan terutama sekali di luar bandar dapat menjelaskan kepada rakyat di luar bandar yang kekurangan di dalam pengalaman mereka melalui membaca akhbar dan sebagainya kerana masyarakat di luar bandar tidak begitu penting, tidak mengambil berat di dalam hal-hal untuk hendak mencari berita-berita yang benar di dalam akhbar, oleh kerana masyarakat luar bandar sama ada susah mendapatkan akhbar dan sebagainya, tetapi dengan usaha yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan ini, saya rasa hari ini masyarakat di luar bandar walaupun mereka tidak tinggi di dalam pencapaian pelajarannya, tetapi mereka dapat memahami dasar-dasar Kerajaan kita melalui Jabatan ini. Saya harap usaha ini hendaklah diteruskan lagi.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini saya suka memberi pandangan kepada Kementerian ini walaupun saya katakan tadi pihak masyarakat luar bandar telah kita dapat mengubah pandangan mereka kepada jalan yang baik, saya mencadangkan supaya Kementerian ini dapat juga mengadakan kursus sivik ini kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah, terutama sekali bagi mereka di Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima oleh kerana kita tahu pelajar-pelajar Tingkatan Tiga luar bandar biasanya di sekolah menengah 45% lebih gagal dan akan meninggalkan bangku persekolahan dengan pelajaran yang tidak setara mana dan tidak begitu faham dengan keadaan-keadaan yang sebenarnya apa yang berlaku dalam negara ini dan mereka ini akan keluar terumbang-ambing dengan tidak ada sesuatu pandangan atau panduan. Mereka inilah mungkin akan ditarik oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab sama ada ke jalan penyalahgunaan dadah dan digunakan oleh mereka yang anti-nasional dan sebagainya. ini biasa berlaku di luar bandar.

Jadi dengan itu, saya mencadangkan, terutama di hujung tahun selepas peperiksaan SRP yang biasanya dimulai dalam bulan Oktober, selama 2 minggu dan masih ada sebulan lagi masa persekolahan dengan tidak ada suatu benda yang boleh dibuat di sekolah itu. Ini pengalaman saya sebagai guru di sekolah menengah berbelas-belas tahun. Jadi dengan sebab itu dengan tidak ada sesuatu kerja yang boleh dibuat di sekolah tidak menarik minat anak-anak terutama di luar bandar, mereka tidak datang ke sekolah dan kadang-kadang ada

yang memberitahu ibubapa hendak pergi ke sekolah tetapi mereka pergi ke bandar dan sebagainya mereka tidak tahu hendak ke mana-mana kadang-kadang terjerumus ke jalan yang salah. Oleh sebab itu saya mencaadangkan supaya pihak Kementerian ini mengadakan kursus sivik di hujung tahun kepada murid-murid yang tidak mempunyai pelajaran yang mencukupi, begitu juga kepada pelajar-pelajar Tingkatan Lima kerana sebahagian mereka mungkin tidak berjaya dalam peperiksaan yang mereka hadapi. Jadi saya cadangkan kursus sivik ini diadakan lebih banyak lagi di sekolah menengah, terutamanya untuk Tingkatan Tiga dan dan Tingkatan Lima.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya mencaadangkan kursus sivik ini kalau hari ini kita adakan untuk masyarakat luar bandar, dan pemimpin masyarakat saya rasa ada satu golongan yang penting juga golongan ini ialah menjadi alat kepada pembangunan masyarakat iaitu kakitangan Kerajaan yang berjawatan rendah. Kalau pegawai tinggi Kerajaan ada kursus di Intan dan sebagainya, tetapi kakitangan Kerajaan peringkat rendah dan lebih rendah lagi pengetahuan amnya di dalam hal-hal negara kita ini kerana tidak ada satu badan yang khas membimbing mereka. Saya mencaadangkan supaya Kementerian ini mengadakan kursus sivik sama ada dari segi keselamatan, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran, matlamat Kerajaan kita di dalam usaha menyatu-padukan rakyat dalam negara ini dan bagaimana hendak menggembeling tenaga mereka bagi mencapai matlamat kita kepada kakitangan Kerajaan yang menjadi orang-orang yang penting di dalam pengendalian urusan Kerajaan kita.

Tuan Pengerusi, perkara kedua saya hendak sebutkan ialah di bawah muka surat 461 Butiran 1—Unit-unit Berkereta.

Tuan Pengerusi, Unit Berkereta Jabatan Penerangan ini saya rasa satu badan yang sangat penting kerana mereka itu ada membawa filem untuk memberi penerangan kepada orang ramai dengan tujuan hendak menghimpun orang ramai kemudian pegawai dari jabatan ini akan memberi penerangan atau penjelasan terhadap sesuatu masalah semasa yang berlaku. Jadi, apa yang timbul di luar bandar hari ini kadang-kadang pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk hendak membuat penerangan sebelum lagi memberi

penerangan, orang ramai sudah cabut lari dengan sebab filem yang ditunjukkan pada hari ini di kampung-kampung, filem lama dan selalu pula putus. Rakyat kadang-kadang ketawa, ini sudah tengok dalam TV tak payah tunjuklah, balikkah. Jadi saya cadangkan supaya filem-filem yang baru dan yang lebih baik macam filem Dayang Suhana itu ditunjukkan di luar bandar atau bagaimana kata wakil dari Kangar yang selalu disebut dalam Dewan ini macam filem drama Anjang Aki yang menjadi buah mulut orang luar bandar seronok sangat itu, tidakkah boleh ditunjukkan melalui unit-unit berkereta ini, kerana bukan semua penduduk luar bandar ada TV dan dapat menonton filem sebagaimana yang disebutkan.

Ketiga, saya hendak supaya filem-filem yang ditunjukkan itu, kalau boleh filem yang menceritakan sejarah sebagaimana perit dan susahnya pemimpin kita dahulu hendak mencapai kemerdekaan negara kita, kerana golongan muda-mudi hari ini tidak begitu faham, sebagaimana di dalam TV hari ini ditayangkan pada tiap-tiap malam itu "Hari Ini Dalam Sejarah". Saya rasa ini baik juga filem-filem demikian sebagaimana diceritakan pengganas komunis memusnahkan negara kita dalam masa darurat dahulu, itu patut ditunjukkan sama ada melalui filem unit ataupun Filem Negera.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga saya hendak menyebutkan, saya minta maaf kerana tidak dapat menyebut nama yang sepenuhnya, saya terlupa, tetapi apa yang saya hendak sebut ialah satu unit berkereta yang dinamakan Pentarama. Saya rasa Pentarama ini patut ditambah lagi unitnya kerana sesungguhnya pertunjukan yang ditunjukkan oleh ahli-ahli yang menyertai Pentarama ini sangat baik dan boleh memberi manfaat yang banyak kepada masyarakat selain daripada hiburan sambil-sambil menyanyi, sebagaimana kata wakil dari Kangar tadi, mereka menyindir, memberi penerangan bagaimana hendak menyimpan wang dalam Bank Simpanan Nasional dan bagaimana buruknya penyalahgunaan dadah dan sebagainya. Saya sendiri telah dapat peluang menyaksikan Pentarama yang tersebut dan saya dapati masyarakat semua menyanjung tinggi tetapi oleh kerana Pentarama ini dua tahun sekalipun dalam satu jajahan itu tak dapat ditunjukkan kerana

kekurangan unitnya. Saya mencadangkan dan saya rasa tidak ada siapa yang membangkang kalau kita menambah lagi unit Pentarama ini.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja dan lagi sekali saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Penerangan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Saya akan minta Yang Berhormat Menteri atau Timbalannya menjawab pada pukul 5.00 hari ini.

3.57 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara B. 47, muka surat 437, Butiran 1100, Aktiviti (6) Geraksaraf. Sebagaimana namanya Geraksaraf maka sudah tentulah perkara yang dijalankan oleh bahagian ini perkara yang ada hubungan dengan keselamatan, ada hubungan dengan soal bagaimana hendak mencari dan mengesan bahan-bahan yang boleh memecah-belahkan masyarakat di negara ini. Dalam hal ini saya ingin mencadangkan kepada bahagian Geraksaraf ini supaya mengesan dua tiga perkara.

Pertama sekali, Tuan Pengerusi, masalah ajaran salah sama ada ajaran salah dari segi agama Islam ataupun ajaran salah dalam bentuk lain sama ada merupakan silat dan sebagainya, ini juga baik dikesan oleh Bahagian Geraksaraf. Walaupun soal agama adalah di bawah bidang kuasa Negeri masing-masing, begitu juga soal agama adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri, namun demikian saya mengesyorkan supaya bahagian Geraksaraf Kementerian Penerangan jangan meninggalkan soal ajaran salah sama ada di bidang agama ataupun di bidang-bidang lain. Apa yang saya maksudkan di bidang-bidang lain, Tuan Pengerusi, ialah mungkin ada sesuatu faham atau sesuatu ajaran atau peranan dakyah yang boleh pada akhirnya membawa kesilapan dan membawa kehancuran kepada masyarakat di negara ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, sesuai dengan negara ini adalah sebuah negara yang muda, lebih daripada 60% dari penduduknya adalah terdiri daripada golongan muda, maka salah satu sasaran bagi mana-mana pihak adalah golongan muda. Jadi dengan ini soal

subversion kepada golongan muda ini hendaklah dikesan dan hendaklah dijadikan satu bidang untuk mengesan bagi pihak Bahagian Geraksaraf ini.

Tuan Pengerusi, ini dapat dilihat melalui Persatuan-persatuan Belia, Badan-badan Pelajar, Badan-badan Penuntut atau mana-mana badan yang ada kaitan dan hubungan secara langsung ataupun secara tidak langsung dengan Badan-badan Belia.

Seterusnya saya ingin juga menyentuh supaya pihak Geraksaraf ini juga hendaklah melihat kepada bahan-bahan percetakan. Dalam masa membahaskan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya telahpun menyentuh mengenai bahan-bahan lucah yang terdapat menular semula di dalam bentuk buku-buku kecil di negara kita ini.

Saya ingin mengesyorkan kepada pihak Bahagian Geraksaraf ini supaya juga meninjau bidang-bidang yang timbul kembali sejak ianya telah ditenggelami dalam tahun-tahun 60an itu iaitu timbulnya buku-buku lucah atau buku-buku yang semi lucah atau buku-buku yang sedikit sebanyak hendak dibawa masyarakat kita ke alam yang lucah yang akhirnya sudah tentu matlamat yang penting ialah untuk menghancurkan negara ini, kerana kita dapati bahawa daripada apa yang saya difahamkan penulis-penulis buku yang saya istilahkan sebagai buku yang disediakan (produce) overnight ini dengan izin, kadang-kadang hanya mendapat \$300 sahaja apabila karya mereka dijual kepada publisher-publisher berkenaan, publisher-publisher berkenaan inilah akan mengedarkan buku-buku tersebut. Kalau sekiranya dadah satu masa pernah diragui, apakah ianya pernah disubsidisekan oleh pihak-pihak yang tertentu, maka adakah tidak kemungkinan buku-buku yang seperti ini, yang dapat dibaca dalam masa satu jam atau dua jam ini tidak mempunyai unsur-unsur subsidi daripada pihak-pihak yang hendak menghancurkan leburkan generasi Malaysia yang akan datang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, pihak-pihak Geraksaraf ini hendaklah juga melihat unsur-unsur subversive sama ada subversive keagamaan atau subversive bentuk lain yang terdapat di

dalam literature ataupun dalam akhbar-akhbar, majalah tempatan dan juga majalah-majalah luar negeri yang ada hubungan dengan negara ini. Misalnya dalam masa 2-3 hari lepas langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai akhbar *Tamil Malar* itu adalah langkah yang paling tepat dan ini hendaklah dijadikan sebagai satu titik bertolak kepada Bahagian Geraksaraf ini supaya perkara-perkara yang macam ini jangan dibenarkan berlaku.

Saya mengesyorkan supaya pihak Bahagian Geraksaraf ini mencadangkan kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya tindakan yang berat dan supaya tindakan yang kuat kalau boleh akhbar ini kalau tidak disusun semula pentadbirannya jangan dibenarkan dikeluarkan lagi.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan juga kepada Bahagian Geraksaraf ini supaya menyediakan bahan-bahan untuk diberi kepada mereka yang hendak memberi penerangan kepada masyarakat kita di luar negeri, misalnya masyarakat atau penuntut-penuntut kita di luar negeri tentulah mempunyai sikap atau pandangan yang tertentu mengenai negara ini, maka adalah diminta supaya Bahagian ini membuat kajian yang mendalam mengenai anggapan dan tanggapan setengah-setengah penuntut-penuntut atau masyarakat kita, warganegara kita di luar negeri dan hendaklah diberi diagnose, dengan ubat yang baik kepada mereka supaya apabila mereka kembali ke negara ini gambaran yang mereka dapati akan menjadi lebih baik daripada apa yang mereka dapat di luar negeri. Ini adalah satu perkara yang biasa berlaku dan rasa saya tidak cukup kalau hanya dilihat perkara-perkara dalam negeri sahaja kerana mereka ini akan kembali ke negara ini pada satu masa nanti dan mereka ini perlu diperbaiki sebelum mereka kembali.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh pula muka surat 454, Maksud B. 49, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat.

Sepertimana yang pernah disebutkan sekejap tadi oleh seorang rakan saya, saya juga menyanjung tinggi usaha-usaha yang dijalankan oleh Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat oleh Jabatan Penerangan ini, dan dengan ini saya rasa sudah sampai masanya

pihak Kementerian mengkaji sama ada pegawai-pegawai yang ditugaskan di peringkat-peringkat jajahan, peringkat-peringkat daerah atau peringkat-peringkat kawasan-kawasan di negeri-negeri itu sudahpun mencukupi, kerana pada hemat saya lantaran mereka ini kadangkala terpaksa berceramah, pada tiap-tiap malam, maka bilangan mereka ini adalah jauh daripada mencukupi. Dengan hal yang demikian saya mencadangkan supaya bilangan mereka ini hendaklah diperukupkan ataupun sekurang-kurangnya janganlah kita mencukupi dengan sekadar hanya seorang pada tiap-tiap daerah ataupun dua orang bagi tiap-tiap daerah, tetapi hendaklah beberapa orang supaya mereka ini dapat memberi penerangan yang berkesan dan praktik kepada masyarakat di luar bandar. Selain daripada itu mereka ini juga adalah perlu diberi bahan-bahan dari semasa ke semasa, jadi hendaklah diadakan kursus, seminar atau taklimat kepada mereka ini bukannya tiga bulan sekali, tetapi apa yang saya minta ialah tiap-tiap bulan pegawai-pegawai yang hendak dijadikan penceramah-penceramah atau pensyarah-pensyarah di luar bandar atau di bandar ini diberi ceramah dan diberi bahan-bahan ucapan yang up-to-date kalau boleh mintalah bahan-bahan daripada Bahagian Geraksaraf. Kementerian Penerangan.

Akhirnya, saya ingin menyentuh Maksud P. 49—Jabatan Penerangan, muka surat 461.

Saya dapati di Pejabat-pejabat Penerangan di peringkat daerah terutama sekali kita dapati bahan-bahan bacaan yang sedikit telah dibekalkan sama ada berbentuk majalah-majalah ataupun akhbar-akhbar kadangkala menjadi tempat tumpuan kepada mereka yang ingin membaca ataupun mencari bahan-bahan yang tertentu terutama sekali berpujian kepada pengalaman yang terdapat di Pejabat Penerangan di Kota Bharu, Kelantan. Saya dapati sudah sampai masanya ruang bilik bacaan di Jabatan Penerangan Kota Bharu, Kelantan ini dibesarkan dan di samping itu oleh sebab sambutan sepertimana yang saya lihat sekali-sekala adalah lebih daripada ruangan yang diperlukan di pejabat berkenaan, maka hendaklah diperbesarkan ruangnya dan begitu juga bahan-bahan hendaklah juga dimasukkan selain daripada bahan-bahan percetakan daripada Jabatan Penerangan sendiri, tetapi juga hendaklah

dimasukkan bahan-bahan daripada percetakan-percetakan lain sama ada Percetakan Kerajaan, daripada Dewan Bahasa dan Pustaka atau lain-lain percetakan yang difikirkan sesuai dan munasabah untuk dibaca dan dirujuk untuk rakyat misalnya kita hendaklah mengadakan encyclopaedia, kita hendaklah mengadakan buku-buku yang agak akademik yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan untuk sekurang-kurangnya mereka yang mengambil peperiksaan sebagai calon out of campus Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Mereka ini boleh merujuk kepada bilik-bilik bacaan yang terdapat di Jabatan Penerangan ini.

Saya berpendapat selain daripada penerangan sepertimana saya katakan tadi di Pejabat-pejabat Penerangan di kepala-kepala Negeri seperti Kota Bharu, maka cadangan-cadangan yang saya sebutkan tadi hendaklah disampaikan kepada Pejabat-pejabat Penerangan di daerah-daerah terutama sekali di kawasan saya di Tanah Merah, Kelantan yang mana saya dapati pejabatnya ada bahan pun ada tetapi boleh diperbaiki dan diperelokkan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.08 ptg.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh):** Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Jabatan Penyiaran, Maksud B. 48 mengenai Aktiviti 4—Latihan.

Tuan Pengerusi . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Muka surat berapa Yang Berhormat?

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Muka surat 444, Butiran 1100.

**Tuan Pengerusi:** Ya, teruskan.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Sebenarnya kalau kita lihat kepada penyiaran yang ada dalam TV kita sekarang, kalau kita bandingkan dengan penyiaran ataupun teknik lakunan daripada filem-filem yang diimport daripada luar negeri adalah agak berbeza dan jauh dari segi teknik penggambarannya dan juga teknik lakunan filem-filem yang disiarkan di dalam negara kita. Jadi filem-filem yang dibuat di negara kita iaitu

filem-filem tempatan, saya suka hendak menyebutkan di sini bahawa pihak Kementerian ini seharusnya mencari jalan supaya penyiaran TV itu dapat menyediakan teknik-teknik dan lakunan-lakunannya dan juga penggambarannya yang lebih maju dengan peralatan moden diperkenalkan kepada penyiaran kita yang bersesuaian dengan gambar-gambar yang dibuat atau bersesuaian dengan keadaan yang ada di dunia sekarang berdasarkan filem-filem yang diimport daripada negara kita. Bagaimana contoh dan cara-cara yang dilakukan di negara maju seperti yang ada di negara Amerika misalnya patutlah dicontohi.

Sekarang ini banyak filem-filem yang digemari oleh penonton-penonton di Malaysia ini datangnya dari Amerika, misalnya Barnaby John, Police Story, Hawaii Five 'O' dan juga Fantasy Island dan berbagai-bagai lagi. Kira-kira 90% TV kita mengimport filem-filem daripada luar negeri ini adalah daripada Amerika yang dikeluarkan oleh syarikat TV di Amerika seperti CBS (Central Broadcasting System), National Broadcasting Company dan juga American Broadcasting Company. Jadi filem-filem ini banyak dikeluarkan oleh syarikat-syarikat daripada Amerika.

Oleh itu untuk menjaga keadaan yang lebih baik, untuk memberi kesempurnaan kepada penyiaran ini, saya mencadangkan kepada Kementerian ini supaya menghantar pegawai-pegawai kita untuk berlatih ke Amerika kerana sekarang ini kita dapati ramai pegawai-pegawai kita ini berlatih hanya di Asia sahaja. Oleh kerana kita ini ahli kepada Asian Broadcasting Union maka apakah kita mesti hanya belajar di Asia sahaja dan juga kita tidak perlu hanya menumpukan kepada BBC sahaja. Kita harus juga menumpukan kepada negara-negara lain kerana seperti saya kata Australian Broadcasting Commission juga adalah negara yang berhampiran dengan negara kita dan ia juga adalah merupakan kumpulan-kumpulan Asia yang mengeluarkan filem-filem yang tidak begitu bermutu dan tidak ada filem-filem daripada negara tersebut yang ditayangkan di negara kita.

Jika kita bandingkan dengan syarikat-syarikat penyiaran di Amerika yang sentiasa menerima perubahan dan juga mencari cara-cara baru supaya filem-filemnya dan

juga syarikat-syarikat pengeluarannya akan mendapat sambutan yang lebih maju. Dengan sebab itulah mereka, sebab ada perlumbaan di antara syarikat-syarikat tadi maka mereka dapat mengeluarkan filem yang lebih baik. Misalnya kalau kita tengok Warta Berita oleh American Broadcasting Company diadakan selama 2 jam tanpa jemu-jemu kita melihatnya daripada pukul 5.00 hingga pukul 7.00 misalnya. Cara penyampaiannya begitu formal, kadang-kadang berita itu adalah berita yang paling baru, berita yang masih panas lagi ada ditayangkan di dalam Warta Berita itu dan setengahnya ada juga ditayangkan di saat kejadian itu berlaku. Jadi perkara ini ada saya tengok di TV Malaysia kita satu rancangan iaitu rancangan Panorama satu masa dahulu. Rancangan ini adalah menyerupai dengan rancangan Warta Berita di Amerika tetapi malangnya persembahan ini telah diberhentikan. Saya tidak tahu apa sebabnya, mungkin kerana sebab-sebab yang saya tidak tahu tetapi saya minta pihak penyiaran ini kalau satu rancangan itu tidak mempunyai kesilapan dan juga disukai oleh ramai saya rasa patutlah diteruskan kerana cara persembahannya kadang-kadang kalau kita hanya memberi satu rancangan dengan tidak mempunyai lakunan, hanya membaca Warta Berita dengan duduk mencangkung sahaja misalnya, cara itu mungkin cara yang tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Jadi mungkin dengan cara yang ada sebagaimana Panorama juga patut diberi perhatian. Sebagaimana saya kata tadi cara memperkenalkan dengan cara informal ini dan juga cara yang tidak menjemukan kita mendengarnya walaupun dalam masa yang panjang.

Selain daripada itu juga saya suka hendak menyebutkan di dalam Aktiviti (2) Rancangan. Kadang-kadang mustahak juga cerita-cerita yang berbahasa Inggeris atau berbahasa lain itu diaslikan dengan bahasanya. Tetapi kadang-kadang kita hendak juga keagungan Bahasa Malaysia kita ini jangan dicabuli. Kalau kita pergi ke negeri Jepun misalnya ada satu rancangan yang walaupun ditunjukkan cerita daripada luar negeri tetapi bahasanya didubbingkan ke dalam bahasa Jepun. Tetapi di Malaysia ini saya tidak pernah melihat filem-filem bahasa Inggeris yang didubbingkan ke dalam Bahasa Malaysia, cuma filem bahasa Arab sahaja, tetapi lakunannya kadang-kadang tidak

digemari oleh kita. Filem bahasa Inggeris ini tidak banyak yang cuba hendak didubbingkan ke dalam Bahasa Malaysia.

Kita bukanlah hendak semua filem-filem bahasa Inggeris daripada Amerika itu didubbingkan, tetapi mungkin dalam masa seminggu ataupun sebulan satu filem ada ditunjukkan filem yang didubbingkan ke dalam Bahasa Malaysia, sekurang-kurangnya menggambarkan kepada kita yang negara kita ini adalah satu negara yang mempunyai Bahasa Malaysia sebagai bahasa nasional dan kita tidak payah bermegah yang rakyat kita ini patut berbahasa Inggeris lebih fasih atau lebih baik kerana perkara ini kita boleh bermegah kalau kita berada di luar negeri tetapi kita tidak patut bermegah kalau kita berada di dalam negara kita. Kita tidak mustahak mendengar apa orang lain kata dalam perkara ini, tetapi apa yang penting apa yang kita buat itu adalah boleh menggambarkan untuk menunjukkan keagungan negara kita.

Pernah saya melihat filem-filem daripada bahasa asing atau filem rencana di dalam negara kita yang tidak ada sub-titlanya. Bukan saya hendak menyatakan yang kadang-kadang rakyat kita ramai yang tahu menggunakan bahasa Inggeris tidak mustahak sub-title, tetapi penyampaian ini bukan sahaja perlu kepada orang-orang yang cerdik, tetapi perlu juga disampaikan kepada orang-orang di luar bandar. Orang luar bandar adalah lebih ramai daripada orang dalam bandar dan orang-orang yang berkehendakkan benda ini diketahui adalah lebih ramai. Oleh sebab itu selain daripada mengadakan filem yang didubbingkan ke dalam Bahasa Malaysia sebagai menggambarkan keagungan bahasa kita, juga tiap-tiap filem rencana atau filem-filem yang tidak ada sub-titlanya hendaknya jangan ditayangkan, tidak berfaedah kepada masyarakat di luar bandar yang tidak faham bahasa yang ditayangkan itu.

Di dalam Rancangan ini juga saya minta oleh sebab sekarang ini zaman telah berubah dan keadaan telah bertukar, dahulu Rancangan Malaysia Ketiga, sekarang ini akan masuk ke Rancangan Malaysia keempat, apakah pihak TV Malaysia hendak menambakan channelnya. Kadang-kadang TV yang kita beli itu ada 8 channel tetapi yang dapat kita gunakan hanya Channel 1 dan 2 sahaja;

yang 6 lagi itu tidak dapat kita gunakan, serupa juga channelnya. Jadi kalau boleh dalam Rancangan Malaysia Keempat tambahkanlah channelnya sekurang-kurangnya menjadi 3 atau 4 supaya dapat kita menambahkan rancangan-rancangan yang ada di negara kita ini.

Kalau kita pergi ke negara-negara maju, bukan lagi ada 3-4 channel, kadang-kadang ada 8 channel dan di negara-negara yang kurang maju pula kadang-kadang 3-4 channel pun ada. Sebab itulah kalau boleh negara kita ini tambah hingga 4-5 channel, kalau boleh 8 channel lagi baik.

Itulah cadangan saya dan saya berharap di dalam penyiaran ini mendapat perhatian pihak berkenaan semoga penyiaran ini akan mendapat sambutan yang lebih baik daripada rakyat kita dan memberi faedah daripada penyiaran ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.19 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh muka surat 437, Butiran 1100, Aktiviti (1) dan (3).

Tuan Pengerusi, saya fikir sekarang sudah sampai masanya bagi Kementerian Penerangan untuk mengubahsuaikan dasar penerangannya. Kementerian ini ditubuhkan bukan sahaja untuk menerangkan apakah dasar-dasar dan apakah hal ehwal peristiwa, perkembangan dan projek-projek pihak-pihak parti pemerintah sahaja tetapi selama ini nampaknya dasarnya memihak kepada satu pihak sahaja iaitu kepada Kerajaan. Ini nampaknya sudah membawa satu keadaan ketidakseimbangan di mana suara-suara parti Pembangkang langsung tidak diperdengarkan baik dalam radio atau TV, umpamanya jika berlaku suatu peristiwa atau satu perkara yang mustahak atau satu issue yang ada berkaitan dengan kepentingan nasional dan rakyat. Selama ini parti Pembangkang atau Wakil-wakil Rakyat dari parti Pembangkang langsung tidak dijemput untuk memberikan pandangannya. Apakah salahnya bahawa parti Pembangkang dijemput untuk bersama-sama menyertai dalam perundingan, perbincangan dalam sesuatu issue yang ada berkaitan dengan nasional dan rakyat. Saya

harap dasar Kementerian Penerangan boleh diubahsuaikan supaya keadaan ketidakseimbangan ini boleh diseimbangkan.

Mengenai pelesenan ini, pada tahun yang lepas saya telah mencadangkan bahawa radio dan TV bukan sahaja merupakan satu alat hiburan tetapi juga merupakan satu alat penyampaian message dari negara atau Kerajaan atau dari pihak Pembangkang juga merupakan satu penyampaian daripada kedua-dua pihak, tetapi nampaknya selama ini Kementerian Penerangan sudah kelalaian. Satu tanggungjawab dan satu dasar yang begitu mustahak perlu dipertimbangkan ialah wajar atau tidak wajar bahawa Kerajaan masih mengenakan lesen radio dan TV, umpamanya, radio ialah \$12 setahun, TV ialah \$24 setahun. Saya harap perkara ini boleh dipertimbangkan dan sistem pelesenan ini boleh dibatalkan khasnya untuk kepentingan rakyat dari masyarakat luar bandar yang begitu miskin dan sangat memerlukan alat-alat radio dan TV untuk mendengar apa yang berlaku di dunia di peringkat Asia, Kebangsaan dan di Negeri atau Wilayah. Saya harap sistem pelesenan ini boleh dibatalkan dan digantikan dengan satu sistem pendaftaran, umpamanya bila seseorang rakyat membeli radio atau TV hanya membayar \$1 sebagai bayaran pendaftaran untuk selama-lamanya sehingga radio dan TV ini rosak. Saya harap supaya perkara ini boleh dipertimbangkan sekali lagi bukan sahaja demi kepentingan rakyat khasnya kepentingan masyarakat luar bandar di mana rakyat yang begitu memerlukan satu benda seperti radio dan TV untuk mendengar perkembangan dan pergolakan hal ehwal di dunia, di Malaysia di negeri masing-masing.

Saya fikir adalah tidak wajar bagi Kerajaan masih mengenakan bayaran lesen begitu tinggi \$24. Memang bagi Menteri, bagi orang yang kaya, itu tidak menjadi masalah tetapi bagi nelayan, petani dan rakyat yang berpendapatan rendah itu sangat banyak \$24 bagi TV dan \$12 bagi radio. Saya harap Menteri yang berkenaan boleh memberitahu saya, apakah sebabnya sistem pelesenan ini tidak boleh diganti dengan sistem pendaftaran demi kepentingan rakyat di seluruh Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh muka surat 444, Butiran 1100 mengenai program kedua—Rancangan (Programming).

Tuan Pengerusi, beberapa perkara mengenai perancangan ini baik dalam TV atau radio perlu diperbaiki dan dikaji semula khususnya mengenai Laporan Parlimen. Beberapa kelemahan adalah didapati di dalam Laporan Parlimen umpamanya, masanya sangat pendek dan yang dilaporkan itu hanya dalam dua bahasa sahaja iaitu bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, tetapi bahasa Tamil dan bahasa Cina tidak dilaporkan dalam Parlimen ini dan ini nampaknya merupakan satu kelemahan yang sangat mendukacitakan saya.

Berkenaan dengan Laporan-laporan Parlimen ini, saya mencadangkan jika sekiranya Parlimen ada membincang satu-satu isu atau Rang Undang-undang atau perkara yang berkaitan dengan kepentingan rakyat dan negara, kalau boleh ditayang atau disiarkan secara langsung. Jika sekiranya permainan bola sepak dan lain-lainnya boleh ditayangkan secara langsung, apakah sebabnya Dewan Rakyat sebagai Dewan Perundangan yang paling tinggi untuk mentadbir masa depan negara ini tidak boleh ditayangkan secara langsung. Saya harap beberapa perkara ini boleh ditimbangkan.

Pertama, masa Laporan Parlimen ini perlu dipanjangkan sekurang-kurangnya lima belas minit lagi supaya lebih banyak perkara boleh dilaporkan untuk pengetahuan rakyat tentang apakah berlaku dalam Parlimen kerana Parlimen bukan satu hari bersidang, hanya tiga kali setahun sahaja. Tambahan pula apa yang diluluskan dan dibincangkan dan diputuskan dalam Dewan Rakyat ini adalah berkaitan secara langsung dengan kehidupan rakyat dan negara kita. Maka saya tidak nampak apakah sebab Laporan Parlimen tidak boleh dipanjangkan masanya dan juga program Cina dan Tamil boleh juga ditambah bukan untuk apa-apa hanya untuk mencerminkan aspirasi masyarakat yang berbilang bangsa supaya tiap-tiap kaum boleh mengikuti lebih dekatnya tentang apakah yang sudah berlaku di dalam Dewan Rakyat.

Mengenai rancangan "Hari Ini Dalam Sejarah". Saya nampak satu kelemahan "Hari Ini Dalam Sejarah" ialah satu program yang perlu diberikan, kalau boleh dalam bahasa Cina dan bahasa Tamil khususnya mengenai latar belakang sejarah Kemerdekaan Malaysia sehingga hari ini supaya tiap-tiap rakyat

dari semua lapisan boleh mengikuti bagaimana Malaysia mencapai kemerdekaan. Apakah sejarah yang mustahak bagi rakyat semua untuk mengenang dan kalau hanya ditayang dalam Bahasa Malaysia sahaja, ini nampaknya tidak berapa menguntungkan masyarakat Malaysia pada keseluruhannya sebagai masyarakat yang berbilang bangsa.

Akhirnya, mengenai rancangan juga, saya fikir sudah sampai masanya bagi Kementerian ini untuk mengadakan satu projek koordinasi dengan Kementerian Pelajaran kerana memandangkan peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran tinggi di universiti-universiti dan kolej-kolej tempatan sangat tipis dan untuk membolehkan lebih banyak rakyat Malaysia yang ada masa lapang mereka dan berminat untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka, maka saya fikir satu cadangan yang paling baik Kementerian Penerangan mengadakan satu kursus melanjutkan pelajaran tinggi umpamanya empat tahun sesiapa yang mengikuti sehingga tamat pelajaran empat tahun melalui TV ini maka satu diploma atau ijazah boleh dikeluarkan supaya secara langsung atau tidak langsung Kementerian Penerangan akan memainkan satu peranan yang sangat mustahak sebagai supplementary untuk menolong Kementerian Pelajaran mengeluarkan lebih banyak rakyat-rakyat yang berkemahiran umpamanya jurutera, akauntan, saintis dan mana-mana lapangan yang ada kekurangan tenaga manusia ini maka kursus-kursus yang tertentu boleh diadakan supaya kita boleh duduk di rumah termasuk Ahli-ahli Parlimen seperti kita kalau kita nampak masih tidak dapat menguasai atau berkeahlian dalam sesuatu bidang yang tertentu, kita pun boleh mengikuti rancangan TV untuk melanjutkan, untuk memperkayakan pengetahuan kita sendiri.

Saya fikir dasar-dasar yang mustahak ini boleh dipertimbangkan oleh Kementerian Penerangan. Jangan hanya sebagai biasa semenjak merdeka hingga hari ini tiada apa-apa perubahan yang besar diadakan terhadap dasar penerangan Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Panti.

4.28 ptg.

**Dato' Yusof bin Malim Kuning (Panti):**

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 48, muka surat 444, Aktiviti 2 dan P. 48, muka surat 451, Butiran 43.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ucapkan tahniah kepada Kementerian ini, Jabatan Penyiaran yang mana selama ini telah dapat membuat rancangan-rancangan yang boleh dikatakan memuaskan segolongan besar rakyat kita di Malaysia ini kecuali golongan kecil agaknya iaitu pihak Pembangkang.

Menyentuh saya di bahagian Rancangan, Aktiviti 2, muka surat 444, pada keseluruhannya rancangan-rancangan yang sedia ada bolehlah dibanggakan dan dimegahkan terutama sekali bila rancangan-rancangan atau filem-filem yang bercorak Islam. Bagi mencerminkan negara kita ini sebuah negara Islam, saya cadangkan supaya rancangan-rancangan yang bercorak Islam ini elok dilebihkan sedikit daripada yang telah sedia ada. Terutama sekali pada bulan-bulan yang tertentu bagaimana yang pihak Kementerian telah buat pada tiap-tiap hari sebelum maghrib pada waktu-waktu hendak berbuka puasa dalam bulan Ramadhan dengan menyiarkan filem-filem sejarah dari filem-filem yang diimport daripada negeri Arab dan dengan bahasanya sendiri. Saya tidak berapa setuju dengan pandangan beberapa orang Ahli Yang Berhormat supaya filem-filem itu didubbingkan.

Saya mencadangkan khususnya kalau filem-filem dari negeri Arab yang bercorak agama dan sejarah eloklah ditayangkan dengan dan dalam bahasanya sendiri iaitu bahasa Arab. Bukan sahaja saya mengetahui bahasanya itu, tetapi banyak penonton walaupun tidak mengetahui maksud bahasa itu tetapi mereka seronok, mereka suka kerana dapat menonton dengan bahasanya sendiri terutama sekali hari ini memang bukan sahaja kita bahkan di negara-negara barat sendiri, orang-orang Eropah hari ini sudah berlumba hendak mempelajari bahasa Arab dengan sebab-sebabnya yang tertentu.

Bagi kita hubungan kita bukan sahaja hubungan ekonomi, tetapi juga hubungan agama kerana agama kita dan minat rakyat kita nampaknya begitu kuat. Jadi saya cadangkan pada tahun-tahun yang akan datang banyakkannya lagi rancangan-rancangan filem-

filem sejarah terutama sekali pada malam Jumaat umpamanya. Saya tidaklah membangkang supaya jangan langsung ditayangkan filem-filem bercorak yang lain seperti "High Chapparal" dan sebagainya pada malam Jumaat tetapi saya rasa pada malam Jumaat itu lebih sesuai kalau filem-filem sejarah agama ditayangkan bagi menggantikan filem-filem cowboy seperti "High Chapparal" dan sebagainya. Ini menasabah kerana hari esoknya hari Jumaat, ini untuk mengingatkan terutama sekali rakyat Islam bahawa adanya hari-hari yang tertentu, hari-hari kebesaran yang di'adikan hari kebesaran oleh umat Islam.

Tuan Pengerusi, saya percaya pihak Kementerian tidak kesusahan untuk mendapatkan filem-filem ini. Saya sendiri boleh menghulurkan jasa baik saya sebab saya ada kawan-kawan di Kedutaan-kedutaan Arab di sini kalau pihak Kementerian ini menyetujui saya cuba menghubungi mereka kerana ada negara-negara Arab dengan mudah boleh meminjamkan filem-filemnya kepada kita.

Tuan Pengerusi, satu lagi terdapat pandangan-pandangan yang berbeza di negara kita ini berhubung dengan program atau rancangan atau filem-filem yang ditayangkan di dalam TV khususnya. Ada golongan yang menyetujui dibanyakkannya filem-filem yang bercorak agresif, yang bercorak merompak, mencuri membunuh dan sebagainya. Ada golongan yang tidak berapa merestui. Mungkin pada pandangan atau pendapat golongan yang merestui filem-filem ini didapati mungkin mereka menyatakan bahawa walaupun filem itu merupakan filem ganas, pembunuhan, rompakan dan sebagainya tetapi akhirnya filem itu akan memberi erti bahawa pihak berkuasa, bahawa pihak Kerajaan lebih pantas, lebih tegas dan dapat mematah segala rancangan-rancangan mereka. Mungkin ini jawapan daripada golongan-golongan ini. Tetapi, Tuan Pengerusi, bukan semua rakyat dapat berfikir seperti itu. Bagi kita yang dewasa barangkali kita befikir begitu. Pada mulanya filem ini orang jahat menang, tetapi akhirnya polis berjaya memberkas, Kerajaan berjaya bertindak. Bagi pihak kita yang dewasa ini kita berfikir begitu. Tetapi TV ini bukan sahaja ditonton oleh orang-orang dewasa, lebih banyak yang menonton TV ini terdiri dari golongan muda, lebih-lebih lagi kanak-kanak. Pada biasanya golongan-golongan muda ataupun anak-anak

mereka tidak berfikir dan tidak sampai pemikirannya setakat itu. Pemikiran waktu-waktu menonton itu seronok sahaja tengok hero, heronya tidak mati, atau heronya berjaya dan sebagainya. Jadi yang menarik minat mereka ialah siapa yang menjadi hero di dalam filem itu.

Dalam soal ini Tuan Pengerusi, saya berharap dan saya merayu serta mencadangkan kepada Kementerian ini supaya menimbangkan semula dan kalau boleh jangan dibanyakkan sangat filem-filem yang bercorak yang seperti ini. Kerana saya telah dapat juga menyaksikan beberapa rancangan-rancangan TV di beberapa buah negara terutama sekali di negara-negara Islam memang jauh berbeza. Umpamanya di negara lain hampir tiga buku rancangannya seperti di Pakistan, bercorak keugamaan dan sedikit sangat filem-filem yang bercorak lain. Selama seminggu saya ada di Pakistan saya tidak tengok satu pun rancangan yang bercorak pembunuhan, pencerobohan dan sebagainya di dalam siaran mereka. Tetapi bagi kita, dalam satu minggu berpuluh-puluh boleh kita lihat rancangan yang seperti itu.

Tuan Pengerusi, secara psychologynya ini ada meninggalkan kesan kepada jiwa anak-anak kita kalau dibanyakkan sangat filem-filem yang agresif semacam ini. Itulah harapan saya dan dengan ini saya menyokong permohonan yang dibuat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Telok Anson.

4.35 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Telok Anson):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Maksud B.47 di muka surat 437, Butiran 1100, Aktiviti (2) Bahagian Perda-gangan.

Tuan Pengerusi, beberapa hari yang lalu saya pun telah menyoal kebijaksanaan polisi menggalakkan penanaman tembakau apabila Kerajaan mengakui merokok membahayakan kesihatan. Pada petang ini saya ingin menyoal kebijaksanaan tentang penyiaran dan tayangan iklan-iklan rokok merokok dalam TV dan radio kita.

Memanglah benar iklan-iklan itu adalah suatu sumber hasil (revenue) yang besar bagi Kerajaan kita tetapi Kerajaan mungkin perlu membekalkan kewangan yang lebih besar

lagi untuk memberi rawatan perubahan kepada orang-orang yang telah jatuh sakit kerana merokok. Oleh yang demikian, saya ingin mengambil peluang ini untuk merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan semula sama ada Kerajaan patut seterusnya menerima iklan-iklan rokok merokok dalam TV dan Radio. Saya berpendapat selagi Kerajaan membenarkan tayangan dan penyiaran iklan-iklan itu dalam mass-media Kerajaan itu, tidak sesiapa pun percaya Kerajaan adalah serius dalam usaha untuk tidak menggalakkan rakyat merokok dan susahlah juga bagi sesiapa mempercayai Kerajaan benar-benar mahu menjaga dan menghargai kesihatan rakyat kita.

Tuan Pengerusi, mungkin ada benar juga tanpa iklan itu, rakyat tidak akan mengurangkan merokok. Tetapi iklan-iklan adalah suatu alat yang mempunyai pengaruh yang besar, dengan izin, a powerful and persuasive instrument. Negara kita adalah sebuah negara yang muda, lebih daripada separuh rakyat kita adalah berumur 30 tahun dan ke bawah, kerosakan atau damage yang besar sekali ialah iklan-iklan itu akan mempengaruhi dan menggalakkan pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang belum merokok itu cuba dan bermula merokok. Oleh itu, saya berpendapat iklan-iklan merokok harus diharamkan dalam mass-media Kerajaan kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Balik Pulau.

4.38 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau):** Tuan Pengerusi, saya cuma hendak menyentuh satu perkara sahaja, di muka surat 438 dan 454....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat muka berapa?

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Muka surat 438 dan 454. Dua aktiviti yang saya hendak sentuh ini cuma satu perkara sebab pada hemat saya kedua-dua aktiviti ini mempunyai kaitan yang erat iaitu Maksud B. 47 muka surat 438, Butiran 1300, Aktiviti (6) Geraksaraf dan Maksud B. 49 muka surat 454, Butiran 1100, Aktiviti (3) Akhbar dan Perhubungan.

Tuan Pengerusi, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi negara Malaysia ini telah memberi kebebasan kepada rakyatnya menyuarakan pendapat masing-masing melalui berbagai-bagai mass-media, majalah, akhbar dan lain-lain siaran lagi. Walaupun begitu oleh sebab komposisi rakyat Malaysia ini terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan berbeza dalam agama, maka pihak Kerajaan patutlah mengawasi siaran-siaran terutama dalam akhbar, sebab siaran-siaran ini jika menyentuh mana-mana kaum, apatah lagi kalau menyentuh kesucian satu-satu agama maka ini akan melibatkan keselamatan, terjejasnya keselamatan dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya juga berpendapat selain daripada Kementerian Penerangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga bertanggungjawab dalam perkara yang saya hendak nyatakan ini iaitu mengenai tindakan Kerajaan yang telah mengharamkan percetakan suratkhbar *Tamil Malar*.

Tuan Pengerusi, tindakan Kerajaan ini berlaku setelah diadakan tunjuk perasaan oleh orang-orang India Muslim khususnya yang tinggal di Pulau Pinang. Kebetulan pada hari kejadian itu saya berada di Pulau Pinang dan saya dapati mereka ini lebih kurang 2,000 orang telah mengadakan satu tunjuk perasaan terhadap siaran akhbar *Tamil Malar* yang bertarikh keluaran 28hb November, 1980. Siaran akhbar ini memang menyentuh, menghina dan merendah-rendahkan kesucian agama Islam kita. Barangkali, Tuan Pengerusi, ramai di antara kita ini tidak tahu sejauh manakah kesan kenyataan akhbar ini, kesan rencana yang disiarkan oleh akhbar ini kepada mereka yang faham bahasa Tamil.

Saya mohon izin membacakan terjemahan sebahagian daripadanya kepada Majlis ini.

**Tuan Pengerusi:** Tak usah panjang-panjang sangat.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Pengerusi, terjemahan yang saya dapat dari Jawatankuasa Penganjur Bantahan terhadap surat khabar ini. Yang pertama mengikut rencana yang telah disiarkan itu:

“Orang Islam makan di dalam sebuah pinggan beramai-ramai seperti burung gagak, berpekek dan makan beramai-ramai

dengan demikian mereka mencampurkan air liur mereka dan menghasilkan berbagai-bagai penyakit.”

Rencana ini, Tuan Pengerusi, di karang oleh orang yang sudah mati, yang sudah meninggal dunia, pengarang itu bukan berada di Malaysia tetapi berada di sebuah negara lain. Jadi timbul pertanyaan, apakah motif disebalik penyiaran rencana ini. Saya baca sedikit lagi, dengan izin, Tuan Pengerusi, terjemahannya:

“Orang-orang Islam menganggap kepal-suan sebagai kebenaran dan kebenaran sebagai kepal-suan.”

Dan sambungannya ini, saya sendiri tidak tergamak hendak membacanya, sebab ia menyentuh dan mencarut dan perkara yang saya fikir tidak layak saya bacakan dalam Dewan ini.

“... dan lagi orang-orang Islam ini mengamalkan satu acara sebagai kumpulan katak di musim hujan. Mereka duduk beramai-ramai, mereka memekik perkataan Allah, Allah sepanjang masa dan hingga ke siang hari. Alangkah ruginya mereka dengan membuat demikian. Mereka memendekkan hayat mereka.”

ini cemuhan-cemuhan, penghinaan terhadap agama Islam iaitu agama yang kita jadikan agama rasmi negara ini.

Soalnya, Tuan Pengerusi, mengapa setelah 6 siri rencana ini disiarkan dan setelah orang-orang India Muslim menunjuk perasaan, baharu perkara ini kita ambil tindakan. Ini perkara yang ditimbulkan, kalau tidak ada siapa yang timbulkan ertinya dalam Kementerian sama ada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Penerangan tidak ada orang yang membaca akhbar-akhbar selain daripada akhbar Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris untuk menyatakan apakah penyelewengan yang berlaku. Saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri supaya melihat adakah orang-orang yang telah ditugaskan membaca akhbar Tamil dan akhbar-akhbar lain telah menjalankan tugasnya. Ini perkara yang serius, Tuan Pengerusi.

Dalam akhbar hari ini pihak tuan punya—pihak pengurus surat khabar *Tamil Malar* ini hendak minta berjumpa dengan pihak yang berkenaan—Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri hendak merayu supaya akhbar itu disambung semula percetakannya atas alasan 160 orang pekerjaanya itu dan mereka itu barangkali tidak akan dapat berkerja—akan menganggur, nasib 160 orang. Saya bimbang pihak Kementerian akan memberi kebenaran kepada akhbar ini menyambung semula keluaran akhbarnya tetapi kita jangan ingat nasib 160 orang pekerja. Pokoknya Kerajaan mesti menentukan keselamatan negara ini di mana 11 atau 13 juta penduduknya bukan kita hendak dasarkan pengeluaran akhbar ini semula kepada 160 orang pekerjaanya tetapi kepada keselamatan dan kesetabilan negara ini di mana 13 juta penduduknya yang mesti kita pastikan nasib mereka ini. Jadi, dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya harap Kementerian akan mengkaji sehalus-halusnya sama ada Kementerian Penerangan atau Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mesti kita siasat, siapakah yang bertanggungjawab dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, sebab-sebab saya katakan ini, kalau kita tengok trend akhir-akhir ini ada pihak-pihak yang hendak menggunakan agama, menggunakan agama untuk menggugat keselamatan negara kita ini. Sebagai contohnya di Batu Pahat itu digunakan agama dan ini akhbar *Tamil Malar* juga menggunakan agama untuk memecahkan perpaduan rakyat yang selama ini erat dan keadaan negara kita stabil. Jadi ini patut kita siasat di mana sumbernya, barangkali ada master mindnya di luar negeri yang telah merancang yang telah mengetahui bahawa orang Melayu dengan agama Islam ini sangat sensitif, jangan sentuh agama. Kalau menyentuh agama berbagai perkara buruk yang akan berlaku. Ini perlu disiasat, diteliti dengan secara halusnyanya.

Tuan Pengerusi, nasib baiklah dan pada hemat saya patut kita mengucapkan terima kasih orang-orang India Muslim ini yang telah sedar dan tahu tanggungjawab mereka kepada negara ini. Mereka telah bertindak segera, satu tindakan yang positif, satu tindakan yang baik yang patut kita mengucap-terima kasih. Mereka telah berkorban, dan bersukarela dengan serela hati menutup kedai-kedai perniagaan mereka pada hari Sabtu, 29hb November, 1980 dengan tujuan hendak menunjukkan bagaimana mereka ini sangat marah ataupun perasaan mereka yang begitu berat terhadap penyiaran akhbar *Tamil Malar* ini. Maka dengan sebab itu

mereka sanggup berkorban tidak berniaga pada satu hari, banyak kedai-kedai yang terlibat dan ini adalah satu pengorbanan untuk ugama dan untuk negara kita ini.

Jadi, sekali lagi, Tuan Pengerusi, saya berharap sangat-sangat sebelum Kerajaan menimbang semula untuk membenarkan akhbar ini dicetak dan disebar semula, kita mesti mengambil tindakan yang tegas, mengambil tindakan yang sewajarnya kepada mereka yang bertanggungjawab menyiarkan siaran-siaran yang mencabul, yang menghina dan merendah-rendahkan ugama Islama negara kita ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.50 ptg.

**Tuan Haji Hashim bin Endut (Ulu Muda):**

Tuan Pengerusi, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian ini yang dapat peruntukan begitu banyak. Kita tidak boleh nafikan bahawa peranan yang dimainkan oleh Kementerian ini begitu penting sekali, kalau boleh minta tambah lagi peruntukan daripada apa yang ada.

Ingin saya merujuk kepada Maksud P. 48, muka surat 450, Butiran 9—Studio Baru dan Stesyen Pemancar, Alor Setar. Sebagai orang Kedah inginlah saya merakamkan penghargaan tinggi kepada Kementerian ini kerana mengadakan peruntukan hampir \$7 juta akan mengadakan satu stesyen pemancar baru di Alor Setar. Dengan adanya stesyen pemancar baru itu sementara menunggu bangunan baru pihak Kementerian telahpun wujud satu stesyen pemancar di dalam Bangunan Persekutuan, dalam bilik yang kecil yang mana kita percaya bangunan baru ini akan disiapkan dengan seberapa cepat yang boleh dan kalau boleh anggapkanlah Studio Stesyen Pemancar ini sebagai Stesyen Pemancar Kawasan yang diura-urakan akan ditubuhkan di Pulau Pinang itu sebab Regional Transmission Centre ini perlu sangat diadakan di tengah kawasan Kedah yang akan meliputi Perlis dan juga Pulau Pinang. Kalau betul rancangan itu akan wujud di kawasan Pulau Pinang kerana Pulau Pinang begitu pesat sekali pembangunan tolonglah bawa segala projek-projek pembangunan ini ke negeri Kedah supaya sahabat-sahabat saya di Perlis dan Kedah juga dapat

nikmat dan kemudahan komunikasi Pulau Pinang dan Kuala Lumpur begitu dekat sekali. Kalau ada Regional Transmission Centre di mana perhubungan Kuala Lumpur dengan Alor Setar ataupun Perlis adalah lebih dekat lagi.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada muka surat 454, iaitu Jabatan Penerangan, Maksud B. 49, dalam Bu iran 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran Am (2) Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat (4) Penerbitan.

Saya tengok peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan ini sungguh berkesan sekali, apatah lagi dengan akhir-akhir ini ada berbagai-bagai pencaroba yang cuba hendak memburukkan Kerajaan kita, Kerajaan yang begitu baik, Kerajaan yang berjiwa rakyat tetapi ada anasir-anasir yang mengambil kesempatan hendak memburukkan Kerajaan. Oleh yang demikian peranan yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan ini sungguh mustahak dan penting kepada negara kita, iaitu melalui kegiatan sivik yang mana pada hari ini kita percaya ada tetapi perlu dibanyakkan lagi di dalam berbagai-bagai corak.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, peranan dimainkan oleh Jabatan Penerangan ini sungguh penting sekali tetapi ada kalanya saya terdapat pegawai-pegawai tidak mencukupi yang menjalankan tugas di kawasannya. Contohnya di kawasan saya sudah hampir 2 tahun tidak ada pegawai khas, tidak ada Pegawai Penerangan Daerah. Kawasan saya ini adalah satu kawasan pendalaman yang mana pegawai-pegawai yang semacam ini perlu dihantar dengan segera, ditempatkan dengan segera kerana peranan yang dimainkan oleh anasir-anasir subversif ini di dalam kawasan-kawasan pendalaman yang semacam inilah sangat berkesan sekali. Di samping itu saya dapat faham kenderaan-kenderaan tidak mencukupi bagi Jabatan Penerangan bagi kemudahan pegawai-pegawai menjalankan tugas, ini juga perlu dilihat oleh Kementerian supaya membanyakkan.

Yang penting sekali dalam Jabatan Penerangan yang saya tengok kerana saya berdamping rapat dengan pegawai-pegawai ada sungutan-sungutan, ada pegawai menjalankan tugas pangkat mereka nampaknya pihak Kementerian tidak ambil berat sangat, ada setengah pegawai menjalankan tugas memangku jawatan sampai 4-5 tahun. Kalau pegawai itu didapati tidak layak singkirkan dia daripada situ, gantikan dengan orang lain.

Mengikut arahan JPA, seseorang memangku jawatan tidak lebih daripada 6 bulan, kalau dia itu layak, beri confirm kepadanya. Ini adalah penting.

Tuan Pengerusi, saya tidak hendak bercakap banyak pada petang ini. Satu lagi perkara yang selalu saya tengok Kementerian Penerangan ini membazirkan duit rakyat, bukan kali pertama tetapi kali kedua. Izinkan saya, Tuan Pengerusi, saya hendak tunjukkan contohnya, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Sebutkan apa masalahnya dahulu.

**Tuan Haji Hashim bin Endut:** Masalahnya ialah gambar penerbitan. Penerbitan yang dikeluarkan oleh Jabatan Penerangan ini sungguh malang sekali, bukan kali pertama tetapi banyak kali. Apabila gambar-gambar wajah yang begitu elok, yang begitu cantik dikeluarkan tak sampai seminggu rombakan Kabinet. Yang malang sekali saya tengok gambar Timbalan Menteri Penerangan tidak ada di sini tetapi gambar ini kita hantar ke seluruh dunia, seluruh negara rakyat tahu tetapi sayang sahabat saya Timbalan Menteri Penerangan tidak ada gambar di sini. Gambar-gambar ini begitu cantik dan mahal per-cetakannya dan kalau boleh saya mintalah apabila rombakan Kabinet sahaja maka gambar ini kena dibuat dengan cepat. Jadi ini adalah penting dan mustahak kerana selalu, 2-3 kali mungkin juga, dengan keluarnya rombakan Kabinet pun berlaku. Oleh yang demikian, saya tengok dengan adanya rombakan Kabinet 2 bulan yang lepas kita jangan tunggu sampai 6 bulan ataupun 2 tahun baru gambar hendak keluar, mungkin pada masa itu kawan-kawan saya yang bernasib baik duduk dalam kabinet sudah tak ada pula, hendak kena buat lain pula. Ini sangat penting dan mustahak supaya perkara-perkara yang membazir, percetakan memakan begitu banyak sekali wang rakyat. Oleh yang demikian saya minta kepada Pak Mat (Menteri Penerangan) ini supaya awasilah benda ini jangan berulang-laku lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya agak pada keseluruhannya Kementerian ini menjalankan tugas dengan begitu baik dan jika boleh di masa-masa akan datang peruntukan patutlah Kerajaan beri lebih banyak lagi kepada Kementerian ini kerana inilah satu-satunya Kementerian yang boleh menghiburkan rakyat.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan Geraksaraf. Di dalam kawasan saya yang berhampiran dengan sempadan selalu rakyatnya mendengar Suara Radio Revolusi, kita boleh dapat dengan begitu terang sekali. Maka oleh kerana adanya stesyen pemancar di Alor Setar itu kalau boleh kita padamkanlah supaya rakyat jangan boleh dengar, dengan apa cara juga, itu terpulang kebijaksanaan Kementerian berkenaan supaya jangan rakyat kita mendengar kerana Suara Revolusi Rakyat itu selalunya memberikan gambaran yang semuanya salah, apa yang kita buat semuanya tak betul. Saya yakin dan percaya masalah *Tamil Malar* di Pulau Pinang ini juga akan digunakan oleh Suara Revolusi Rakyat yang mana kita percaya mungkin juga stesyennya berada di sempadan. Oleh yang demikian Suara Revolusi Rakyat ini begitu berkesan dan kuat sekali kita di sebelah utara menerimanya. Maka sewajarnya permintaan saya tadi Regional Transmission Centre kalau boleh janganlah kita bubuh di Pulau Pinang, maka sewajarnya tempat yang seelok-eloknya kita buailah di Alor Setar supaya benda-benda yang tak baik ini tidak boleh didengar oleh rakyat kerana segala apa yang disuarakan oleh Suara Revolusi Rakyat itu adalah semua pembohong dan dusta semata-mata. Sekian, terima kasih.

**Datuk Edwin Anak Tangkun: (Bangun)**

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup tetapi memandangkan 2-3 minit lagi kalau Yang Berhormat boleh bercakap 5 minit, saya akan benarkan sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.57 ptg.

**Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Maksud 47, 48 dan 49 di bawah Kementerian Penerangan. Wang yang diperuntukkan ialah sebanyak \$218,450,496.

Dalam Maksud ini juga saya menyentuh sedikit mengenai B. 47 Butiran 1100, Aktiviti (4) Penyelidikan dan Perancang dan Aktiviti (3) Pelesenan, muka surat 437. Oleh kerana masa tidak panjang, saya bercakap dengan ringkas sahaja di sini.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa perkembangan rancangan dan pembangunan Kerajaan dalam bidang penyiaran kini belum lagi dapat mencapai 100% disiarkan dalam TV dan Radio. Saya difahamkan di Negeri Sarawak banyak rancangan-rancangan yang sudah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri banyak tidak dapat disiarkan dalam TV ataupun Radio. Misalnya di kawasan saya ada 10 projek kecil telah dapat dilaksanakan oleh Kerajaan dalam setiap tahun seperti bekalan air, jalan-jalan ke kampung-kampung, pemberian tangki air kepada rakyat dan sebagainya. Akan tetapi kadangkala projek itu tidak diketahui oleh orang ramai kerana projek-projek yang telah dilaksanakan itu tidak disiarkan dalam radio.

Pada pandangan saya projek besar ataupun projek kecil seperti ini bila sudah dilaksanakan nanti perlu disiarkan melalui Jabatan Penerangan kerana jika tidak disiarkan melalui Jabatan Penerangan maka ini boleh menjadi masalah kepada Kerajaan Barisan Nasional di masa hadapan. Untuk mengatasi masalah ini saya fikir pihak Kementerian ini perlulah mengkaji semula dan menyusun semua projek-projek yang sudah dilaksanakan untuk disiarkan dalam TV. Selain dari itu, saya fikir juga Kementerian ini perlu menambahkan pegawai-pegawai di Jabatan Penerangan untuk memenuhi siaran yang bertujuan kepada semua penduduk-penduduk di kawasan luar bandar dengan cara sivik.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa pada masa ini Jabatan Penerangan tidak dapat 100% menjalankan sivik di kawasan luar bandar khususnya kepada kawasan-kawasan yang tidak ada jalanraya kerana peruntukan di bawah Kementerian ini tidak mencukupi bila sudah di pertengahan tahun. Di sini saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan supaya peruntukan ini dapat ditambahkan lebih banyak lagi di tahun hadapan.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa pada masa ini mungkin hampir 40% penduduk di kawasan luar bandar sudah membeli TV ataupun Radio dan saya nampak banyak juga rumah persendirian ataupun rumah-rumah panjang di Sarawak dilengkapi dengan TV dan Radio dan saya fikir jika projek-projek atau perkembangan ekonomi baru ini tidak disiarkan dengan penuh melalui TV dan Radio, maka

pengetahuan dan perasaan rakyat khususnya perasaan rakyat di negeri Sarawak akan dapat dipenuhi. Saya di sini merayu kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan supaya dapat mengambil perhatian berat, supaya semua projek-projek besar ataupun projek-projek kecil di seluruh negara khususnya projek di negeri Sarawak perlu disiarkan dengan penuh dalam TV dan Radio bila projek itu sudah dilaksanakan nanti.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya berpendapat bahawa lesen TV ataupun lesen radio banyak di negeri Sarawak yang tidak dibayar oleh tuan punya TV ataupun radio dan saya fikir oleh kerana ada setengah rakyat yang berpendapatan rendah tidak mampu dengan pembayaran lesen yang tinggi. Oleh hal yang demikian, di sini saya bercadang supaya bayaran lesen TV dan Radio itu dapat dikurangkan kerana dalam dua bulan yang lepas Jabatan Penerangan di Kuching ada memberi arahan kepada semua rakyat bahawa masih ada sebanyak 30% lagi rakyat yang tidak dapat membayar lesen radio atau lesen TV pada tahun ini dan Jabatan ini akan mengambil tindakan yang tegas kepada semua rakyat yang tidak mampu membayar lesen mereka.

Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan Jabatan Penerangan ini, akan tetapi sebaliknya saya fikir, satu langkah yang patut dijalankan kepada mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan tidak ada jalanraya, contohnya rakyat di kawasan saya iaitu di Ulu Sekerang, jauhnya mengambil masa dua hari atau dua hari satu malam berjalan dengan bot baru sampai ke Jabatan berkenaan dan masa ini kita dapati minyak benzen sudah naik dan mereka tidak mampu lagi menggunakan bot enjin outboard mereka. Saya berpendapat mereka yang tinggal di kawasan luar bandar itu mungkin ada setengahnya tidak dapat turun ke pejabat berkenaan.

Di sini kalaulah dapat saya meminta pegawai-pegawai daripada Pejabat Pos yang mengutip cukai itu dapat berjalan ke kawasan luar bandar supaya ianya dapat mengutip cukai dari orang ramai. Kalau tidak mereka yang lambat membayar lesen mereka itu akan dapat ditimbang supaya tidak dibawa ke mahkamah atau tidak dihukum mengikut peraturan-peraturan yang sudah diluluskan oleh Kerajaan. Saya berharap bahawa perkara ini dapat diambil perhatian oleh Yang

Berhormat Menteri Penerangan supaya rakyat yang lambat atau silap, bukan sengaja dapat dipertimbangkan oleh pihak yang berkuasa.

Saya sekali lagi berharap bahawa Kementerian ini akan dapat memberi penjelasan yang baik bila beliau menjawab ucapan saya dalam Dewan yang mulia ini dan saya sekali lagi menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Penerangan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*5.06 ptg.*

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya):** Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian Penerangan saya mengucapkan berbanyak terima kasih setinggi-tingginya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap mengenai Kementerian Penerangan dan yang telah memberi berbagai-bagai pandangan, setengahnya yang sangat membina dan ini adalah dialu-alukan.

Bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang meminta supaya masa untuk berita Laporan Parlimen itu dilanjutkan, sebenarnya sekarang telah ada 15 minit dalam TV dan 20 minit di radio dan setengah berita-berita yang penting yang berlaku di Parlimen bukan sahaja disiarkan di dalam masa Laporan Parlimen tetapi juga disiarkan dalam Warta Berita. Tetapi, walau bagaimanapun Kementerian Penerangan akan cuba mengkaji balik dan membuat pertimbangan dalam perkara ini sekiranya masa hendak ditambah itu dikira penting.

Bagi Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, terima kasih kerana memuji pergerakan sivik yang dilancarkan oleh Kementerian ini dan memang nampak sekali bahawa sivik itu memberi kesan yang baik dalam menerangkan dasar-dasar rancangan-rancangan Kerajaan.

Mengenai sivik kepada sekolah-sekolah, ini memang ada dijalankan iaitu dengan kerjasama Kementerian Penerangan dan Kementerian Pelajaran kepada murid-murid Form V dan VI, tetapi tidaklah dapat dibuat sepanjang masa, hanya dibuat dalam masa kelepasan dan ini terbatas kerana kekurangan pegawai-pegawai ataupun berbagai masalah yang timbul oleh pelajar-pelajar itu sendiri.

Walau bagaimanapun, Kementerian memberi perhatian pada masa ini ada dijalankan sivik kepada kanak-kanak sekolah menengah ini.

Sikap kakitangan Kerajaan, teguran Ahli Yang Berhormat itu kami ucapkan terima kasih, memang kami sedar bahawa kakitangan kerajaan juga patut diberi penerangan sivik dan ini ada semasa-semasa dijalankan walaupun tidak ditujukan kepada satu-satu Jabatan, tetapi ada kakitangan Kerajaan bercampur dalam majlis-majlis sivik yang kita anjurkan dari masa ke semasa dan harus kita tidak dapat membuat pada masa ini kerana kekurangan kakitangan dan tempat-tempat latihan yang khusus, tetapi walau bagaimanapun Kementerian bercadang Jabatan Penerangan akan mengadakan pusat latihan sendiri pada masa akan datang, maka dengan ini dapat memberi lagi sivik kepada kakitangan Kerajaan dengan lebih memuaskan seperti yang dibuat di INTAN.

Berkenaan dengan Unit Berkereta seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas tadi iaitu menegur filem-filem yang lama, perkara ini barangkali dahulu berlaku tetapi sekarang Kementerian Penerangan telah dapat memajukan unit ini dari semasa ke semasa dengan memodenkannya kepada cara-cara baru iaitu satu daripadanya bercadang hendak menukar unit-unit lama itu pada unit baru dengan nama Pendidikan Masyarakat (PENDIMAS) yang sekarang ini ada dua unit yang moden yang boleh menayangkan gambar ataupun menunjukkan cerita dan perkara yang berlaku di tanahair kita dari masa yang singkatnya atau boleh pada masa yang berlaku itu juga dengan jalan membekalkan TV set atau video kaset dalam unit-unit itu. Dan kita bercadang akan datang seboleh-bolehnya hendak letakkan unit seperti itu di tiap-tiap negeri sebuah supaya rakyat dapat menonton perkara yang betul berlaku.

Mengenai Pentarama Kementerian memang sedar bahawa masih kekurangan unit itu, sekarang ada 2 buah unit Pentarama dan kita bercadang akan tambah dari masa ke semasa dalam Rancangan Malaysia Keempat seboleh-bolehnya kita hendak lengkapkan sebuah unit Pentarama kepada tiap-tiap buah negeri supaya dapat rakyat seluruhnya menonton lebih kerap lagi Pentarama itu yang boleh memberikan pelajaran dan pengajaran serta kesan yang baik kepada rakyat di luar bandar.

Teguran Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah mengenai Geraksaraf, Kementerian Penerangan memang bekerja rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Perdana Menteri, sentiasa mengadakan perbincangan dan perundingan dalam masalah Geraksaraf ini dan sentiasa kita mengesan anasir subversif dan juga mengenai ajaran-ajaran salah serta ajaran sesat. Dalam golongan muda pula kita sentiasa mengambil berat atas generasi muda dengan sebab itu dalam kursus sivik penerangan sentiasa dititikberatkan memberi sivik kepada generasi muda baik belia atau beliawanis di tanahair kita.

Mengenai cadangan Ahli dari Pasir Putih yang berkehendakkan supaya channel TV dibanyakkkan dengan serta-merta, ditambah tiga tempat, memang tak dapat dijalankan sekarang kerana masalah kekurangan kewangan dan kakitangan. Tetapi walau bagaimanapun, kita bercadang hendak memberi seberapa boleh penyiaran yang memuaskan kepada semua rakyat Malaysia dan sebab itu dalam Rancangan Malaysia Keempat ini Kementerian akan menyalurkan channel kedua kepada Sabah dan Sarawak supaya rakyat kita di sana dapat menonton dengan lebih banyak lagi, dapat kita menyiarkan rancangan berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Ahli dari Sarawak tadi iaitu minta menyiarkan rancangan dengan banyak ke Sarawak. Jadi sekiranya ada channel yang kedua ini mungkin disalurkan ke Sarawak maka dapatlah disiarkan beberapa lagi rancangan dan aktiviti Sarawak di sana.

Mengenai teguran Ahli dari Pasir Putih juga berkehendakkan dubbing, saya rasa kita ada buat, tetapi tidak semua cerita asing itu didubbing, ada cerita yang kita dubbing dari Jepun dan ada cerita yang kita beri sarikata dan ada cerita yang kita tidak dubbingkan langsung semata-mata dalam bahasa Inggeris, kerana dalam hal cerita jenaka susah hendak dubbingkan. Walau bagaimanapun, janganlah lupa bahawa ada kita dapati daripada penonton kita sendiri, kadang-kadang cerita-cerita yang sedap daripada Inggeris dan Arab dan lain-lain biasanya mereka tak mahu didubbing kerana hendak tengok cerita yang real atau asal cerita itu sendiri. Jadi ini kita tak dapatlah hendak memuaskan nafsu dan kehendak setiap individu, dalam perkara ini kita ambil general sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka meminta dihapuskan lesen TV dan radio, ini tidak dapat kita lakukan kerana ini adalah satu peruntukan undang-undang negara kita ada menyebut orang-orang yang menggunakan mass media seperti ini dilesenkan supaya dapat dikesan orang-orang yang menggunakan alat-alat penyiaran seperti itu. Walau bagaimanapun, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini lesen kita tidaklah begitu tinggi seperti yang disangka. Umpamanya, radio bimbit cuma kita kenakan \$5 pada satu kali beli, sepanjang masa, tak bayar pada tiap-tiap tahun. Ini adalah sangat berpatutan. Lesen TV \$24 setahun, sangat menasabah, dan ini merupakan satu lesen yang paling rendah sekali di rantau ini. Jadi kalau kita hitung panjang seorang hanya membelanjakan \$2 sebulan, saya rasa sangat menasabah dan tak patut rakyat tak boleh belanja \$2 sebulan kerana hendak menonton gambar TV di negaranya sendiri. Ini berpatutan, dalilnya bahawa sungutan itu tidak banyak kita terima daripada rakyat biasa, kerana kalau kita tengok hasil bayaran pelesenan radio/TV dari semasa ke semasa meningkat naik. Ini menunjukkan rakyat mampu membayarnya dan menunjukkan negara kita makmur. Umpamanya, pada tahun 1979 kita dapat pungut \$25 juta iaitu lebih \$3 juta daripada tahun 1979 dan tahun 1980 meningkat ke \$29 juta, \$4 juta lebih daripada tahun lalu. Ini menunjukkan rakyat tak ada masalah dalam hal membayar lesen.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Panti, saya ucapkan terima kasih kerana memuji Kementerian, terutama sekali siaran TV mengenai unsur agama. Memang kami tidak lupa hendak menambah siaran agama tetapi masanya terbatas sekali, sebab TV cuma satu channel nasional, dalam pada itu pula kita cuba dapatkan juga siaran agama ini tidak ketinggalan daripada rancangan-rancangan lain. Umpamanya, sekarang rancangan agama di TV itu banyak juga kita siarkan. Mula-mula kita siarkan bacaan Quran, azan, nasyid, pelajaran bimbingan agama, Sinar Islam, kadang-kadang diskusi berkenaan agama, forum agama dan berbagai siaran secara langsung hal kejadian dan peristiwa agama. Dalam masa bulan puasa hampir setiap hari kita siarkan cerita Islam dan sebagainya dan masa musabaqah hampir 100% rancangan nasional digunakan secara langsung. Itu saya rasa hampir sudah mencukupi TV memberi khidmat kepada siaran agama. Dalam pada

itu kita sentiasa memberi pertimbangan mana-mana yang patut kita tambah dan patut dibaiki akan dibaiki lagi seperti teguran Ahli Yang Berhormat dari Kangar tadi yang berkehendakkan setiap ayat yang ditafsir itu dinyatakan surahnya, barangkali itu boleh kita buat dan kita akan timbangkan.

Masalah lain yang dibangkitkan oleh Ahli dari Telok Anson berkenaan dengan iklan rokok. Sebenarnya kami sedar memang iklan rokok ada berlaku di TV dan kadang-kadang merupakan satu iklan yang begitu besar sekali dan terbaik dan dalam pada itu jangan kita lupa bahawa negara kita tidak mengharamkan merokok. Sungguhpun kita tidak mengharamkan merokok, kita ada tulis di situ bahawa rokok itu merbahaya pada kesihatan. Dan dengan itu kita dapat tahu barangkali orang yang mencari bahaya itulah yang hendak menghisap rokok. Berkenaan dengan iklan itu juga kita jangan lupa ada kaitan dengan masalah tembakau. Apabila kita menahan orang membuat rokok, barangkali kilang rokok akan ditutup dan pengangguran akan berlaku bukan satu dua ribu, barangkali berpuluh ribu orang dan juga tanaman tembakau, barangkali tembakau tak laku dan itu akan melibatkan petani kita terutama sekali di Pantai Timur banyak menanam tembakau dan tembakau merupakan satu pencarian yang lumayan. Jadi dengan sebab itu barangkali harus iklan rokok berjalan tidak diharamkan tetapi TV sentiasa mengambil berat dalam hal iklan ini dan mulai daripada tahun hadapan kita akan cuba mengetatkan lagi cara iklan rokok yang disiarkan di TV supaya tidak sangat begitu menarik seperti sekarang. Barangkali kita tidak nampakkan tangan orang yang merokok ataupun menghilangkan pemetik api supaya penonton tidak menggeram menghisap rokok.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan masalah Geraksaraf dan masalah akhbar *Tamil Malar* yang berkaitan dengan keluaran pada 2hb November, juga tugas orang-orang yang membaca akhbar di Kementerian Penerangan.

Yang sebenarnya saya suka menerangkan di sini, saya sendiri sudah menjalankan penyiasatan di Kementerian saya dan orang-orang yang membaca majalah-majalah asing setiap hari memang ada membaca akhbar Melayu, akhbar Inggeris, Tamil dan Cina. Dalam siaran ini siri yang keenamlah baru ada

menyebut "Kepalsuan Islam" atau dia mencaci Islam, mereka telah siarkan lima siri yang lepas. Yang anihnya ialah bahawa tajuk cerita itu "Islam mengajar Kepalsuan" sebagaimana yang disiarkan dalam surat khabar, tetapi apabila saya tanya orang India yang membaca surat khabar itu dia kata tajuk yang sebenarnya tidak begitu. Tajuk yang sebenarnya "Islam Mengajar Kesucian" sebab itu agaknya lima ciri yang lepas itu tidak dapat dikesan, tetapi dalam ciri yang akhir baru ada menyebut seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi dan itu berlaku pada 26hb November, dan barangkali rakyat baca pada 26hb dan 27hb November telah berlaku tunjuk perasaan di Pulau Pinang. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pula sudah mengambil langkah dengan begitu cepat menahan penerbitan akhbar itu dan memanggil pengarangnya dan sekarang sedang dalam siasatan.

Saya rasa tindakan itu adalah satu tindakan yang pantas dan dengan kerjasama Kementerian Penerangan dan pihak keselamatan dapat dibendung daripada anasir-anasir subversif ataupun anasir jahat menggunakan kesempatan dalam masa kelam-kabut yang dibuat oleh orang-orang Islam di Pulau Pinang. Ini tidaklah dapat kita mendakwa atau menuduh bahawa Kerajaan cuai dalam perkara ini, ataupun tidak ambil berat. Yang sebenarnya kita ambil berat dan kita masih menyasat lagi segala butir yang disiarkan oleh surat khabar itu dari semasa ke semasa. Sekarang pun surat khabar itu telahpun ditahan dan tidak dibenarkan pengeluarannya. Saya rasa tindakan kita itu satu tampan yang hebat juga dan saya baru berjumpa dengan Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri meminta supaya perkara ini diketatkan lagi dan dia memberi jawapan bahawa perkara ini akan disiasat segala akar umbinya dan dari mana punca yang boleh berbangkit dan akhbar itu harus tidak dibenarkan pengeluarannya sehingga penyiasatan selesai.

Berkenaan dengan pandangan dari Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda meminta tambah Studio di Alor Setar, itu memang telah kita cadangkan di Alor Setar, Kedah diadakan satu stesyen tetapi bangunannya itu barangkali belum siap. Mengenai pusat pengeluaran regional yang disebutnya tadi memang kita bercadang untuk membaiki lagi

siaran kita kepada rakyat kampung supaya dapat berita-berita dan dibuat dengan lebih up-to-date atau lebih cepat, Kementerian bercadang akan mengadakan empat lagi pusat pengeluaran regional iaitu di utara dicadangkan di Pulau Pinang dan kita akan membuat pertimbangan kepada syor yang hendak dibuat di Alor Setar. Lagi satu di Trengganu bagi Pantai Timur, di Johor Bharu bagi Selatan dan juga di Sarawak dan barangkali pada tahun 1981 harus kita dapat menyiapkan 2-3 stesyen itu di Semenanjung ini supaya dapat berita disampaikan dengan lebih cepat dan lebih moden lagi daripada biasa.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih tadi mengenai cara menyampaikan Warta Berita, kita tidak mampu hendak membaca Warta Berita sampai 2-3 jam sebab TV kita terbatas channelnya, tetapi cara pemodenan membaca Warta Berita itu kita akan buat dengan melalui pusat pengeluaran regional yang kita hendak buat ini supaya berita yang berlaku di Utara, di Pantai Timur ataupun di Selatan dapat dipancarkan pada masa itu juga dengan dibaca oleh orang yang berkenaan di Utara, di Selatan atau di Pantai Timur. Barangkali pada masa akan datang kita tidak dapat tengok lagi hanya seorang sahaja yang membaca Warta Berita pada masa itu barangkali berita-berita orang Utara, Kangar umpamanya dapat diperbanyakkan ataupun daripada tempat-tempat lain, Sarawak dan sebagainya disiarkan melalui berita TV.

Memang kita sedar bahawa dalam hendak memberi penyiaran yang lengkap kepada rakyat masih memerlukan pegawai-pegawai yang ramai dan unit-unit yang banyak seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda, tetapi kita harus memikirkan bahawa perkara ini tidak dapat ditambah dalam sekali gus kerana memerlukan wang yang banyak dan kakitangan yang ramai. Walau bagaimanapun, Kementerian Penerangan memang bercadang dari semasa ke semasa menambah pegawai-pegawai yang baru umpamanya dalam rancangan kita dua tahun lagi akan ditambah lebih daripada 400 orang lagi pegawai baru untuk membuat penerangan ke kampung-kampung, sesuai dengan meningkatnya perkembangan kemajuan negara kita dan penambahan penduduk

dan banyaknya kampung di negara kita sekarang maka perlu pegawai-pegawai seperti itu ditambah dan ini akan diambil ingatan yang berat tentang penambahan pegawai ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja perkara besar yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat saya menjawab, perkara-perkara lain tidak dapat dijawab di sini kerana masa cukup terbatas. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil ingatan dan segala pandangan-pandangan atau syor-syor, fikiran yang membina yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan yang telah bercakap mengenai Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$31,748,300 untuk Maksud B. 47; \$125,684,300 untuk Maksud B. 48 dan \$686,903 untuk Maksud B. 49 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$31,748,300 untuk Maksud B. 47; \$123,684,300 untuk Maksud B. 48 dan \$38,167,800 untuk Maksud B. 49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,299,133 yang disebutkan dalam Maksud P. 47; \$15,864,060 untuk Maksud P. 48 dan \$686,903 untuk Maksud P. 49 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,299,133 untuk Maksud P. 47; \$15,864,060 untuk Maksud P. 48 dan \$686,903 untuk Maksud P. 49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran pembangunan, 1981.

*Maksud B. 60, B. 61 dan B. 62 (Jadual)*

*Maksud P. 60, P. 61, dan P. 62 (Anggaran Pembangunan, 1981)—*

**Tuan Pengerusi:** Sekarang ini Maksud B. 60 hingga B. 62 sebanyak \$132,862,010 dan Maksud P. 60 hingga P. 62 berjumlah \$258,534,494 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

*5.30 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, yang pertama saya merujuk kepada muka surat 551, Maksud B. 60, Butiran 1100, Aktiviti (2) Perancangan dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi, mengenai Perancangan dan Penyelidikan dalam Kementerian yang berkenaan, saya ingin menyentuh tentang keperluan bagi Kerajaan untuk merancang dan menyelidik dengan tujuan untuk mewujudkan punca-punca tenaga alternatif dan baru untuk negara ini. Sebagaimana kita sedia maklum untuk menampung keperluan tenaga di negara ini, kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada tenaga minyak semata-mata tetapi terpaksa berusaha mencari punca-punca alternatif yang boleh mengeluarkan tenaga.

Memandangkan kepada ini negara kita hendaklah merancang satu strategi Penyelidikan dan pembangunan tenaga yang lebih baik. Saya faham, Tuan Pengerusi, bahawa pihak Kementerian pun telah mengumumkan baru-baru ini bahawa pihak yang berkenaan ada program-program tentang mencari punca-punca yang alternatif ini. Saya rasa bahawa pihak Kementerian hendaklah mempunyai, dengan izin, satu inventory yang comprehensive tentang keperluan tenaga untuk negara dan ini seharusnya menjadi asas kepada perumusan dasar tenaga untuk negara kita.

Tadi saya ada mengatakan bahawa Kerajaan mendakwa ia telah memulakan kerja merumus satu Dasar Tenaga Negara (National Energy Policy) tetapi sehingga ke hari ini orang ramai masih belum menyedari sepenuhnya apa yang berlaku dan butir-butir lanjut tentang dasar yang sedang dirumus oleh pihak Kementerian yang berkenaan. Saya berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dapat memberitahu lebih lanjut mengenai dasar Tenaga Negara untuk maklumat Dewan ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Di samping itu saya ingin mencadangkan bahawa dalam merumuskan Dasar Tenaga Negara, Kerajaan hendaklah mengadakan perundingan (consultation) dengan pakar-pakar daripada pelbagai bidang di luar sektor Kerajaan dan lain-lain badan sukarela yang berminat kerana saya percaya dan yakin mereka mempunyai sumbangan-sumbangan membina dan bernilai yang boleh diambil untuk dipertimbangkan bagi perumusan Dasar Tenaga Negara.

Saya telah mencadangkan di awal-awal lagi bahawa kita hendaklah mempunyai satu inventory yang comprehensive tentang keperluan tenaga untuk negara kerana saya merasakan bahawa suatu inventory seumpama itu adalah sangat diperlukan bagi membolehkan kita mengenali (identify) keperluan-keperluan tenaga untuk negara kita yang sebenar dan punca-punca tenaga yang sekarang mampu diadakan sebelum kita memutuskan apakah bentuk dan apakah rupa Dasar Tenaga Negara yang kita patut mengamalkan.

Saya ingin menyatakan bahawa untuk tujuan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan tenaga yang bermatlamatkan untuk mewujudkan punca-punca tenaga alternatif untuk negara, Kerajaan hendaklah menyediakan peruntukan-peruntukan yang perlu untuk mencapai tujuan dan objektif ini. Jika ini perlu, saya suka mencadangkan bahawa Kementerian hendaklah memikirkan dan mengadakan satu tabung khas yang dipanggil Kumpulanwang Jaminan Tenaga (Energy Security Fund) untuk merancang dan membangun keperluan-keperluan tenaga negara masa hadapan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara tenaga, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan masalah penjimatan tenaga. Mengenai perkara penjimatan tenaga ini saya ingin menggesa Kerajaan supaya mengumumkan kepada orang ramai program penjimatan tenaga nasional supaya garis panduan tersebut boleh diketahui ramai tentang bagaimana cadangan Kerajaan menjimatkan tenaga dan bagaimana orang ramai boleh memainkan peranan mereka dalam program penjimatan tenaga ini.

Saya terpaksa menegaskan di sini bahawa dalam apa juga program penjimatan tenaga yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, Kerajaan sendiri mestilah menjadi contoh yang baik sebelum boleh mengharap orang ramai berbuat demikian. Jika Kerajaan boleh menjadi satu contoh kita ingin tahu bagaimana ia akan melaksanakannya.

Atas perkara tenaga juga, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh satu perkara yang saya anggap adalah penting iaitu berkenaan dengan bekalan elektrik yang diuruskan oleh Lembaga Letrik Negara. Pada 30hb Oktober yang lalu Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah mengumumkan kadar bayaran elektrik baru yang akan berkuatkuasa pada hari ini (1hb Disember, 1980) di mana Kerajaan mendakwa boleh menolong pengguna-pengguna domestik dari golongan rendah membayar kurang untuk bayaran elektrik mereka.

Tarif LLN yang baru dikatakan boleh memberi faedah kepada lebih setengah juta pengguna-pengguna domestik yang menggunakan kurang daripada 48 unit elektrik sebulan. Di bawah tariff "A"—Domestik, kadar-kadar bayaran yang terdapat sekarang untuk menggunakan kurang daripada 48 unit sebulan ialah \$9.66 tetapi mulai hari ini kadar baru ialah \$9.60. Meskipun ini adalah benar bahawa terdapat pengurangan dalam kadar untuk mereka yang menggunakan kurang 48 unit sebulan tetapi soalnya ialah berapa ramaikah pengguna-pengguna yang benar-benar menggunakan di bawah angka itu. Dengan lain-lain perkataan, berapa ramaikah pengguna-pengguna domestik yang layak mendapat tenaga yang dianggap murah itu.

Dengan kenaikan taraf hidup sekarang kita menjangkakan bahawa pengguna tenaga golongan-golongan kecil akan bertambah baik di luar bandar mahupun di kawasan-kawasan setinggan di dalam bandar-bandar. Tidakkah ini akan lebih realistik dan bermakna sekiranya concession untuk tenaga murah ini boleh ditambah menjadi 70 ataupun 75 unit. Bagaimana pula dengan pengguna-pengguna kelas sederhana di bandar-bandar? Untuk pengguna-pengguna kelas sederhana (middle income group) yang tentunya menggunakan lebih daripada 100 unit sebulan, kenaikan dalam kadar elektrik akan tentu menyusahkan mereka.

Di bawah kadar elektrik yang baru, tariff bulanan baru untuk pengguna-pengguna domestik ialah 20 sen seunit untuk 100 unit yang pertama dan 23 sen seunit untuk 900 unit yang berikut. Ini akan bermakna bahawa untuk mereka yang menggunakan 100 unit sebulan dengan kadar baru mereka perlu membayar \$20 sedangkan kadar lama hanya \$15.90 sahaja.

Memandangkan di atas, saya ingin mencadangkan bahawa tariff bulanan yang baru untuk pengguna-pengguna domestik hendaklah dikurangkan daripada 20 sen seunit untuk 100 unit yang pertama kepada 15 sen seunit untuk 100 unit yang pertama supaya benar-benar memberi faedah kepada sebahagian besar pengguna-pengguna domestik.

Itulah sahaja perkara yang saya ingin sentuh.

**Tuan Pengerusi:** Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah selesai ditimbang dan diluluskan.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Anggaran

Perbelanjaan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah selesai ditimbang dan diluluskan.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

**Jawatankuasa**

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang perbahasan di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos disambung semula. Yang Berhormat dari Gerik.

*Perbahasan disambung semula.*

*5.42 ptg.*

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (Gerik):** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berkenaan dengan peruntukan yang telah dipohon oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 60, Butiran 1 dalam mukasurat 553 iaitu Bekalan Letrik Luar Bandar. Dalam menyentuh perkara ini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan bekalan-bekalan elektrik yang hari ini telah disalurkan ke luar-luar bandar.

Di kawasan saya sendiri, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana jikalau dalam tahun 1978 cuma 10% sahaja penduduk-penduduk di kawasan Parlimen Gerik yang terdiri daripada orang-orang Melayu dapat menikmati bekalan elektrik tetapi hari ini peratus ini telah meningkat ke angka 40%. Walaupun demikian, saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian iaitu sungguhpun peratusan ini

telah meningkat tetapi perasaan tidak puas-hati di kalangan rakyat luar bandar telah juga meningkat. Ini ialah kerana kalau dahulu kesemua sekali kawasan-kawasan Parlimen Gerik ini tidak mempunyai bekalan elektrik tetapi hari ini setengah-setengah kampung sudah mempunyai bekalan elektrik tetapi kampung-kampung yang berhampiran dengan kampung-kampung yang sudah ada bekalan ini menimbulkan masalah yang lebih berat kepada pihak Kerajaan. Oleh kerana kalau dahulu kesemuanya gelap tetapi hari ini setengah kampung terang benderang tetapi banyak lagi kampung-kampung yang masih tidak ada bekalan elektrik.

Dengan maksud itu, saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian kepada Maksud Pembangunan 60, Butiran 11 iaitu Rancangan Mini-Haidro. Oleh kerana kawasan Parlimen Gerik ini kebanyakannya kawasan-kawasan yang terletak di hulu sungai tentu merupakan kawasan-kawasan pendalaman yang sukar untuk dimasukkan bekalan elektrik dan juga kawasan-kawasan di negeri Sarawak dan Sabah yang mana sudah tentu tidak mungkin disambung dengan saluran bekalan elektrik yang biasa oleh kerana kawasan-kawasan ini terletak di kawasan-kawasan pendalaman, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya rancangan mini-haidro diwujudkan di kawasan-kawasan ini jikalau keadaan mengizinkan.

Kawasan-kawasan yang saya maksudkan ialah di sepanjang Lebuh raya Timur/Barat. Kawasan-kawasan ini hari ini telah diperuntukkan oleh Jabatan Orang Asli untuk dibangunkan sebagai kawasan-kawasan perkampungan baru Orang Asli dan oleh kerana hari ini Orang-orang Asli ini juga telah maju, kebanyakan anak-anak mereka hari ini berkhimat dalam Pasukan Polis Senoi Prak maka sudah tentulah apabila anak-anak mereka ini pulang ke kampung-kampung masing-masing mereka akan merasa kesepian kerana hari ini kalau mereka berkhidmat di dalam Pasukan Polis Senoi Prak mereka mempunyai bekalan air dan bekalan api. Tetapi apabila mereka balik ke kampung-kampung mereka ataupun kawasan-kawasan yang hendak diwujudkan oleh pihak Kementerian sebagai kawasan-kawasan perkampungan bagi Orang-orang Asli ini maka sudah tentulah tiada bekalan api dan bekalan

air. Saya ingin mencadangkan di mana didapati sesuai supaya rancangan mini-haidro ini dapat diwujudkan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Maksud Pembangunan 60, Butiran 3, muka surat 553 berkenaan dengan Projek Haidro Elektrik Kenering dan Bersia. Saya juga sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian kerana telah dapat mewujudkan dua buah lagi empangan di kawasan Parlimen Gerik sesudah diwujudkan Empangan Temenggor. Tetapi rungutan-rungutan banyak sekali ditimbulkan oleh pekerja-pekerja yang bekerja di Empangan Kenering dan juga Bersia. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian kerana banyak kontrek-kontrek ini mengambil pekerja-pekerja bumiputra, hampir-hampir 65% pekerja-pekerja di kawasan ini terdiri daripada bumiputra dan lebih 40% pekerja-pekerja mahir terdiri daripada bumiputra.

Tetapi perkara yang menimbulkan masalah kepada pekerja-pekerja ini ialah masalah tidak seimbang gaji di antara pekerja-pekerja bumiputra dan pekerja-pekerja bukan bumiputra. Oleh kerana saya sendiri belum lagi membuat kajian yang teliti berkenaan dengan perkara ini dan perkara ini cuma telah dapat ditimbulkan oleh Biro Buruh Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Gerik.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya membuat satu tinjauan berkenaan dengan gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja di kawasan ini. Kebiasaannya apabila kita timbulkan berkenaan dengan gaji ini kepada Kementerian, Kementerian selalunya pergi menyiasat ke kawasan empangan ini. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya siasatan ini tidak payah dibuat di kawasan empangan kerana siasatan ini dapat juga kita lakukan kalau kita pergi ke Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dengan kita mengambil senarai-senarai gaji-gaji yang dibayarkan kepada pegawai-pegawai dan juga pekerja-pekerja yang hari ini bekerja di Empangan Kenering dan Bersia, kita akan dapat meneliti gaji-gaji yang sebenarnya dibayar oleh majikan kepada pekerja-pekerja kerana potongan gaji yang dibuat kepada EPF ini merupakan gaji yang sebenarnya dibayar kepada pekerja-pekerja.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Maksud P. 60 Butiran (10) muka surat 553 juga iaitu Bekalan Elektrik ke kawasan FELDA di luar kawasan Pembangunan Wilayah.

Dalam menyentuh perkara ini, saya bukan sahaja menyentuh berkenaan dengan kawasan saya, tetapi juga kawasan-kawasan FELDA yang ada di seluruh negara kita hari ini. Kalau dahulu pihak Kementerian selalu membuat dalih menyatakan bahawa kita tidak dapat membekalkan bekalan elektrik ini ke kawasan luar bandar oleh kerana penduduk-penduduk luar bandar hari ini tinggalnya bertaburan merata-rata tempat. Tetapi dengan wujudnya kawasan-kawasan FELDA ini, Tuan Pengerusi, orang-orang Melayu yang hari ini tinggal di luar bandar telah dapat dikumpulkan ke dalam satu kawasan-penempatan yang baru. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya mereka ini dapat dibekalkan dengan bekalan elektrik. Di kawasan Gerik sendiri hari ini pihak FELDA telahpun dalam proses hendak membuka kawasan seluas 27,300 ekar dengan tanaman getah akan ditempatkan lebihkurang 3,000 keluarga. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya satu kajian yang mendalam dapat dijalankan supaya apabila peneroka-peneroka ini ditempatkan di kawasan FELDA ini dalam masa dua tahun lagi mereka ini akan dapat dibekalkan dengan bekalan api dan juga bekalan air. Kerana di kawasan Gerik hari ini 96% mungkin 99% penduduk-penduduk China dan penduduk-penduduk India hari ini menikmati bekalan air dan bekalan api. Jadi saya berharap kepada pihak Kementerian supaya satu perancangan juga dapat dibuat kepada FELDA yang akan membuka kawasan seluas 23,000 ekar ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh Maksud P. 61 Jabatan Telekom, muka surat 556 iaitu sambungan telefon ke kawasan luar bandar. Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya memberi satu perhatian yang lebih serius kepada sambungan telefon ini ke luar bandar terutama sekali kawasan-kawasan yang terletak di sempadan. Kawasan-kawasan ini merupakan kawasan-kawasan keselamatan. Dan hari ini jikalau ada satu-satu hal yang berlaku di kawasan-kawasan pendalaman yang letaknya di sempadan maka sangat susah bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar ini untuk

menghubungi pejabat-pejabat polis. Saya ingin mencadangkan supaya peruntukan ini bukan hanya dibuat melalui Kementerian tetapi sambungan ke kawasan pendalaman ini diberi terus oleh Kerajaan dan pihak Kementerian cuma membekalkan pesawat-pesawat telefon sahaja.

Tuan Pengerusi, menyentuh Maksud Pembangunan yang sama....

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Padang Rengas.

*5.52 ptg.*

**Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, saya bersama bangun untuk menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Saya hendak menyentuh muka surat 553 P. 60, Butiran (1) Bekalan Elektrik Luar Bandar, dan Butiran (11) Rancangan Mini-Hidro. Tuan Pengerusi, mula-mula saya hendak mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali saya bangun dan bercakap menimbulkan masalah elektrik luar bandar. Alhamdulillah, barangkali perhatian daripada Kementerian ini walaupun saya berkata kawasan Padang Rengas ialah kawasan yang mula-mula sekali mendapat perbekalan elektrik atau ampangan elektrik yang diadakan di dalam negara kita ini tetapi kawasan inilah kawasan yang ketinggalan sekali.

Pada masa Yang Berhormat Menteri Kewangan mengatakan di dalam hal perbekalan elektrik luar bandar pada 17hb Oktober yang lalu iaitu apakala tamatnya tahun 1981 maka rumah-rumah di luar bandar 57% daripadanya akan dapat dibekalkan kuasa elektrik. Jadi hasrat Kerajaan ini mendapat perhatian yang sungguh-sungguh daripada penduduk luar bandar. Jadi nampaknya kawasan saya pun dalam tahun ini sahaja pihak Kementerian ini telah membekalkan 7 buah kampung dengan elektrik dan dua daripadanya telah dapat menikmatinya. Jadi lagi sekali saya mengucapkan

terima kasih dan mereka yang belum ini sedang menunggulah hendak menyambut hasrat Kerajaan itu. Tetapi walaupun demikian, Tuan Pengerusi, ada beberapa buah kampung saya rasa bukan sahaja dalam kawasan saya, tetapi di seluruh negara kita tidak mungkin dengan keadaan hari ini perbekalan elektrik akan dapat dibawa ke kampung-kampung mereka iaitu ke kampung-kampung yanguduknya terpencil di ulu-ulu, di kaki-kaki gunung. Dengan keadaan yang berjauhan daripada punca-punca ataupun perbekalan pukal elektrik, saya rasa tidak mungkin akan dapat disambungkan elektrik ke kampung-kampung yang demikian itu bukan sahaja pada akhir tahun 1981 kalau tidak dibuat satu kajian yang lain. Umpamanya, saya beri contoh beberapa buah kampung dalam kawasan saya terutama sekali kampung-kampung yang ada di seberang Tasik Chenderuh. Ini saya rasa tentulah sulit bagi pihak Kerajaan walau bagaimana rakyat di tempat itu minta tidak mungkin kerana dari mana punca elektrik akan dapat dibekalkan. Tetapi dengan adanya peruntukan di dalam belanjawan yang dikehendaki oleh Kementerian ini iaitu berhubung dengan mini-haidro, saya rasa ini adalah satu harapan kemungkinan kampung-kampung itu dapat dibekalkan elektrik.

Jadi, Tuan Pengerusi, kawasan saya meliputi dua daerah. Sebahagian daerah Kuala Kangsar dan sebahagian ialah daerah Ulu Perak. Di dalam ingatan saya sama ada saya membaca akhbar dan sebagainya walaupun pihak Kerajaan kita khususnya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah menyatakan bahawa kita sedang mengkaji beberapa tempat yang kemungkinan akan diadakan mini-haidro ini tetapi saya tidak nampak bagi kawasan saya sama ada dalam Kuala Kangsar atau Ulu Perak kajian ini dibuat. Sedangkan sebagaimana saya sebutkan tadi kampung-kampung yang saya katakan itu ada kemungkinan diadakan bekalan elektrik menerusi mini-haidro oleh kerana kampung itu tinggal atauuduknya di kaki-kaki bukit yang banyak air sungai yang laju. Saya harap supaya perhatian dapat juga dibuat kepada kawasan Ulu Perak dan Kuala Kangsar.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang saya hendak sebut dalam perkara yang sama juga iaitu walaupun saya berterima kasih kepada pihak Kementerian, khususnya kepada syarikat Pengeluaran Elektrik Kinta yang telah

membekalkan elektrik di dalam kawasan saya dan juga kawasan Ulu Perak, ada satu masalah iaitu saya nampak di dalam pelaksanaan ini timbul masalah kepada pihak kontraktor-kontraktor yang berjaya untuk membekalkan elektrik ke kampung ini iaitu dalam ganti rugi pokok-pokok yang diambil untuk laluan talian ini. Jadi pihak orang kampung yang berkehendakkan elektrik ini mereka tidak gaduh dengan pokok rambutan, pokok langsung, getah, kelapa dan sebagainya tetapi yang timbul masalahnya ialah pokok durian. Oleh kerana pokok durian ini nilainya sangat besar bagi orang kampung barangkali mereka tidak akan jual sepokok durian dengan harga \$1,000. Jadi yang mendukacitakan mereka ialah dengan sebab dasar Syarikat Pengeluaran Elektrik Kinta ini tidak membayar ganti rugi kepada pokok-pokok durian itu. Jadi, saya tidak tahu apakah cadangan kita boleh mengatasi masalah ini tetapi pada hemat saya ialah jika pihak Kerajaan tidak dapat menggantikan pokok durian ini sebolebolehnya supaya dielakkan pokok-pokok durian tidak ditebang dan laluannya dibuat di tempat yang lain. Tetapi kalau boleh dibayar ganti rugi itulah sebaik-baiknya.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak sebut ialah muka surat 556, P. 61, Butiran (1) Pembangunan kepada Telekom untuk projek-projek Pembangunan. Perkara yang sama saya hendak sebut dalam masalah ini, sebagaimana rakan saya daripada Gerik menyebutkan kesulitan perkhidmatan telefon luar bandar terutama sekali kawasan Ulu Perak dan sebahagian daripada Kuala Kangsar.

Tuan Pengerusi, perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah. Mengikut laporan daripada pegawai-pegawai yang berkenaan menyatakan dan mengaku bahawa perkhidmatan telefon daerah Ulu Perak, terutama Gerik dan Keroh sangat sulit untuk hendak berhubung dari dalam atau keluar. Tetapi ada mudah sedikit dari luar ke dalam. Apa masalahnya saya tidak tahu. Dari luar untuk hendak berhubung walaupun susah, boleh lagi. Tetapi daripada dalam hendak keluar susah. Mengikut apa yang dilaporkan oleh pihak yang berkenaan ialah dengan sebab pemancar telekom kita yang ada di Bukit Maxwell, Taiping itu tidak begitu berupaya sama ada rosak atau sebagainya saya tidak tahu.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam masalah bekalan elektrik ini timbul masalah ialah di dalam Mesyuarat-mesyuarat Tindakan Daerah ini pegawai-pegawai yang mengawal kawasan-kawasan elektrik ini tidak selaras dengan pegawai jabatan yang lain. Umpamanya, saya bagi contoh Jurutera JPT Daerah Perak Utara meliputi Kuala Kangsar dan Ulu Perak termasuk Sungai Siput. Begitu juga pegawai-pegawai yang lain duduk dalam daerah itu tetapi bagi Pengawal Telekom yang ada dalam itu ramai benar terlibat. Umpamanya, Sungai Siput duduk dalam daerah Kuala Kangsar tetapi Pegawai Telekom yang bertugas mengikut laporannya ialah daripada Cemor, Kinta, jadi dia tidak dapat hadir Mesyuarat Tindakan Daerah, Kuala Kangsar kalau perkara itu berbangkit di Sungai Siput, dia kata dia tidak ada kuasa dan dia tidak tahu. Begitu juga di Kuala Kangsar Selatan dan lain-lain. Jadi Pegawai Telekomnya daripada Lumut kalau tidak silap saya, dia tidak hadir dalam Mesyuarat Tindakan Daerah itu, masalah ini berbangkit sepanjang masa. Begitu juga di kawasan Keroh. Telekom Keroh ini duduknya di bawah kawalan Sungai Petani negeri Kedah. Jadi pegawai yang datang daripada Taiping katanya bukan kawasannya, dia tidak dapat memberi taklimat yang sebenar-benarnya di dalam mesyuarat walaupun pernah dalam satu taklimat Tindakan Daerah Ulu Perak/ Gerik pernah dikatakan oleh pegawai itu bahawa dengan sebab telefon di Keroh itu tidak dapat berjalan dengan baik ialah perkhidmatan telekom yang paling mundur sekali dalam negeri Perak yang digunakan di zaman penjajah dahulu lagi. Jadi, masalah ini masing-masing saya rasa tidak dapat menyelesaikan dan saya mencadangkan kalau boleh, kalau segi tekniknya saya tidak faham, bolehkah pengawal-pengawal telekom ini menguasai dalam satu kawasan yang selaras dengan kuasa jabatan yang lain.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya hendak menyentuh muka surat 561, P. 162, Butiran 1—Pejabat Pos dan Rumah-rumah Kediaman.

**Tuan Pengerusi:** Masa tidak mengizinkan. Masa sudah cukup.

**Tuan Umar bin Haji Ismail:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Semerah.

6.03 ptg.

**Puan Shariffah Dorah binti Mohamed (Semerah):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 60, Butiran 1—Bekalan Elektrik Luar Bandar. Saya mengucapkan tahniah di atas kecekapan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dalam melaksanakan pembekalan tenaga dan kuasa elektrik di kawasan-kawasan luar bandar. Memandangkan masih banyak lagi kawasan-kawasan yang belum dapat menikmati kemudahan ini, saya berharap bahawa peruntukan yang dipohonkan oleh Kementerianya patutlah ditambahkan sekali ganda lagi.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian ini akan membaiki lagi cara melaksanakan bekalan elektrik di kawasan-kawasan luar bandar kerana mengikut keadaan yang ada pada hari ini dalam sesebuah Mukim seperti di kawasan saya, misalnya, ada terdapat 10 buah parit, 4 buah parit yang pertama itu dapat bekalan elektrik, kemudian 9 dan ke 10. Jadi, 5 batang parit lagi yang terletak di tengah-tengah seperti Parit Abdul Jalil di kawasan Peserai sama sekali tidak dapat menikmati kemudahan dan keadaan ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kawasan yang didiskriminasikan, ataupun satu-satu kawasan yang dapat bekalan elektrik hanya kekurangan 4 atau 6 batang tiang sahaja inipun terpaksa dirujuk kepada Kementerian. Saya berharap Jurutera Kanan Lembaga Letrik akan diberi sedikit kuasa supaya boleh membuat sendiri keputusan bagi mengkomplitkan bekalan elektrik di satu-satu kawasan itu.

Tuan Pengerusi, ada sedikit lagi kawasan saya yang berhampiran dengan bandar tidak sampai 2 batu belum lagi mendapat bekalan elektrik seperti Parit Semerah Darat. saya harap dapat priority kerana di sini terdapat penduduk yang ramai, kerana sebelum ada bekalan elektrikpun ramai yang melayakkan diri memijak tangga universiti. Semoga dengan adanya kemudahan-kemudahan asas ini lebih ramai lagi bilangan cerdik pandai akan dapat dilahirkan oleh penduduk-penduduk di kawasan luar bandar nanti dan ini tentunya akan menguntungkan negara dan menambahkan keuntungan Lembaga.

Tuan Pengerusi, menyentuh B. 61, Butiran 1—Pembangunan kepada Telekom untuk Projek-projek Pembangunan, muka surat 556.

Saya bangga dengan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Jabatan Telekom. Umpamanya, dengan wujudnya sebuah pusat telekom letronik yang termoden yang baharu sahaja dirasmikan di Johor Bahru pada 29 November yang lalu dan ini memberikan lebih banyak kemudahan-kemudahan kecepatan pembangunan. Tetapi, Tuan Pengerusi, pengurusan perkara kecil yang dikendalikan oleh Jabatan ini menimbulkan rasa tidak puas hati iaitu tentang bayaran bil telefon yang setiap bulan meningkat hingga \$200-\$300, pada hemat saya sidang di Parlimen ini sampai dua bulan setengah, saya tidak ada di rumah tetapi bil telefon yang dihantar saya rasa tidak sepadan dengan yang digunakan kadang-kadang sampai beribu-ribu ringgit. Dari itu saya mohon Kementerian akan memperbaiki lagi billing system yang kami semua difahamkan ada menggunakan berbagai-bagai kuasa moden, kuasa computer yang termoden, yang termaju dan terbaik dan lain-lain tetapi masih banyak menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada pengguna. Inilah saya harap supaya bil itu tally dengan perhubungan yang digunakan.

Akhirnya saya menyokong peruntukan yang dipohon.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Tanjong Karang, dan saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 7.00 malam atau lebih awal kalau tidak ada Ahli Yang Berhormat hendak bercakap pada waktu itu.

6.06 ptg.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjong Karang):** Tuan Pengerusi, suka saya mengambil bahagian pada Maksud Bekalan 60, muka surat 551, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, pada Aktiviti (2) Perancangan dan Penyelidikan.

Hasil daripada Perancangan dan Penyelidikan ini, Tuan Pengerusi, memang tidak dapat disangkal lagi begitu pesat Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini membekalkan tenaga elektrik ke semua kawasan dalam negara ini dan siapapun tidak menafikan, hanya sedikit sebanyak Pembangkang sahaja yang pernah mengatakan tidak berguna pada kampung-kampung di dalam memberi penerangan kepada rakyat. Tetapi pada masyarakat umum telah mengetahui dan

melihatnya dengan sendiri. Walaupun begitu baik dan begitu tangkas sekali Kementerian ini membekalkan tenaga elektrik ke semua kawasan di negara ini, pihak Perancangan dan Penyelidikan ini patutlah mengkaji dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman dan dunia moden ini iaitu kalau pada masa-masa yang lepas asalkan dapat tenaga elektrik di satu-satu tempat itu sudah cukup tetapi pada hari ini rakyat berkehendakkan supaya tenaga elektrik yang sampai ke kawasan mereka itu adalah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Yang pertama keselamatan. Masalah keselamatan segala harta-benda yang berkaitan dengan semasa mengusahakan atau melaksanakan pemasangan tenaga elektrik ke kawasan di kampung-kampung ataupun di mana-mana sahaja.

Yang kedua, keselamatan manusia. Keselamatan manusia adalah penting dalam masa merancang dan menyelidik bagaimana hendak membekalkan elektrik ini kepada kawasan-kawasan di semua tempat yang diperlukan.

Yang ketiga, ialah lebih jimat kalaulah ada alat-alat elektrik yang boleh digunakan lebih jimat, lebih murah tetapi lebih bermutu daripada apa yang ada pada hari ini. Ini hendaklah diberikan keutamaan.

Tuan Pengerusi, tidaklah dapat dinafikan 100% kemungkinan-kemungkinan juga ada kebakaran yang disebabkan oleh keadaan elektrik seperti yang ada pada hari ini. Jadi kepada perkara-perkara ini, maka saya telah dimaklumkan oleh pihak Kementerian ini bahawa satu percubaan telah pun dibuat oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini iaitu pemasangan sistem kabel di atas tiang dan saya juga difahamkan sistem ini sangat baik dan betul-betul menjimatkan dan mengatasi segala masalah yang timbul kepada keadaan yang sedia ada. Dengan sistem kabel di atas tiang ini, tiang kayu sepatutnya 30 kaki yang mesti ada untuk dipasang di kampung tetapi dengan sistem kabel ini 20 atau 25 kaki sahaja sudah boleh digunakan ini lebih jimat.

Yang kedua, sesebuah kampung yang patut dipotong sehingga 500-600 pokok-pokok tanaman termasuk pokok durian seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas tadi tetapi dengan sistem kabel ini pokok-pokok itu tidak payah dimusnahkan dan talian yang melalui kabel di atas tiang ini boleh masuk bergulung-gulung di celah-celah pokok itu, elektrik tetap lancar perjalanannya seperti yang dikehendaki.

Yang ketiga, sistem ini juga terlindung daripada merbahaya kerana keadaannya sangat baik pada pandangan saya dan mungkin perkara ini belum dapat meluas tetapi kalau dapat ini digunakan, dapat diambil perhatian oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan ini, saya percaya adalah amat baik untuk keperluan seluruh negara.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua ialah Maksud Pembangunan 60, muka surat 553, Butiran 1—Bekalan Letrik Luar Bandar.

Di kawasan Parlimen Tanjong Karang dan juga kawasan-kawasan yang di sekitarnya adalah sangat memuaskan di atas perkhidmatan Bekalan Letrik Luar Bandar ini tetapi rakyat di kawasan itu sukacita merayu kepada pihak yang berkuasa berkenaan dengan bekalan letrik luar bandar ini, kita tidak mahu berulang lagi adanya pemborong-pemborong yang melaksanakan kerja-kerja pemasangan elektrik ini terbengkalai, kerana rakyat tahu segala urusan itu ialah urusan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, mereka tidak begitu faham yang itu ialah kerja daripada pemborong.

Pernah berlaku beberapa masa yang lepas tiang-tiang elektrik dipacak sehingga 2 tahun tidak ada sambungan taliannya dan dipanjat oleh rumput sampai ke puncak tiang dan rakyat mengatakan ini ialah kelemahan Wakil Rakyat tempat yang berkenaan. Jadi tidak dapat dielakkan kita kena angkat tangan, kerana itu ada kenyataan di hadapan mata mereka tetapi Alhamdulillah, dengan kebijaksanaan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini pada hari ini, pada minggu ini dipacak tiangnya, minggu depan sambungan taliannya telah dibuat, telah disambung dengan terus dan begini baik. Dalam perkara ini adalah diucapkan syabas dan tahniah oleh rakyat kawasan yang berkenaan. Walau bagaimanapun, masih lagi pemasangan-pemasangan ini terus berjalan, kita bimbang

kalau ada di peringkat-peringkat yang akan datang, datang lagi pemborong yang cuai atau pemborong yang tidak berdaya bagi melaksanakan ini dan kita tidaklah mahu timbul pisang berbuah dua kali adanya dalam menjalankan kerja-kerja pemborongan daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Baharu.

6.12 *ptg.*

**Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Baharu):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 60, Butiran 1—Bekalan Letrik Luar Bandar.

Saya ingin juga menyentuh apa yang telah pun disebutkan oleh rakan-rakan saya yang lain dan menekankan tentang pentingnya Bekalan Letrik Luar Bandar ini. Sebenarnya bekalan elektrik memang satu kenyataan bahawa bekalan elektrik ini membawa satu perubahan hidup kepada penduduk-penduduk luar bandar. Dengan adanya bekalan elektrik ke satu-satu kampung maka tamatlah zaman kegelapan mereka itu dan datanglah satu cahaya baru di mana akan datang pula berbagai-bagai kesan secara langsung dan dengan sendirinya pula menolong dalam usaha pembangunan Kerajaan dalam bidang-bidang yang lain. Misalnya apabila ada elektrik di satu kampung kita dapati juga mutu pelajaran anak-anak di kampung itu juga dengan sendirinya meningkat, begitu juga nilai-nilai hidup penduduk kampung itu juga berubah supaya senang lagi mahu mengejar kemajuan dan sebagainya.

Oleh sebab kesan-kesannya secara langsung untuk membangunkan masyarakat itu, saya juga ingin menekankan bahawa peruntukan dipohon itu sebanyak \$17 juta sahaja untuk bekalan elektrik luar bandar adalah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan peruntukan yang diberi kepada perkara-perkara lain dari segi pembangunan luar bandar ini. Oleh sebab itu saya rasa peruntukan ini patutlah ditambahkan pada tahun-tahun yang akan datang.

Saya juga ingin menekankan, Tuan Pengerusi, mengenai beberapa aspek pelaksanaan mengenai bekalan elektrik luar bandar

ini. Kadangkala kita terdapat kalau dalam satu kawasan ada 5 atau 6 kampung yang berjiran kadangkalanya 2 atau 3 kampung sahaja yang mendapat bekalan, lepas itu kadang-kadang ia melompat pergi ke tempat-tempat lain pula. Kadang-kadang ini menimbulkan berbagai-bagai kesan yang kurang sihat, lebih-lebih lagi kalau misalnya di Negeri Kedah itu ada satu kampung banyak orang PAS atau orang UMNO dan sebagainya, timbul pula soal-soal politik dan sebagainya, lebih-lebih lagi kalau kena kampung itu yang dapat bekalan elektrik adalah kampung PAS, yang tidak dapat itu kampung UMNO, ini lagi teruk Wakil-wakil Rakyat dan perkara ini selalu berlaku.

Kita terdapat kadang-kadang dalam perancangan, mungkin yang dibuat dalam pejabat-pejabat pegawai tanpa melawat kawasan-kawasan tertentu, dia hanya menganggarkan sesuatu jumlah tetapi apabila ditender atau dikontrakkan kerja itu didapati tiang-tiangnya melalui di kawasan-kawasan yang tak ada banyak rumah tetapi ia berhenti pula di tempat hampir di luar kawasan di mana banyak rumah. Kadang-kadang kita mintalah pihak letrik ini supaya tambah 2 atau 3 tiang lagi supaya elektrik itu sampai ke kampung di mana banyak rumah. Ini pula sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat di sebelah saya tadi satu sistem di mana Kementerian ini terpaksa rujukkan ke Ibu Pejabat di Ibu Negeri dan dari sana rujuk pula kepada Kementerian dan tunggu pula tahun hadapan untuk mendapat peruntukan hanya disebabkan hendak sambung 2 atau 3 tiang sahaja.

Saya juga inginlah menekankan bahawa seharusnya oleh sebab soal elektrik luar bandar ini memang satu perkara yang agak rumit sedikit, saya rasa eloklah juga satu flexibility diberi kepada Ketua-ketua Jabatan supaya dalam keadaan macam ini mereka mempunyai suatu peruntukan untuk memperlakukan talian ataupun sambungan elektrik itu.

Saya juga ingin menyentuh, Tuan Pengerusi. Butiran 11—Rancangan Mini-Haidro.

Saya telah difahamkan dalam satu taklimat bahawa untuk mengadakan Rancangan Mini-Haidro ini sungguhpun begitu menarik tetapi modal awal yang diperlukan untuk mengadakan satu Stesyen Mini-Haidro ini adalah

terlalu tinggi kononnya dan memanglah anggaran yang saya telahpun diberi dalam taklimat yang diberi memanglah tinggi dan mungkin itulah sebabnya peruntukan yang dipohon hanya \$10 juta sahaja.

Saya rasa kalau kita kaji benar-benar kita tidak ada jalan lain untuk memberi bekalan elektrik kepada penduduk di luar bandar khususnya, kecuali dengan Rancangan-rancangan Mini-Haidro ini, sebab tidak dapat dielakkan harga minyak tentu akan naik dan akan meningkat terus-menerus dengan sendirinya. Bermakna bayaran elektrik juga akan meningkat dan juga kos mengadakan bekalan elektrik dengan cara menggunakan minyak ini sudah tentu akan lebih tinggi. Oleh sebab itu sungguhpun modal permulaan pada masa ini tinggi tetapi dalam segi jangka panjang, saya rasa kosnya sudah tentulah akan merupakan rendah, begitu juga bagi penduduk luar bandar, saya rasa bil bulanan yang mereka terpaksa bayar sudah tentulah rendah lagi jika digunakan elektrik seperti biasa ini.

Rancangan Mini-Haidro ini boleh dibandingkan dengan Rancangan Bekalan Air Masyarakat yang mana begitu popular sekali sekarang ini di kalangan penduduk-penduduk luar bandar. Jika bekalan air JKR itu begitu menyusahkan rakyat oleh sebab terpaksa menjelaskan berbagai-bagai bayaran tiap-tiap bulan tetapi Rancangan Bekalan Air Masyarakat itu hanya bayar mula sahaja, selepas itu tidak langsung kena pembayaran. Saya rasa Rancangan Mini-Haidro ini juga boleh disamakan dengan Bekalan Air Masyarakat dan sudah tentu akan dapat sambutan yang hangat dari rakyat. Sekian terima kasih,

6.20 ptg.

**Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 60, muka surat 551, Aktiviti (1) Pentadbiran Am dan (2) Perancangan dan Penyelidikan.

Tuan Pengerusi, sebelum saya melanjutkan sedikit sebanyak, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri nanti sewaktu di dalam menjawab atau menggugung, adakah benar bahawa sebahagian daripada pegawai-pegawai tinggi LLN tidak boleh dihubungi selepas time pejabat. Soal ini saya kemukakan oleh kerana kedudukan

bandar Kota Tinggi, kawasan saya sehingga hari ini bekalan api daripada Johor Bahru paling kurangnya dua kali seminggu bekalan elektrik terganggu dan bila elektrik ini terganggu, boleh dikatakan banyak yang bergantung kepada elektrik, stesyen-stesyen minyak tidak dapat dijual minyak, hospital, pekedai-pekedai dan sebagainya terganggu penjualan mereka. Kalaupun perkara ini berlaku sebulan sekali atau dua kali sebulan, ini kata orang Melayu adatlah, tetapi kalau berturut-turut dua kali seminggu, sebulan sudah berapa kali dan perkara ini saya pada satu malam pernah meminta jasa baik LLN Negeri supaya saya hendak bercakap sendiri dengan Pengarah Telekom Negeri, jawapan yang saya terima tidak boleh, tidak boleh mengganggu pegawai itu. Ertinya saya tidak boleh berhubung dengan pegawai yang berkenaan dan saya tidaklah berkehendak mengenalkan diri saya, saya kata tidak apalah. Jadi, saya harap kalau ada pegawai-pegawai yang seumpama ini eloklah diberi nasihat kerana kegunaan elektrik ini menyentuh nadi dan urat-saraf rakyat terutama sekali di luar bandar.

Tuan Pengerusi, menyentuh saya P. 60, rujuk surat 553, Butiran (Projek) 1—Bekalan Elektrik Luar Bandar dan Butiran (Projek) 10—Bekalan Elektrik ke Kawasan FELDA di luar kawasan Pembangunan Wilayah.

Tuan Pengerusi, sebagaimana rakan-rakan saya telah menyentuh masalah ini walaupun di setengah-setengah daerah telah ada bekalan elektrik, tetapi masih banyak lagi kampung-kampung terpencil yang belum dapat dibekalkan dengan api elektrik dan kalaupun sistem yang ada sekarang ini iaitu sistem pendawaian daripada jana-jana elektrik kepada pendalaman dan kayu sebagai tiang dan sebagainya berbatu-batu jauhnya. Di sini saya sukalah mencadangkan bagi kawasan pilihanraya saya umpamanya dan begitu juga kawasan-kawasan pendalaman yang lain, saya mencadangkan supaya generator elektrik yang kecil diadakan bagi daerah-daerah yang terpencil atau yang jauh daripada bandar.

Saya percaya sebagai contohnya dalam kawasan saya telah sedia ada satu peruntukan daripada LLN, telah lama iaitu di kawasan Telok Sengat umpamanya sehingga hari ini perjalanan kuasa elektrik kecil atau generator itu berjalan dengan baik. Kalau rancangan seperti itu dapat dijalankan, saya percaya

dalam Rancangan Malaysia Keempat yang akan datang ini kalaupun tidak 100% kampung dapat dibekalkan dengan api elektrik, tetapi saya yakin dan percaya kebanyakan daerah dalam negeri kita ini akan dapat dibekalkan dengan api elektrik.

Berkenaan dengan peruntukan yang diminta sebanyak \$17 juta dan memandangkan keperluan dan kehendak rakyat yang begitu banyak, memang saya juga bersetuju dengan rakan-rakan saya, peruntukan ini memang tidak mencukupi. Saya harap dapat pihak Menteri yang berkenaan supaya menimbang balik dan meminta peruntukan pada masa yang akan datang peruntukan yang agak menasabah yang boleh dijalankan bagi seluruh negara.

Berkenaan dengan Butiran 10 ini, Tuan Pengerusi, pada tahun yang lalu Timbalan Menteri yang berkenaan pada masa itu telah berjanji dengan saya dan telahpun menyenaraikan nama-nama FELDA yang di luar kawasan Pembangunan Wilayah yang akan dapat api elektrik dalam tahun 1981 terutama sekali dalam kawasan pilihanraya saya. Bagi tahun 1981 yang tidak lama lagi, saya harap Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini akan menyemak semula janji-janji yang dibuat pada tahun lalu terutama sekali dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan, saya harap nama-nama FELDA yang telahpun disenaraikan itu dan telahpun diketahui oleh peneroka-peneroka FELDA yang tersebut—tidak payah saya sebut namanya di sini kerana ada dalam rekod Kementerian ini, saya harap dalam tahun 1981 ini akan dapat dilaksanakan. Kalaupun tidak dapat dilaksanakan ke semua senarai FELDA yang telah disebut itu, sebahagian daripadanya pun jadilah. Ini akan menolong Kerajaan iaitu kepercayaan pengundi-pengundi saya dalam kawasan saya akan lebih kepada Kerajaan, terutama sekali kepada pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bekalan api ini dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah saya pernah menimbulkan kerana ada rakyat sama ada di luar FELDA atau dalam FELDA yang memohon dimasukkan api ini macam-macam jawapan daripada pegawai yang berkenaan di daerah. Tetapi apabila permohonan itu datang berhampiran dengan bandar atau dalam kawasan bandar, begitu mudah didapati dan

ada di antara bangunan yang tidak diluluskan oleh Majlis Daerah bekalan api elektrik dapat dibekalkan. Bila saya timbulkan perkara ini, pihak pegawai menjawab, saya mempunyai dasar katanya tidak terikat sama ada bangunan itu sudah diluluskan oleh Majlis Daerah atau tidak, kalau ada permohonan saya luluskan. Di sini saya kurang jelas, saya kurang faham sama ada benar dasar itu berjalan sekarang. Jadi saya harap pada masa yang akan datang pegawai-pegawai peringkat negeri dan daerah, supaya perkara-perkara yang dibawa dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah itu biar benar-benar, biar betul-betul mengikut dasar yang dijalankan oleh Kementerian, bukan hanya sekadar untuk melepaskan jawapan apabila ditanya oleh pegawai-pegawai lain ataupun Wakil-wakil Rakyat di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah. Dengan ini, saya menyokong peruntukan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

6.28 ptg.

**Tuan Awang bin Jabar (Dungun):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang rata-rata kita tahu sekarang ini telah membuat banyak kejayaan dalam memberi api ataupun cahaya kepada rakyat di pedalaman di seluruh negara ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh mengenai P. 60, Butiran 1—Bekalan Letrik Luar Bandar, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang telah memberi bekalan di kawasan saya dengan sebaik-baiknya, namun begitu ada juga kelambatan-kelambatan yang sampai kini belum lagi diselesaikan. Jadi saya nampak kelambatan-kelambatan yang berlaku itu bukanlah di tempat saya sahaja, barangkali di seluruh negara ini disebabkan oleh beberapa sebab yang antara lain ialah kiraan awal untuk membekalkan generator itu ialah sepadan dengan keadaan semasa, tuntutan semasa ataupun demand semasa, tetapi bila perkembangan itu berlaku lebihkurang tiga tempat, bekalan itu sudah tidak cukup lagi. Jadi bila banyak lagi rumah-rumah yang menghendaki bekalan api maka pihak Elektrik Luar Bandar ini tidak dapat memberi supplynya kerana kekurangan janakuasa. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Bahagian Bekalan Elektrik

Luar Bandar ini membuat satu cara memandang jauh sedikit ke hadapan di dalam hendak meletakkan satu-satu generator di satu-satu tempat. Umpamanya, kita punya projection itu untuk 15 tahun, di dalam jangka 15 tahun itu berapa rumah akan berkembang di satu-satu kampung itu. Dengan cara ini saya rasa kita dapat membekalkan bekalan ini apabila dikehendaki. Kadang-kadang terdapat projek-projek kecil hendak menyambung 10-15 batang tiang sahaja memakan masa juga. Ini disebabkan oleh kerana cara Kementerian sekarang ialah membuat atau melaksanakan projek walaupun yang kecil itu dengan cara tender kepada kontraktor. Kadang-kadang kepada setengah kontraktor apabila projek itu terlalu kecil dan tidak ekonomik mereka melambat-lambatkan kerja itu. Jadi saya mencadangkan supaya projek-projek kecil bolehlah diberi indentnya kepada Jawatankuasa Kemajuan Kampung (JKK) ataupun mana-mana orang-orang yang kita fikir di satu-satu tempat di mana projek itu hendak dijalankan.

Perkara yang kedua dalam Butiran yang sama ialah mengenai Bekalan Elektrik Luar Bandar. Perkara ini juga selama ini cara kita pasang api tepi jalan (street lighting) di kampung-kampung atau di mukim-mukim yang penduduknya ramai sahaja. Ini baguslah kerana kita bimbang kepada orang yang melintas dalam gelap itu boleh berlanggar dan sebagainya, tetapi saya memandangkan dengan keadaan sekarang di sepanjang jalan sama ada daripada utara ke selatan daripada Ibu kota ke Pantai Timur dan berbagai-bagai lagi banyak kemalangan berlaku di waktu malam. Kemalangan itu berlaku kadang-kadang kerana tidak nampak kerana gelap dan berbagai lagi sebabnya dan ada juga kalau tidak kemalanganpun kereta-kereta, lori-lori dan kenderaan-kenderaan yang lalu lintas pada waktu malam rosak dan apabila berlaku kerosakan itu di tengah malam, tambahan pula gelap tak ada api maka ini menimbulkan kepayahan kepada mereka. Jadi, saya cadangkan supaya Bekalan Elektrik Luar Bandar akan mengambil satu cara sekarang ini untuk kita memasang api di sepanjang jalan, kalau tidak ke seluruh negara kita ini pun di tempat-tempat yang kita fikirkan patut di mana banyak kemalangan di selekoh-selekoh yang banyak, di tempat pencuri atau pengganas atau orang-orang banyak kita bekalkan dengan pasangan

api elektrik. Sekiranya kejadian yang tidak diingini berlaku maka untuk menguruskan segala-galanya itu senang apabila diadakan api.

Beralih kepada P.61—Jabatan Telekom, saya tidak hendak komen apa-apa, cuma saya hendak buat pertanyaan iaitu mengenai Pusat Latihan Telekom di Rusila dalam kawasan saya yang diura-urakan dahulu hendak letak batu asas, tetapi sehingga kini ura-ura itu tinggal ura-ura sahaja. Jadi saya berharaplah kepada Kementerian berkenaan supaya pelaksanaan projek Pusat Latihan Telekom di Rusila itu dipercepatkan secepat mungkin.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.34 *ptg.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian berkenaan, saya juga bersetuju dengan pendapat kawan-kawan saya tadi iaitu patutlah Kementerian ini mendapat peruntukan yang lebih dan tidak dihadkan oleh kerana saya berpendapat dalam B. 61 dan B. 62 Telekom dan Pos, semua perkara ini adalah memberi faedah kepada rakyat dan memberi keuntungan kepada Kerajaan. Jadi bukanlah kita buat satu benda yang tak dapat faedahnya balik.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, Butiran berapa?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** P. 61, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** P. 61. Baiklah.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Saya bercakap secara umum dan saya mengambil selari berkenaan dengan Kementerian. Sekarang saya mengambil P. 61 berkenaan Jabatan Telekom. Saya mencadangkan supaya projek pembangunan kepada telekom ini dipesatkan lagi seperti telex patut diadakan seluruh negara kerana ini membawa keuntungan sebagaimana saya katakan tadi supaya dapat berhubung dengan cepat khasnya seperti Perlis yang mana hari ini telah ada kilang simen, gula dan sebagainya. Jadi saya haraplah Kementerian yang berkenaan dapat mengadakan perkara ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan P. 61 ini juga saya mencadangkan supaya kabel itu dibanyakkan lagi kerana hari ini banyak sangat permohonan untuk memasang telefon, tetapi pihak jabatan berkenaan menjawab kami tak cukup kabel dan sebagainya. Ini kenyataan sebagaimana saya kata tadi membawa keuntungan kepada Kerajaan dan beri faedah kepada rakyat. Kalau boleh ditambah wang kerana ini tak merugikan kepada mana-mana pihak. Ini benda betul-betul berlaku.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya bercakap berkenaan dengan telephone box yang dipasang di luar bandar. Ada setengah telefon itu terpaksa diubah ke tempat lain kerana dijaminan oleh pihak tempatan. Jadi saya berpendapat yang menjahanamkan itu adalah orang yang tidak bertanggungjawab kata pepatah kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Pendek kata kalau tiga tempat orang yang tak bertanggungjawab merosakkan satu pondok telefon tiba-tiba pihak Kerajaan mengambil satu sikap ubah ke tempat lain. Itu saya fikir tak patut, carilah jalan macam mana dapat mengatasinya, janganlah kerana seorang dua yang merosakkan telefon itu yang lain tumpang teraniaya walhal dia bukanlah bersalah. Itu kerap kali berlaku.

Tuan Pengerusi, di samping itu juga saya bercakap mengenai Butiran 1, P. 61 Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Saya juga bersetuju dengan kawan-kawan saya tadi supaya peruntukan elektrik ini ditambah dan saya berpendapat elektrik adalah satu perkara yang mustahak dan saya masih ingat satu ketika satu dua minggu yang lepas Dewan terpaksa berhenti sebentar kerana elektrik padam. Pendek kata kita tahu elektrik itu mustahak, kalau takdirnya Dewan sedang mesyuarat elektrik padam Dewan ini kena tangguh ini bermakna begitulah mustahaknya. Orang kampung kita tak tahu, tetapi kita dapat buat bandingan begitu mustahaknya elektrik. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya berharap sangat-sangat kepada Kerajaan dan Kementerian berkenaan melipatgandakan peruntukan walaupun telah banyak diberikan. Contohnya, Perlis saya ucapkan terima kasih kerana saya dapati hari ini lebih 80% sudah ada elektrik tetapi walau macam manapun negeri yang kecil masalah juga di tempat yang tak ada elektrik. Bila dia tengok api elektrik dia lagi hangat hati walhal sudah berdekatan. Ini saya harap sangat-sangat.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan elektrik ini saya minta semacam mana kata wakil Kulim Bandar Baru tadi saya sokong. Sebaiknya buat segenap tempat dan kalau boleh mengikut keadilan. Pendek kata jangan kampung B buat, Kampung C buat, di celah tak buat itu siapa tak hangat hati? Di tempat saya banyak berlaku, kalau hendak buat jangan tinggal tentang celah macam saya contoh dalam Dewan ini kalau hendak bilang-bilang satu sampai sepuluh, jangan dibilang satu sampai empat, langkah tujuh, dia ambil sembilan sepuluh dia kata bilang tak betul. Begitulah juga rancangan jika duit tak ada kita boleh jawab misalnya kampung saya kawasan Titi Tinggi kita kata tak ada wang tetapi kalau di setengah tempat ada tiba-tiba di satu tempat tak ada. Apa kita hendak jawab. Dia kata tempat yang lebih jauh daripada kampung saya dapat, kampung saya dekat tak dapat sebab dilayangkan. Betul juga kata dia itu. Benda ini selalu berlaku.

Tuan Pengerusi, apa yang disuarakan oleh kawan-kawan tadi, saya bersetuju sangat tentang pasang tiang, kalau tertinggal dua batang tiang tolong pasang. Ini selalu berlaku, Tuan Pengerusi, kerap kali bukan pegawai, ini kakitangan pergi bekerja dalam kampung dia silap banci, orang sudah banci daripada awal bila sudah tutup pembancian dan ditutup pemasangan, maka hamba Allah yang dibanci oleh kakitangan LLN tadi dia sendiri terhilang borang yang tersebut. Maka bila dia hilang, kata pihak LLN kamu terpaksa membayar semula sebab kamu terlewat. Tetapi hamba Allah ini bukan terlewat, ini berlaku Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini dan kalau beliau hendak tahu saya boleh beritahu dengan namanya sekali kerana perkara ini betul berlaku. Dia sudah dibanci tetapi oleh sebab kesilapan kakitangan yang bertugas, maka hamba Allah yang tidak bersalah tadi terpaksa membayar wang sedangkan orang lain tidak bayar walhal bukan kesilapannya, ini kerap-kali berlaku.

Tuan Pengerusi, Kerajaan hari ini telah menaikkan gaji kepada semua kakitangan Kerajaan. Saya berharaplah saguhati patutlah kita beri jangan hendak ambil tanah buat jalan sahaja, untuk buat elektrik pun pokok-pokok terpaksa ditebang, jadi saguhati atau gantirugi hendaklah diberikan khasnya

kepada penduduk-penduduk kampung yang terlibat. Begitu juga tanah yang diambil untuk pencawang yang dengan sebab ini tanaman tidak dapat ditanam oleh sebab pencawang yang berhampiran tadi, ini kerap-kali berlaku. Saya berharap apa yang saya katakan ini akan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan kerana perkara ini telah selalu berlaku.

Mengenai bekalan elektrik adalah satu perkara kebaikan seperti yang saya katakan tadi tetapi pelaksanaannya patut kita baiki lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan perhubungan, saya campur sekali dengan telefon, juga berkenaan dengan kakitangan pos. Saya berharap sangat . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ini Butiran mana dan muka berapa Yang Berhormat?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, saya bercakap ini, saya sudah tanda tadi dan saya hendak menyentuh berkenaan dengan perhubungan. Seperti saya katakan tadi . . . .

**Tuan Pengerusi:** Muka berapa dan Butiran berapa?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, muka surat 551, Butiran 2300—Perhubungan, di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Saya suka bercakap mengenai perhubungan di sini iaitu Pentadbiran Am. Hal ini boleh dikatakan baik, tetapi walau macamanapun ada perkara-perkara yang selalu disungut oleh pengguna-pengguna, satu berkenaan telefon. Selalu telefon ini berlaku cross line, apabila kita angkat telefon hendak bercakap, terdengar ada orang sedang bercakap terutama sekali pada hari bekerja separuh hari, misalnya kalau negeri Kedah, Perlis, Trengganu, Johor dan Kelantan kerja separuh hari ialah pada hari Khamis dan pada sebelah petangnya apabila sesiapa hendak bercakap berlakulah cross line. Kalau di negeri seperti Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka dan sebagainya saya biasa dengar mengatakan cross line ini berlaku pada sebelah petang hari Sabtu. Jikalau boleh perkara ini patut diawasi dan diambil perhatian.

Yang kedua, mengenai perhubungan ini saya hendak menyentuh Telephone Operator, banyak yang bagus, tetapi ada kadang-kadang kita biasa dengar masa kita hendak minta, walaupun boleh dail terus, tetapi ada masa dan ketikanya kita terpaksa menggunakan operator dan sebagainya di mana kadang-kadang kedengaran lagu nasyid dan bermacam-macam di tempat itu, dan kadang-kadang lambat sangat mendapat layanan. Jadi biarlah perhubungan ini hendaklah seberapa cepat yang boleh kerana seseorang yang menggunakan telefon ada sesuatu perkara yang mustahak, apabila ada perkara yang mustahak dia terpaksa memusing sampai berminit-minit, dengan ini mereka terpaksa menggunakan operator dan kadang-kadang pula kerana kesilapan nombor dan sebagainya, ini akan membawa satu kepayahan.

Mengenai perhubungan ini saya hendak menyentuh berkenaan dengan posmen, ada setengahnya bagus, tetapi kadang-kadang setengah-setengahnya tidak bertanggungjawab. Perkara ini menjadi kepayahan kepada pengguna-pengguna kerana satu-satunya alat perhubungan sama ada Operator Telefon, Posmen juga adalah satu tugas yang mustahak, dengan sebab itu banyak yang baik.

Saya mencadangkan di sini biarlah tiap-tiap Operator Telefon begitu juga Posmen, Kementerian ini mengadakan satu kursus khas memberi satu tanggungjawab atau pelajaran sivik, mengatakan yang tuannya adalah ditugaskan betul-betul menjalankan tugas, janganlah tuan-tuan buat acuh tak acuh, kadang-kadang makan-minum, bersembang dan sebagainya kerana perbuatan tuannya yang mengabaikan ini mengakibatkan perkara yang mustahak itu mendapat bahaya yang amat besar. Dengan sebab itu saya berharap supaya apa yang saya syorkan ini mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan kerana perkara yang saya syorkan sering kali berlaku.

Saya berharap mengenai bekalan elektrik yang saya katakan tadi biarlah seboleh-bolehnya di Perlis sekarang ini yang mempunyai hanya 20% lagi yang belum diberi bekalan elektrik kalau boleh biarlah Yang Berhormat Menteri memberi perhatian seperti yang dibuat di tempat lain. Saya minta dibuat satu hakikat dari Menteri yang berkenaan sebagai satu sumbangan yang amat besar kepada

negeri kami yang kurang maju supaya pada tahun 1981 ini jangan ada lagi satu kampung dalam negeri Perlis yang tidak mempunyai bekalan elektrik, kerana tempat yang belum mendapat bekalan elektrik ini sangat sedikit. Sebagaimana yang saya dapat tahu masih ramai kakitangan yang menunggu hendak bekerja, dengan sebab itulah saya berharap apa yang disyorkan oleh rakan-rakan saya tadi peruntukan patut ditambah dengan seberapa yang boleh kerana elektrik menjadi kebaikan kepada pembangunan, baik kepada rakyat begitu juga kepada Kerajaan, tanpa elektrik Dewan ini pun harus ditangguh, tentang lain sama-sama kita maklum, maka dengan ini saya menyokong peruntukan yang diminta.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.46 ptg.

**Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh mengenai Maksud B. 62, muka surat 558, Butiran 1100, Program (2)—Perkhidmatan Mel.

Tuan Pengerusi, sudah selalu kedengaran bahawa surat-surat ke kawasan luar bandar tidak sampai pada waktu yang dijangka, ini terutama sekali kalau ada hubungan dengan surat-surat mengenai temuduga atau surat-surat yang memberi satu tarikh penentu untuk sesuatu perkara sama ada yang ada hubungan dengan soal perniagaan ataupun ada hubungan dengan soal pemilikan tanah di Pejabat-pejabat Daerah ataupun yang ada hubungan dengan pekerjaan, sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan yang menyedihkan lagi kalau sekiranya pihak-pihak agensi Kerajaan mengeposkan cek-cek kepada penduduk-penduduk luar bandar umpamanya RISDA mengeposkan cek kepada pekebun-pekebun kecil kerana penanaman semula. Ini Tuan Pengerusi, kita tidak dapat menyalahkan pihak Perkhidmatan Pos kerana dengan sistem dan kakitangan yang ada pada hari ini mereka telahpun menjalankan kerja masing-masing, cuma yang menjadi masalah oleh sebab kita terlalu mengharapkan Wakil-wakil Pos di kampung-kampung dengan habuan yang tertentu, pada hal wakil-wakil pos ini bukan menjadi tanggungjawab atau tugas mereka itu untuk menyampaikan surat-surat kepada tuan-tuan punya surat.

Tugas Wakil Pos ialah hanya menerima surat-surat, menjual setem dan sebagainya, maka terpulanglah kepada orang-orang yang berkenaan untuk bertanya kepada wakil-wakil Pos sama ada surat mereka itu ada ataupun tiada dan perkara yang menyedihkan lagi bila kedapatan di setengah-setengah kampung yang tidak ada Wakil Pos dan oleh sebab penghantar-penghantar surat atau Posmen-posmen terpaksa menghantar surat dalam satu kawasan yang luas, maka surat-surat ini oleh sebab bukannya surat-surat berdaftar atau bukan surat-surat diletakkan sebagai surat segera maka ditinggalkanlah surat-surat itu di tempat-tempat biasa ditinggalkan sama ada di kedai kopi, di rumah ketua kampung atau sebagainya. Kita tidak boleh mengharapkan pekedai-pekedai kopi atau ketua-ketua kampung ini akan menjadi Posmen yang selanjutnya kerana bukan tugas mereka itu. Sistem ini Tuan Pengerusi, rasa saya adalah satu sistem yang perlu diperbaiki kerana selagi kita tidak perbaiki maka tidak putus-putus kita akan menerima sungutan-sungutan daripada orang-orang yang berkenaan mengenai dengan surat-surat tersebut. Maka dengan ini saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Tenaga Telekom dan Pos ini membuat satu kajian supaya dibuat satu kesimpulan atau kawasan-kawasan yang tertentu, misalnya satu kawasan yang mengandungi tidak lebih daripada 1,000 orang atau tidak lebih daripada 300 orang, dijadikan satu kawasan, dan kawasan ini boleh ditadbirkan dengan dua cara.

Cara yang pertama menempatkan satu Wakil Pos yang mempunyai seorang Posmen sepenuh masa diberi motosikal ataupun basikal ataupun cara yang kedua tiap-tiap kawasan ini hendaklah dihantarkan Posmen-posmen, walaupun tidak dapat tiap-tiap hari dalam seminggu ertinya enam hari dalam seminggu, tiga hari dalam seminggu ataupun dua hari dalam seminggu tentukan kerja Posmen ini memberi surat dalam kawasan yang berkenaan ini sahaja, jangan ditinggalkan di merata-rata tempat, kalau surat untuk si A, maka hendaklah disampaikan ke rumah si A. Perkara ini tentulah akan menerima sedikit kerumitan kerana di kawasan-kawasan luar bandar rumah-rumah tidak bernombor. Kalau sekiranya sistem ini hendak diadakan maka bilangan atau jumlah rumah itu hendaklah diperkecilkan kerana kerumitan juga bagi posmen-posmen tersebut untuk menghantarkan surat-surat sepertimana saya

sebutkan tadi. Ini juga ada hubungan dengan telegram. Kebanyakan daripada penduduk-penduduk luar bandar menerima telegram terlalu lewat kerana kita yakin Perkhidmatan Telegram biasa dapat dibuat pada tiap-tiap hari paling jauh hanya setakat empat batu. Jadi selepas daripada itu hendaklah dihantar melalui mel biasa, maka dengan kaedah yang saya sebutkan tadi bolehlah Perkhidmatan Telegram sampai ke tempat-tempat yang berkenaan dan rasa saya ini boleh dicuba.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, yang hendak saya sentuh di dalam masa yang singkat ini ialah Maksud P. 60, mukasurat 553, Butiran 1—Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Sejak akhir-akhir ini saya berterima kasih banyak kepada pihak Kementerian ini kerana telah banyak membekalkan elektrik ke negeri saya, Tanah Merah. Cuma saya ingin menyentuh sedikit mengenai pelaksanaan. Sudah tentu soal pelaksanaan ini adalah dibuat atas kehendak yang dimajukan oleh Jawatankuasa Tindakan Daerah, Jawatankuasa Tindakan Negeri dan seterusnya kepada Kementerian. Tetapi apabila sampai kepada pelaksanaan sekiranya pihak pelaksana ertinya kontraktor tidak menghubungi pihak-pihak yang bertanggungjawab di peringkat daerah atau di peringkat kampung, maka sudah tentu mereka tidak dapat mengetahui di manakah sebenarnya tempat yang hendak dijalankan kerja kerana kadangkala nama kampung di atas pelan itu berlainan daripada nama kampung yang sebenar terdapat on the ground ataupun di kampung itu sendiri.

Jadi adalah harapan saya di sini supaya pihak Kementerian ini melalui LLN menentukan pihak kontraktor sebelum memulakan kerja-kerja mereka itu menemui pihak Pejabat Daerah dan seterusnya hendaklah menemui pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung kerana mereka inilah yang boleh menentukan di manakah sebenarnya tempat-tempat yang telah mereka pernah cadangkan yang sepatutnya mendapat bekalan elektrik tersebut.

Dengan cara yang demikian maka sudah tentu, Tuan Pengerusi, masalah 2-3 batang tiang tidak cukup tidak menjadi masalah, kerana pengalaman saya sendiri, saya dapati

masalah hendak menaruh 4-5 batang tiang kadang-kadang sampai 10 batang tiang tidak menjadi masalah kiranya masalah coordination atau perhubungan di antara kontraktor dengan LLN, dengan pihak-pihak Penguasa Tempatan dapat dijalankan dan saya rasa patutlah perkara ini diperhatikan.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya minta dipertimbangkan apabila pokok-pokok ditebang kalau sekiranya pihak Telekom dapat membayar apalah salahnya pihak LLN mencari jalan bagaimana caranya sama ada minta kerjasama pihak Kerajaan Negeri ataupun LLN sendiri ataupun pihak-pihak lain atau pihak Kemajuan Negeri supaya dibayar sedikit sebanyak pampasan kepada pokok-pokok yang terkena ditebang oleh sebab laluan voltan rendah, bukan voltan tinggi, kerana di dalam masa yang lepas terlalu banyak gangguan-gangguan dari segi pelaksanaan elektrik luar bandar kerana masalah pokok yang hendak ditebang tetapi tidak dibenarkan ditebang oleh tuan-tuanpunya tanah ertinya tuanpunya pokok. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.54 ptg.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil kesempatan untuk memberi pandangan dan alasan atas perbincangan anggaran belajawan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos untuk tahun 1981.

Saya tidak bertujuan untuk menjawab satu persatu soalan yang telah dikemukakan tetapi setakat mana yang boleh saya akan cuba menerangkan yang patut diterangkan dan perkara-perkara yang lain yang tidak dapat saya terangkan memang kita mengambil perhatian dan ingatan dan Kementerian juga akan meneliti dengan sewajarnya.

Yang pertama sekali suka saya menyentuh di atas perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Banyak perkara yang telah dikemukakannya, pertama sekali atas, dengan izin, National Energy Policy atau atas cadangan mencari alternatif atau pelbagai sources of energy di negara kita ini. Memang polisi Kerajaan

sekarang yang telah juga diumumkan beberapa kali sama ada dalam Dewan ini atau di luar, bahawa Kerajaan memang bersetuju kita tidak dapat lagi memberi pergantungan kita sepenuhnya ke atas petroleum oleh kerana bukan sahaja harganya bertambah tinggi tetapi mungkin juga petroleum bertambah kurang.

Memang menjadi tujuan dan hasrat Kerajaan untuk mencari pelbagai tenaga-tenaga yang lain yang dapat dimajukan. Dalam menunaikan hasrat ini kita menjalankan satu polisi untuk mengutamakan punca tenaga yang ada di negara kita sendiri kerana kita tahu jika ini tidak dilakukan, kita mungkin juga dalam tahun-tahun akan datang bergantung pula kepada negara-negara lain dan punca-punca tenaga yang lain. Dengan tujuan ini kita akan mengadakan siasatan dan tindakan telah diambil oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berhubung dengan agensi-agensi Kerajaan yang tertentu terutama sekali pihak Economic Planning Unit (EPU) untuk menyediakan satu inventory tenaga di negara kita ini. Ianya boleh menjadi asas kita mengadakan National Energy Policy kelak. Tetapi oleh kerana perkara menyediakan Energy Policy ini mengambil masa dan ianya adalah kerja yang rumit, ini akan mengambil masa yang panjang lagi dari sekarang dan tidaklah dapat kita meneliti dengan specific pada masa ini setakat mana tujuan Energy Policy yang kita jalankan.

Cuma kita dapat menerangkan puncanya kita akan mencari punca tenaga berlainan dari minyak petroleum dan kita menumpukan khas kepada penjanaaan elektrik oleh kerana penjanaaan elektrik ini adalah satu tenaga dari mana kita dapat mengurangkan penggunaan petroleum. Dan kita akan mengambil langkah seterusnya memperkembangkan punca tenaga lain terutama sekali hydro-power yang besar dan yang kecil. Yang kedua, kita akan menggunakan punca gas asli yang ada di negara kita ini. Dan yang ketiga kita juga akan mengambil tindakan untuk menyiasat kegunaan punca arang batu menjadi satu punca tenaga elektrik di negara kita dan langkah ini seterusnya akan diambil dan tindakan segera memang dijalankan.

Selain dari itu juga, kita tahu bahawa kegunaan tenaga untuk pengangkutan ialah satu kegunaan tenaga yang besar di negara ini dan Kerajaan telah mengambil tindakan untuk

menyiasat punca tenaga yang boleh menggantikan petroleum menggunakan tenaga pengangkutan, alternative to petroleum for transportation. Jadi nampaknya Kerajaan sekarang menyiasat kemungkinan kita menggunakan, dengan izin, Tuan Pengerusi, LPG untuk satu kegunaan punca-punca tenaga pengangkutan. Tetapi setakat ini masih lagi dalam peringkat siasatan yang awal dan kita belum dapat memastikan ianya dapat digunakan dengan ekonomi di negara kita ini.

Apa yang saya seterusnya suka menjelaskan ialah kesedaran Kerajaan untuk keperluan kita mengadakan punca-punca tenaga yang lain dari petroleum dan tindakan memang terus diambil untuk melaksanakan perkara ini.

Perkara kedua Ahli Yang Berhormat itu menyentuh ialah perkara conservation. Tidak payah saya menerangkan perkara ini dengan panjang lebar petang ini oleh kerana esok saya sendiri bercadang melancarkan 'conservation campaign' yang akan dilancarkan oleh Kerajaan di negara kita ini. Tujuan yang pertama untuk melancarkan campaign ini ialah untuk rakyat jelata di negara kita ini harus menyedari bahawa tenaga memang mungkin berkurangan dan mahal selepas rakyat jelata menyedari ini mungkin senang untuk Kerajaan menjalankan program conservation.

Tetapi kita juga harus ingat walaupun banyak pandangan-pandangan telah diberi atas kenaikan tarif electricity yang baru mula kuatkuasanya pada hari ini, satu dari tujuan tarif yang baru ini ialah untuk menentukan conservation of energy. Ini satu langkah seimbang dengan hasrat Kerajaan. Kita tahu dan kita sedar bahawa Kerajaan mengingatkan orang yang kecil iaitu pengguna-pengguna electricity yang menggunakan kurang daripada 48 unit sebulan diberi pertimbangan yang lebih menasabah dari tarif yang lepas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam statistik penggunaan tenaga electricity di negara kita ini lebih daripada 50% registered consumers ialah mereka yang berkedudukan begini.

Ahli Yang Berhormat dari Gerik dan banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga menyentuh dalam perkara pelaksanaan dan peruntukan atas Lembaga Letrik Negara untuk luar bandar. Saya rasa eloklah saya

memberi pandangan atas amnya atas perkara-perkara yang telah disebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi. Memang kita memberi terima kasih terutama dari Kementerian saya sendiri dan dari pegawai-pegawai Lembaga Letrik Negara oleh kerana banyak Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap memberi pujian dan memberi terima kasih atas bertambahnya pelaksanaan projek Lembaga Letrik Negara di negara kita lebih-lebih lagi dalam dua tiga tahun yang lepas.

Tujuan Kerajaan kita sekarang memang hendak menunaikan dengan seberapa cepat yang boleh pelaksanaan projek electricity luar bandar di seluruh negara. Tetapi memang juga sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum tidak dapat semua projek ini dilaksanakan serentak atau sekali gus. Ianya akan dilaksanakan berperingkat-peringkat mengikut kemampuan Lembaga Letrik Negara sendiri dan mengikut kemampuan kawangan Kerajaan selepas kita menimbang dari kemampuan yang digunakan untuk perkara-perkara kemajuan negara kita ini. Namun demikian memang kita akan terus mencari langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek-projek yang sudah diluluskan. Oleh yang demikian, saya memang tertarik atas comment yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Memang benar kita telah melaksanakan rancangan untuk menggunakan sistem kabel alat "DMKA—T" dan ini telah dilaksanakan sebagai satu projek penyelidikan di Kuala Selangor dan pelaksanaannya nampaknya memberi kesan yang baik dan dapat menolong Lembaga Letrik Negara melaksanakan projek-projek Lembaga Letrik Negara di luar bandar dengan cepat lagi. Kegunaan sistem dan teknologi ini akan diperluaskan dalam pelaksanaan projek-projek Lembaga Letrik Negara khasnya projek luar bandar yang ketinggalan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan kita akan bercadang juga menyambung kegunaannya dalam pelaksanaan projek dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tujuannya ialah oleh kerana kita sedar beberapa perkara menjadi masalah untuk mempercepatkan pelaksanaan projek luar bandar sekarang ialah sebab yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, kesusahan kita hendak mendapat izin

lalu dan memotong pokok-pokok, bukan sahaja pokok durian, ada juga tempat di mana pokok manggis pun susah hendak dipotong, pokok rambutan pun susah hendak dipotong. Tetapi mengikut siasatan sekarang jika kita menggunakan sistem ini ianya tidak payah sangat dipotong banyak lagi, tali-tali dawai ini dapat ditarik dan digantungkan dan tidak payah kita memotong banyak pokok-pokok macam sistem yang biasa.

Didapati dalam rancangan di Kuala Selangor misalnya kalau kita menggunakan sistem yang biasa kita akan memotong mungkin 100 pokok kelapa tetapi dengan cara ini kita cuma kena memotong 5 atau 10 sahaja. Ini memang akan memberi faedah yang besar dan kita bercadang akan memperluaskan penggunaannya dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang tinggal dan juga dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Dengan comment itu tidak payah saya menerangkan satu persatu projek-projek yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap tadi kerana nampaknya dalam pandangan saya dan juga saya harap dalam pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap atas masalah ini puncanya serupa. Tujuan kita memang mencari cara yang serupa untuk menghadapi masalah yang berpunca serupa itu dan kita telah juga mendapat satu teknologi yang kita harap dapat memberi faedah atas perkara ini.

Menyentuh juga dalam perkara mini hydro, ini memang satu daripada tujuan utama Kerajaan sekarang. Seperti yang saya sebutkan tadi untuk memperluaskan berbagai punca tenaga di negara ini bukan sahaja hydro projek yang besar yang kebanyakannya di negeri Sarawak yang menggunakan saluran kabel di bawah lautan tetapi juga kita akan memajukan projek-projek mini hydro, yang kecil-kecilan, bukan mini hydro sahaja tetapi micro hydro mungkin yang memberi janakuasa yang kecil tetapi cukup atas kegunaan beberapa rumah keluarga orang-orang yang di dalam kampung yang terpencil. Dalam menjalankan projek ini kita akan memberi pertimbangan bukan sahaja dari segi technical bahkan dari segi locality kerana walaupun kampung-kampung itu di pedalaman tidak seharus ianya mempunyai punca tenaga mini hydro. Jadi kita mesti memberi penyiasatan yang tertentu untuk menentukan punca hydro itu dapat dilaksanakan dan

dapat dimajukan. Oleh tujuan ini kita akan melaksanakan seterusnya dari Lembaga Letrik Negara sendiri, kalau tidak silap saya mini hydro akan dilaksanakan di lapan tempat pada tahun ini dan tahun hadapan. Selain dari itu kita akan mengadakan siasatan atas 120 tempat yang lain. Ini akan dilaksanakan melalui tiga consultants yang telah dilantik oleh Kerajaan: satu consultant akan menjalankan tugas di kawasan utara Semenanjung, satu consultant akan menjalankan tugas di kawasan selatan dan satu consultant akan menjalankan tugasnya di Sarawak dan Sabah dan kita berharap laporan dari consultants ini akan membolehkan Kerajaan melaksanakan projek-projek mini hydro ini.

Memang sebetul kalau kita mengirakan harga mini-haidero bermula daripada capital costnya dahulu memang nampak agak tinggi tetapi kalau dibandingkan cuma sekali sahaja capital cost ini dikeluarkan dan mini-haidero ini boleh digunakan dalam jangka masa 25 tahun tidak ada perubahan yang perlu selain dari perkara-perkara operasi yang tertentu, harga-harganya yang dikira dalam jangka panjang memang nampaknya competitive kalau dibandingkan dari harga-harga punca minyak yang lain pada masa yang akan datang. Oleh itu, tujuan Kerajaan memang hendak memperluas dan memperkembangkan projek mini-haidero dari mana yang boleh di tempat-tempat yang tertentu.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menjelaskan bahawa dalam menjalankan tindakan melaksana projek elektrik luar bandar, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos melalui Lembaga Letrik Negara menyusun projek-projek yang akan dilaksanakan dan diluluskan selepas mengambil pertimbangan permohonan-permohonan dari tiap-tiap negeri dan permohonan-permohonan dari tiap-tiap negeri ini memang dihantarkan melalui Kerajaan Negeri sendiri dan senarai-senarai (list) projek yang dilulus atau dikeseluruhan kepada Kementerian ialah senarai-senarai projek yang telah disokong oleh Kerajaan Negeri. Dan kita percaya Kerajaan Negeri sendiri memang mempunyai matlamat-matlamat yang tertentu bahawa projek-projek itu boleh dilaksanakan dan harga-harga anggarannya sudah ditimbangkan.

Walaupun demikian, kita juga bukan sahaja memberi pertimbangan berdasarkan alasan dari Kerajaan Negeri tetapi biasanya

Kementerian saya juga mengambil peluang untuk mendapat serba sedikit pandangan-pandangan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa pada masa yang lepas kita telahpun berbuat demikian lebih-lebih lagi pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Gerik menimbulkan masalah telefon luar bandar; minta perhatian yang serius tentang kawasan sempadan keselamatan untuk cepat menghubungi pondok-pondok polis.

Tuan Pengerusi, Kerajaan memang sedar dan telah merancang untuk memberi perkhidmatan telefon luar bandar terutama di kawasan sempadan di Semenanjung. Kementerian saya telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak lebihkurang \$5 juta untuk kawasan Gerik, Keroh dan Baling. Bagi tujuan kawasan sempadan iaitu di Gerik dan Keroh sahaja ialah sebanyak lebih kurang \$1.2 juta dan rancangan ini adalah untuk tahun yang akan datang iaitu tahun 1981.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas ada juga menyentuh tentang alat pemancar di Bukit Maxwell yang tidak berupaya memberi kuasa pemancaran yang lengkap. Kementerian saya dan saya sendiri memang sedar bahawa alat pemancar di Bukit Maxwell tidak dapat membuat pemancaran perhubungan yang baik pada masa sekarang. Pada tahun yang ke hadapan Jabatan Telekom merancang untuk membina sebuah stesyen gelombang mikro yang menggunakan tenaga suria (solar energy) dan projek ini apabila siap kelak diharapkan memberi mutu pemancaran yang bertambah baik.

Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah juga menyentuh beberapa perkara. Selain daripada perkara yang lain beliau juga telah menyentuh berkenaan dengan Ibusawat Telefon yang baru-baru ini telah dicommission di Pelangi yang memberi perkhidmatan yang lebih baik lagi dan juga menyentuh aduan-aduan dari orangramai berkenaan dengan bil-bil telefon nampaknya meningkat tinggi, pada pandangan beliau tidak berpatutan.

Mengenai pertikaian bil telefon yang terdapat sekarang, memang Kementerian sedar dan saya sendiri juga sedar ada aduan dari orangramai yang tertentu dan siasatan-siasatan memang dijalankan sebaik sahaja kita menerima aduan. Tetapi walaupun ada aduan,

walaupun ada kemungkinan bil-bil itu ada kesilapan, jika dibandingkan dengan banyaknya perkhidmatan yang dijalankan, ini nampaknya agak tidak banyak sangat kalau dibandingkan dengan perspective yang betul. Walaupun ada kemungkinan perkhidmatan itu tidak memuaskan atau bil itu tidak memuaskan jika dibandingkan dengan perkhidmatan seharusnya ini tidak menjadi masalah yang sangat besar. Walaupun demikian, kita akan mengambil tindakan seterusnya memperbaiki sistem penghantaran bil-bil telefon bukan sahaja di Semerah tetapi di seluruh negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun minta saya menerangkan bilakah Pusat Latihan Telekom di kawasan pantai timur iaitu di Trengganu akan dilaksanakan. Saya suka menerangkan bahawa tender bagi Pusat Latihan Telekom bagi kawasan pantai timur yang akan ditempatkan di negeri Trengganu akan dikeluarkan dalam bulan Disember tahun ini. Kita sekarang sedang menyediakan detail tender ini. Dan pembinaannya jika ianya tidak ada apa-apa halangan dijangka akan siap dalam masa dua tahun dan harganya mengikut anggaran yang didapati sekarang ialah \$28 juta. Jadi ini akan dilaksanakan.

Beliau juga menyentuh sepatutnya Lembaga Letrik Negara mengadakan lampu-lampu di jalanraya dan minta ditambah lampu-lampu ini. Ini memang satu pandangan yang baik tetapi mengikut polisi sekarang, kebiasaannya kos untuk membiayai lampu-lampu ini dipikul oleh pihak Berkuasa Tempatan sendiri seperti Majlis-majlis Daerah (Local Council) dan jika pihak-pihak tertentu memohon berkehendakkan lampu-lampu tersebut, kita memang boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Panti juga menyentuh atas projek-projek bekalan elektrik kepada kawasan FELDA yang di luar daripada kawasan Wilayah. Memang betul perkara ini telah diserahkan kepada tanggungjawab Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, ini perkara-perkara yang berkaitan dengan bekalan elektrik ke kawasan-kawasan FELDA daripada luar kawasan Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya sekarang tidak dapat menentukan bahawa projek FELDA yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dimasukkan dalam senarai projek yang akan dilaksanakan.

Tetapi saya akan mengambil perhatian dan menyiasat sebaliknya oleh kerana pada masa saya bercakap ini saya tidak ada maklumat yang lengkap untuk menjawabnya.

Satu perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat iu yang patut saya terangkan dan memang saya mengambil serius, ianya bukan sahaja atas perhubungan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil Rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri tetapi Kerajaan memang seharusnya berhubung rapat dengan orang ramai dan mana-mana pandangan pun atas kemajuan atau projek-projek yang tertentu memanglah menjadi hasrat pegawai-pegawai kita patut menerima berhubung dengan perkara itu. Oleh yang demikian, saya tidak faham sebenarnya ada tidaknya pegawai-pegawai Lembaga Letrik Negara khasnya di Johor yang nampaknya mengikut Ahli Yang Berhormat itu enggan berjumpa dan menerima pandangan beliau. Jika ini benar, memang kita akan mengambil pandangan serius oleh kerana Kerajaan sekarang ialah Kerajaan berjiwa rakyat, Kerajaan yang memandang berat pandangan rakyat di negara ini dan kita memang berkehendakkan pandangan-pandangan yang tertentu lebih-lebih lagi jika pandangan itu datangnya dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong Kerajaan. Oleh kerana punca-punca Ahli-ahli Yang Berhormat menyokong Kerajaan, kita tahu dan mendapat pandangan apa yang patut dilaksanakan oleh Kerajaan negara kita ini dengan tindakan yang boleh dilakukan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya rasa elok saya sentuh ialah mengenai kepesatan pembangunan kemajuan letrik luar bandar beberapa tahun yang lepas dimana ada kemungkinan kualiti api yang dijalankan itu gelap dan ini pandangan yang betul dan kita pun sedar. Oleh itu, satu langkah dan satu projek yang akan dilaksanakan terutamanya dalam Rancangan Malaysia Keempat kelak oleh Lembaga Letrik Negara, ialah untuk memperbaiki infrastructure transmission jana kuasa letrik yang tertentu di kawasan-kawasan yang tertentu. Oleh itu, kita telah mengemukakan anggaran yang agak besar untuk infrastruktur yang tertentu itu. Walaupun kita dapat menyambung ke rumah-rumah jika mutu api yang dijalankan itu tidak baik, mungkin itu tidak memberi faedah yang dikehendaki oleh pengguna-pengguna.

Atas pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan dan sokongan atas anggaran Kementerian ini, saya memang memberikan ucapan terima kasih sebanyak-banyaknya dan juga harus saya menerangkan di sini walaupun peruntukan yang dikemukakan di dalam Dewan ini nampaknya tidak mencukupi tetapi dalam menjalankan projek-projek, Jabatan Telekom misalnya bukanlah ia membelanjakan apa yang diterangkan itu sahaja. Ini memandangkan belanja yang hendak dipinjam dari Kerajaan Persekutuan tetapi Jabatan Telekom sendiri misalnya menjalankan commercial accounting, dengan izin, dan ianya menggunakan belanja-belanja yang dikeluarkan dari pendapatan jabatan itu sendiri. Misalnya, belanjawan Jabatan Telekom untuk tahun 1981 adalah dianggarkan sebanyak \$687,676,000 jadi ini jauh berlebihan dari apa yang ternampak dalam buku yang kita bahaskan. Buku ini cuma menunjukkan peruntukan yang diminta dari Kerajaan Persekutuan tetapi jabatan itu mengeluarkan perbelanjaannya mengikut pendapatan jabatannya sendiri.

Begitu juga dalam pelaksanaan projek-projek Lembaga Letrik Negara, Lembaga dapat mengeluarkan perbelanjaan yang dikehendaki oleh Lembaga itu atas pendapatan Lembaga sendiri dan keperluan yang melebihi dari itu untuk melaksanakan projek-projek yang ianya diminta melalui atau secara langsung atau secara pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Oleh itu walaupun kita memang suka berbelanja yang secukup-cukupnya tetapi nampaknya mengikut kecekapan dalam tahun hadapan yang telah diteliti, kita mungkin ada berbelanja seperti apa yang didapati dimana jabatan tersebut dapat melaksanakan projek-projek yang tertentu. Apa yang harus dijalankan ialah menentukan kecekapan ejensi-ejensi itu menghabiskan dan melaksanakan projek-projek yang telah diluluskan.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, sedikit sebanyak keterangan-keterangan yang telah saya berikan tadi, saya memberikan terima kasih sekali lagi atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti apa yang saya sebutkan pada mula saya bercakap tadi, perkara-perkara yang saya lupa hendak jawab, oleh kerana peringatan sudah tua mungkin tidak tertentu dan kita akan mengambil perhatian

dan tindakan serta ingatan yang tertentu dengan sewajarnya. Oleh itu saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$19,456,000 untuk Maksud B. 60; \$10 untuk Maksud B. 61 dan \$113,406,000 untuk Maksud B. 62 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$19,456,000 untuk Maksud B. 60; \$10 untuk Maksud B. 61 dan \$113,406,000 untuk Maksud B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$102,827,525 yang disebutkan dalam Maksud P. 60;

\$150,000,000 untuk Maksud P. 61 dan \$6,446,969 untuk Maksud P. 62 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$102,827,525 untuk Maksud P. 60; \$150,000,000 untuk Maksud P. 61 dan \$6,446,969 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Selasa, 2hb Disember, 1980.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*